

PENAGIH DADAH DAN PEMULIHAN:  
SATU KAJIAN KES MENGENAI PUSAT PEMULIHAN DADAH KRISTIAN,  
SELANGOR.

OLEH

No. Matrik : 037571

Khor Phaik Ee

abang-abang yan

Latihan Ilmiah

Bagi Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat-Syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Sastera

Jabatan Antropologi dan Sosiologi  
Universiti Malaya  
Kuala Lumpur

Sessi 1982/83

(iii)

DAFTAR KANDUNGAN

	<u>Muka Surat</u>
Penghargaan	(i) - (ii)
Daftar Kandungan	(iii) - (v)
Senarai Jadual	(vi) - (vii)
Sinopsis	(viii) - (ix)
Bab I <u>PENGENALAN</u>	<u>1 - 18</u>
1.1: Masaalah Penagihan Dadah di Malaysia	1
1.2: Pusat-pusat Pemulihan di Negara ini	3
1.3: Tujuan Kajian	7
1.4: Metode-metode Kajian	8
1.5: Sampel Responden-responden	10
1.6: Masaalah-masaalah Semasa Kajian	11
NOTA KAKI	18
Bab II <u>STRUKTUR DAN ORGANISASI PUSAT</u>	<u>19 - 50</u>
2.1: Latar Belakang Pusat-pusat Pemulihan Dadah Kristian di Barat	19
2.2: Pusat-pusat Pemulihan Dadah di Malaysia	24
2.3: Pusat Pemulihan Dadah Kristian yang Dikaji	26
(1) Latar Belakang Pusat	26

	(iv)	<u>Muka surat</u>
(ii) Struktur Fizikal Pusat	27	
(iii) Tujuan Pusat	29	
(iv) Struktur Pentadbiran Pusat	30	
(v) Program/Rancangan Pemulihan	35	
(a) Metode Pemulihan		
(b) Struktur Program Pemulihan		
(vi) Hubungan di antara Kakitangan	40	
Program Pemulihan dengan		
Penghuni-penghuni		
(vii) Hubungan di antara penghuni-	44	
penghuni		
NOTA KAKI	49 - 50	
<b>Bab III</b>	<b><u>LATAR BELAKANG PENAGIH</u></b>	<b><u>51 - 84</u></b>
	<b><u>DADAH/PENGHUNI-PENGHUNI</u></b>	
3.1:	Umur, Pendidikan, Negeri Asal	52
	dan Taraf Perkahwinan	
3.2:	Latar Belakang Keluarga	59
3.3:	Pekerjaan, Perbelanjaan dan	
	Sumber Kewangan	65
3.4:	Sebab-sebab Menggunakan Dadah	71
3.5:	Pengalaman di Pusat Pemulihan	75
	Dadah yang lain	
3.6:	Kejayaan atau Kegagalan	79
	Memulihkan Diri	

	<u>Muka surat</u>	
3.7:	Motivasi dan Aspirasi	80
	Penghuni-penghuni	
	NOTA KAKI	83 - 84
Bab IV	<u>STRUKTUR PROGRAM PEMULIHAN</u>	<u>85 - 108</u>
	<u>DI PUSAT</u>	
4.1:	Program Pemulihan	85
4.2:	Struktur Program	95
4.3:	Metode-metode Pemulihan	104
Bab V	<u>KEKESANAN DAN KEJAYAAN PROGRAM</u>	<u>109 - 122</u>
	<u>PEMULIHAN DI PUSAT PEMULIHAN</u>	
	<u>DADAH KRISTIAN SELANGOR</u>	
	Kekesanan dan Kejayaan Program	
	Pemulihan di PPDKS	
Bab VI	<u>PENUTUP</u>	<u>123 - 130</u>
6.1:	Kesimpulan	123
6.2:	Cadangan-cadangan	127
	<u>BIBLIOGRAFI</u>	
9.	Angkutan Penghuni Dalam Negeri	70
10.	Akaun-akaun Penghuni-penghuni	73
11.	Perangkaian Dahul	
12.	Perangkaian Penghuni-penghuni Dalam Negeri	76
13.	Kemahiran di Tantang-pantang Pemulih	
14.	Kesimpulan	

SENARAI JADUAL

<u>JADUAL</u>		<u>Muka surat</u>
1	Komposisi Bangsa Penghuni-penghuni	51
	Pusat yang Berjaya Ditemuramah	
2	Jumlah Penghuni-penghuni Pusat	52
	Pada Bulan Mac, 1982	
3	Umur Penghuni-penghuni di Pusat	54
4	Umur Penghuni-penghuni Mula Mengambil Dadah	55
5	Peringkat Pendidikan yang Dicapai oleh Penghuni-penghuni Mengikut Aliran Bahasa Pengantar	56
6	Negeri Asal Penghuni-penghuni	58
7	Perhubungan di antara Penghuni- penghuni dengan Keluarga (Ibubapa) Mereka	61
8	Kedudukan Kewangan atau Ekonomi Keluarga Penghuni-penghuni	65
9	Pengalaman Penghuni Ditahan oleh Polis	70
10	Alasan-alasan Penghuni-penghuni Menggunakan Dadah	72
11	Percubaan Penghuni-penghuni Memulih- kan Diri di Pusat-pusat Pemulihan Kerajaan	76

JADUALMuka surat

12	Jumlah Penghuni yang Pernah Memasuki Pusat Pemulihan Dadah Kristian yang lain	78
13	Tekanan-tekanan yang Mendesak Penghuni-penghuni Menerima Pemulihan	81
14	Bilangan Penghuni di PPDKS Selepas 12hb. April, 1982	111
15	Maklumat yang Diterima Daripada 2 orang Penghuni PPDKS Tentang "Nasib-nasib" Bekas-bekas Penghuni yang lain (termasuk diri mereka) pada 30hb. Mei dan 1hb. Jun, 1982	112

SINOPSIS

Ini merupakan satu kajian kes terhadap 17 sampel penagih-penagih dadah di sebuah pusat pemulihan dadah Kristian di Selangor. Pusat itu dirujuk sebagai Pusat Pemulihan Dadah Kristian Selangor, atau PPDKS. Tujuan kajian ini adalah untuk meninjau metode dan program pemulihan yang disediakan, dan kekesanan pusat itu menolong meringankan masaalah penagihan di Malaysia. Yang lebih menarik ialah untuk melihat bagaimana agama Kristian digunakan sebagai suatu alat pemulihan.

Untuk melihat aspek-aspek tersebut, kajian ini dibahagikan ke dalam beberapa bab. Dalam Bab Pertama, pengkaji telah menghuraikan beberapa perkara penting mengenai kajian seperti masaalah penagihan di Malaysia, pusat-pusat pemulihan yang terdapat di negara ini, tujuan kajian ini, metode-metode kajian, sampel responden-responden, dan masaalah-masaalah yang dihadapi semasa menjalankan kajian,

Bab Kedua membincangkan tentang struktur dan organisasi pusat itu yang merangkumi latar belakang PPDKS, struktur fizikalnya, struktur pentadbiran dan program/rancangan pemulihan. Hubungan di antara kakitangan iaitu Ketua Pusat dan kaunselor-kaunselor dengan penghuni-penghuni serta hubungan di antara penghuni-penghuni sendiri juga disentuh dalam kajian ini.

Dalam Bab Ketiga, apa yang ditonjolkan ialah mengenai latar belakang penghuni-penghuni, di antaranya termasuklah umur, pendidikan, negeri asal dan taraf perkahwinan; latar belakang keluarga; pengalaman di pusat-pusat pemulihan yang lain; kejayaan atau kegagalan memulihkan diri dan sebagainya.

Bab Keempat telah diuraikan dengan lebih mendalam tentang struktur program pemulihan. Perhatian diberikan kepada program pemulihan, **struktur** programnya dan metode-metode yang digunakan untuk memulihkan para penghuni.

Selanjutnya, dalam Bab Kelima, pengkaji cuba memberi suatu penilaian ke atas kekesaranan dan kejayaan program pemulihan di PPDKS.

Bab Keenam atau bab terakhir merupakan kesimpulan atau rumusan dari apa yang dibincangkan dalam bab-bab sebelumnya dan juga dikemukakan beberapa cadangan yang mungkin dapat memberi manfaat kepada pusat tersebut.

## BAB I: PENGENALAN.

### 1.1: MASAALAH PENAGIHAN DADAH DI MALAYSIA:

Penagihan dadah bukanlah satu perkara yang baru di negara ini. Sejak pemerintahan British lagi penagihan candu adalah begitu berleluasa di negara ini, terutamanya di kalangan kaum keturunan Cina. Penagih-penagih candu yang berdaftar di Negeri-negeri Selat (Pulau Pinang, Melaka dan Singapura) dan di Negeri-negeri Bersekutu (Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang) adalah berjumlah 60 (enam puluh) ribu orang. (1) Akan tetapi, yang tidak berdaftar pula tidak kurang dari jumlah ini. Ini menunjukkan bahawa penagihan candu pada masa itu tidak merupakan satu kesalahan di sisi undang-undang, malah usaha pendaftaran telah diadakan pula.

Walaupun Malaysia tidak menanam pokok popi yang daripadanya didapati candu, tetapi negara ini terletak hampir dengan kawasan pertembungan "Golden Triangle" yang terkenal di rantau ini. Oleh itu, candu (dan jenis-jenis dadah lain) telah diseludupkan ke negara ini dari negara-negara jiran seperti negeri Thai dan Burma. Penyeludupan seperti morfin dan candu adalah melalui jalan laut ke perkampungan di sepanjang pantai Malaysia.

Penagihan dadah tidak menjadi suatu masaalah sosial yang begitu serius sehingga tahun-tahun 1970an. Gejala ini berterusan sehingga ke dekad ini, malah

keadaannya bertambah serius lagi. Ini menyebabkan Malaysia sekarang ini meletakkan masaalah dadah ini lebih sebagai masaalah keselamatan daripada suatu masaalah sosial. Matlamat ini bertujuan memböléhkan kerajaan (dan agensi-agensi lain) memahami kepentingan masaalah ini dan supaya lebih banyak tenaga, perhatian dan kesungguhan dapat dicurahkan kepada kawalannya sepetimana negara-negara lain mengawasi benteng pertahanan mereka dari musuh luar. Suatu masaalah keselamatan sudah tentu mengancam keujudan, kestabilan dan keharmonian sesebuah negara. Dalam hal yang sama dengan dadah ini, Malaysia telah dan sedang menggembelingkan dan mengerakkan usaha-usaha dan peruntukan yang maksima terhadap usaha membenteras ancaman ini.

Nampaknya, gelaran "Public Enemy Number One" yang dilemparkan kepada masaalah penyalahgunaan dadah ini memang mempunyai asas-asas yang kukuh. Dalam konteks penagihan di negara ini, misalnya, dari tahun-tahun 1970 hingga 1980, terdapat 55,395 orang yang telah dilapur menggunakan dadah. (2) Data mengenai penyalah-penyalah guna dadah yang menerima rawatan di hospital-hospital dan penjara-penjara menunjukkan bahawa 87.0% adalah di bawah umur 35 tahun. Dari jumlah ini (48,747 orang) telah didapati bahawa 45.9% adalah di bawah umur 15 hingga 25 tahun; 41.9% di antara 26 hingga 35 tahun dan 0.2% adalah di bawah umur 15 tahun. Data ini adalah hanya bagi mereka

yang samada yang telah ditahan oleh pihak berkuasa atau yang menerima rawatan sukarela di hospital-hospital kerajaan. Apa pula agaknya angka atau peratus yang akan muncul kalaularah diambil kira juga penagih-penagih yang masih berkeliaran di setiap pelusuk negara ini.

Malah sehingga bulan Oktober tahun 1981, telah dianggarkan bahawa terdapat 400,000 orang penagih dadah di Malaysia. (3) Jumlah atau angka yang meningkat dengan begitu pesat setiap tahun telah menunjukkan kepada semua (dan menyedarkan pihak-pihak tertentu) bahawa 'tunas harapan negara' iaitu golongan belia-belialah yang sedang bergelut dengan 'musuh utama negara' ini. Penyalahgunaan dan penagihan dadah mengakibatkan kemusnahan dan kehilangan sumber-sumber tenaga manusia yang sangat diperlukan untuk pembangunan negara Malaysia.

#### 1.2: PUSAT-PUSAT PEMULIHAN DI NEGARAINI:

Maka, tidak dapat dinafikan lagi bahawa kerajaan dalam mengenali atau menyelesaikan masaalah dadah ini telah dan sedang berusaha untuk menunjukkan arahan dan kordinasi yang sesuai untuk mencegah penyalahgunaan dadah terutamanya di kalangan belia-belia. Umpamanya telah ditubuhkan sebuah "Cabinet Committee on Drug Control", undang-undang "Dangerous Drugs Act of 1952" digubal dari masa ke masa mengikut keperluan-keperluan pola-pola penggunaan dadah yang berubah-ubah, di samping mengadakan rawatan dan

pemulihan untuk penagih-penagih dadah. (4)

Pendekatan-pendekatan yang digunakan dalam usaha-usaha rawatan dan pemulihan adalah tertumpu kepada usaha meringankan dan mengurangkan masaalah-masaalah fizikal, psikologi dan sosial penagih-penagih dan untuk melibatkan individu itu dalam program interaksi sosial dan kesyesenial di dalam komuniti itu (pusat pemulihan). Dalam ertikata lain, pusat-pusat pemulihan dadah kerajaan menggunakan pendekatan-pendekatan "methadone-maintenance therapy" dan "therapeutic communities".

Dalam metode "methadone-maintenance therapy" penagihan methadone digantikan untuk penagihan heroin kerana dipercayai bahawa methadone dapat membolehkan seseorang itu berfungsi dengan lebih normal dalam kontek sosial. Penekanan "methadone-maintenance therapy" adalah semata-mata atas aspek-aspek fizikal dan perubatan pergantungan dadah manakala aspek masaalah emosi dan perwatakan tidak dititikberatkan langsung. Walaupun methadone adalah kurang ketagih daripada heroin, tetapi kenyataan yang tidak dapat dielakkan ialah ia masih mendatangkan ketagihan.

"Therapeutic community" pula bertujuan mengubah dan memperbaiki aspek-aspek perlakuan dan perwatakan seseorang penagih. Ini bertujuan mengukuhkan perwatakan dan emosi penagih dadah untuk menghadapi cabaran-cabaran yang emosional dan psikologikal tanpa berpaling kepada

dadah kembali. Dengan cara ini diharapkan mereka dapat diintegrasikan semula ke dalam masyarakat. "Therapeutic community" menyediakan sokongan "peer-group" atau kumpulan sebaya yang amat diperlukan dan persahabatan dengan penekanan ke atas "self-control" dan "self-reliance." (5)

Buat masa ini kerajaan telah menghabiskan hampir tiga juta ringgit (\$3 juta) setahun untuk mengendalikan empat buah pusat pemulihan yang terletak di Bukit Mertajam, Kuala Kubu Bharu, Johor Bahru dan Besut. (6) Kesemuanya dapat menempatkan maksima penghuni sebanyak 590 orang. Sehingga akhir tahun 1980, pusat-pusat ini telah menerima 4,773 orang penagih-dadah. (7) Dalam tahun 1980 sahaja, sebanyak 1,157 orang penagih telah dimasukkan ke pusat-pusat itu. Suatu 'survey' ke atas jumlah ini menunjukkan bahawa 30 orang adalah dalam kumpulan umur 12 hingga 18 tahun, dan 85 orang dalam lingkungan umur 18 hingga 21 tahun. Kumpulan yang terbesar ialah di antara 21 hingga 30 tahun yang berjumlah 789 orang kesemuanya.

Walau bagaimanapun, pengalaman Malaysia dalam aspek pemulihan adalah singkat. Dalam satu tinjauan yang telah dijalankan (8) telah didapati bahawa pusat-pusat pemulihan kerajaan memperlihatkan beberapa 'lacuna'. Menurut Menteri Kebajikan Am, Datin Paduka Hajjah Aishah Ghani, (9) hanya 37% daripada penagih-penagih dadah yang telah menerima rawatan dan pemulihan di pusat-pusat kerajaan

berjaya membuang tabiat lama mereka. 35% daripada mereka kembali kepada dadah semula, sementara 28% lagi tidak diketahui akan nasib mereka kerana Kementerian tersebut telah hilang kontak dengan mereka buat beberapa ketika. Begitu juga dalam satu kajian yang dijalankan oleh Unit Kebangsaan Penyelidikan di Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (10), menyarankan bahawa setinggi 90% daripada penagih-penagih dadah kembali kepada tabiat lama mereka setelah dua tahun keluar dari pusat pemulihan.

Beberapa buah organisasi sukarela telah ditubuhkan di negara ini, dan yang lebih dikenali ramai ialah PEMADAM (Persatuan Mencegah Menyalahguna Dadah Malaysia). PEMADAM memusatkan perhatian kepada menambahkan atau menggalakkan penyertaan dan penglibatan masyarakat dalam mencegah dan mengawal penyalahgunaan dadah. PEMADAM juga menyediakan kemudahan-kemudahan untuk rawatan dan pemulihan penyalahguna dadah.

Terdapat organisasi-organisasi sukarela yang lain dalam pencegahan penyalahgunaan dadah seperti Pusat Pertolongan di Batu Gajah, Kelab Rotary, Kelab Lion, Befrienders, organisasi-organisasi keagamaan dan pertubuhan wanita di seluruh negara.

Walaupun begitu untuk memastikan pelbagai aktiviti-aktiviti itu sama dan tidak 'overlap', PEMADAM bertujuan untuk mengambil peranan dalam mengordinasikan

aktiviti atau program-program dalam arina sukarela ini.

Namun demikian, rayuan-rayuan telah dan masih diutarakan kepada pertubuhan-pertubuhan yang lain untuk membantu meringankan bebanan ini. Pertubuhan-pertubuhan sosial atau sukarela, pertubuhan-pertubuhan belia dan beliawanis dan pemimpin-pemimpin atau ketua-ketua agama digalakkan untuk tampil ke depan dalam bersama-sama membentera aktiviti-aktiviti anti-dadah ini dan dapat membantu usaha yang dikendalikan oleh PEMADAM.

### **1.3: TUJUAN KAJIAN:**

Masaalah dadah ini tidak dapat diharungi oleh kerajaan sahaja. Ia merupakan masaalah masyarakat, dan oleh itu adalah munasabah untuk semua anggota masyarakat melibatkan diri mereka.

Menyedari bahawa semua sektor kerajaan dan masyarakat atau organisasi sukarela seharusnya menggembangkan tenaga dengan sepenuhnya dalam menentang penyalahgunaan dadah, sebuah pusat pemulihan dadah Kristian telah menyambut panggilan negara.

Dengan itu, kajian ini ingin meninjau metode atau program yang disediakan dan kekesanan Pusat Pemulihan Dadah Kristian Selangor ini (akan dirujuk sebagai PPDKS) dalam usaha-usahanya menolong meringankan masaalah Malaysia. Apa yang lebih menarik perhatian pengkaji (dan mungkin masyarakat luar) ialah untuk melihat bagaimana PPDKS menggunakan agama,

dalam konteks ini agama Kristian dalam merawat atau memulihkan penagih-penagih dadah. Dapatkah agama digunakan sebagai suatu alat untuk memulihkan penagih-penagih dadah masih tidak dapat disimpulkan lagi.

Akan tetapi, penganalisean sejauhmana berkesannya atau tidak usaha PPDKS ini hanyalah pada hemat dan permerhatian pengkaji sahaja. Pengkaji tidak bertujuan memberikan satu kritikan yang mendalam, tetapi memadailah kiranya hanya diakaskan kepada penilaian pengkaji semata-mata.

#### **1.4: METODE-METODE KAJIAN:**

Data untuk kajian ini telah diperolehi dari PPDKS mulai 2hb. Mac, 1982 hingga 12hb. April, 1982 iaitu lebih kurang 1½ bulan.

Metode kajian yang digunakan adalah bersarkan kepada temubual secara tidak formal dan permerhatian ikutserta (participant observation). Pengkaji tidak menggunakan pita rakaman atau mencatatkan data di dalam kehadiran responden. Ini adalah untuk mengelakkan perasaan prawasangka di sanubari setiap responden dan sebaliknya menggalakkan peluang komunikasi yang lebih terbuka dan tidak formal. Pengkaji telah menjelaskan kepada setiap orang responden tentang tujuan kajian ini sebelum mendapatkan data-data daripada mereka. Pengkaji tidak mengambil catitan di depan responden tetapi cuba mengingatkan kembali segala yang di-

perlukan untuk dicatitkan dalam buku catitan harian kemudiannya. Tidak tersedia suatu bentuk soal-selidik tetapi pengkaji telah mengikuti format soal-selidik yang asas atau yang tidak berstruktur. Sealan-sealan yang dikemukakan termasuklah untuk mendapatkan pengalaman-pengalaman (manis atau pahit) responden-responden sebelum atau semasa mereka menjadi penagih, umur, taraf perkahwinan, pendidikan, pekerjaan, latar belakang keluarga mereka dan sebagainya.

Terlebih dahulu pengkaji telah berjanji untuk melindungi identiti responden-responden dalam kajian itu. Pengkaji telah menjalankan permerhatian ke atas semua penghuni dari segi tingkah-laku, pegangan atau aspek ke-rohanian, interaksi di antara penghuni dan dengan kakitangan atau kaunselor-kaunselor PPDKS yang mengendalikan Pusat ini.

Pengkaji cuba mengikuti program-program yang telah disediakan. Pengkaji telah berada di pusat ini mulai pukul 7:30 pagi hingga ke waktu senja, ataupun mengikuti mereka ke gereja pada sebelah malamnya pada hari-hari yang telah ditetapkan. Pengkaji juga cuba berada di pusat ini untuk tujuh hari seminggu supaya dapat mengikuti sebarang perkembangan yang berlaku. Pengkaji makan bersama-sama dengan penghuni, mengikuti ceramah-ceramah agama Kristian samada di PPDKS atau di gereja.

Kesemua ini adalah untuk membina kemesraan yang lebih baik di antara pengkaji dengan pihak yang berwibawa

dan juga di antara pengkaji dengan penghuni-penghuni. Untuk turut samada secara langsung atau tidak dalam perbualan-perbualan di antara sesama penghuni, pengkaji selalunya dapat memperolehi maklumat tambahan yang diperlukan. Untuk sekian masa penghuni-penghuni seakan-akan tidak menyedari kehadiran pengkaji di pusat itu lagi. Ini sebenarnya memudahkan lagi kajian pengkaji.

#### **1.5: SAMPEL RESPONDEN-RESPONDEN:**

Pada jangka masa penyelidikan pengkaji, terdapat 19 orang penghuni yang sedang menjalani rawatan pemulihian di pusat ini, kesemuanya lelaki. Mereka terdiri daripada 14 orang yang berbangsa Cina dan 5 orang berbangsa India. Tetapi, pengkaji hanya sempat membuat temuramah dengan 17 orang penghuni sahaja, iaitu 12 orang berbangsa Cina dan 5 orang lagi berbangsa India. Mereka berasal dari negeri-negeri yang berlainan. Di samping itu, pengkaji juga menemuramah 4 orang kakitangan pusat (seorang Direktor Pusat dan 3 orang kaunselor), tiga daripada mereka mendiami pusat ini.

Penghuni-penghuni dibahagikan kepada tiga peringkat dalam program ini (peringkat-peringkat ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut dalam Bab 4). Secara ringkasnya, peringkat pertama dikenali sebagai 'confinement period', peringkat kedua di mana penghuni sudah diberikan sedikit kebebasan untuk meninggalkan pusat ini, dan peringkat ketiga pula, penghuni sudah bekerja tetapi masih kembali ke pusat ini.

Oleh itu, penghuni telah dipilih secara rambang dan meliputi ketiga-tiga peringkat itu.

#### 1.6: MASAALAH-MASAALAH SEMASA KAJIAN:

Di dalam mengumpulkan maklumat dan keterangan terdapat beberapa masaalah dan kesulitan yang dihadapi oleh pengkaji.

Penagih-penagih dadah, pengkaji dapati, adalah orang yang sering syakwasangka terhadap orang yang luar dari 'komuniti' mereka, apatah lagi kajian ini berlangsung di sebuah organisasi atau institusi sukarela yang mungkin menganggap pengkaji sebagai 'perisik' kerajaan. Masaalah awal timbul di antara pengkaji dengan pihak yang berkuasa kerana terdapat beberapa maklumat penting yang tidak sanggup diberitahu kepada pengkaji. Mereka seakan-akan menganggap pengkaji telah melangkaui batasan "privacy" mereka kerana timbul suatu ketika di mana pihak yang berkenaan menasihatkan pengkaji untuk tidak menghadirkan diri ke PPDKS pada hari yang ditetapkan kerana mereka ingin menyampaikan sesuatu kepada penghuni-penghuni. Pengkaji terpaksa mengikuti 'arahan' atau nasihat itu kerana tidak ingin memusnahkan keyakinan pihak yang berkenaan.

Pada peringkat awalnya, kepercayaan di atas kejujuran pengkaji lambat diterima walaupun pengkaji telah disambut dengan baik oleh penghuni-penghuni PPDKS. Penghuni-

penghuni begitu was-was memberi kerjasama dan maklumat kerana mengsyaki dan takut data-data pengkaji akan sampai kepada genggaman kerajaan ataupun mungkin mereka takut akan pengkaji menjadi orang perantaraan di antara penghuni dan pihak berkuasa di PPDKS. Walau bagaimanapun, pengkaji akhirnya dapat menyakinkan penghuni-penghuni mengenai tujuan kajian dan berjanji untuk melindungi atau merahsiakan segala maklumat yang dianggap sensitif daripada mana-mana pihak yang berkuasa. Ini hanya masaalah-masaalah yang ujud setakat memperolehi data pada peringkat permulaan sahaja. Masaalah-masaalah yang kemudianya ujud adalah lebih berat lagi kerana telah melibatkan personaliti dan matlamat kajian ini.

Sebelum pengkaji melangkah ke alam penyelidikan sosial, pengkaji begitu khuatir tentang sambutan responden atau penghuni terhadap pengkaji sendiri dan juga tujuan kajian ini. Tetapi seperti yang telah dinyatakan, setelah keyakinan diperolehi, pengkaji begitu gembira kerana penghuni-penghuni amat rela menceritakan latar belakang kehidupan mereka itu. Ini merupakan suatu tanda yang baik kerana pengkaji berjaya memecahkan halangan atau "barrier" bukan sahaja di antara seorang pengkaji luar dengan penagih tetapi juga dari segi persoalan jantinanya di mana kesemua penghuni PPDKS adalah lelaki.

Pengkaji bukan seorang penganut agama Kristian. Inilah suatu halangan yang pengkaji anggap yang paling rumit

sekali. Walaupun begitu, ini tidak menghalang atau mematikan minat dan kesanggupan pengkaji untuk meninjau organisasi dan program di pusat ini. Pengkaji telah bersedia untuk menerima sebarang 'indektrinasi' yang akan diajukan kepada pengkaji semasa kajian. Pengkaji hanya membiarkan responden-responden (samada penghuni atau kakitangan pusat) menyampaikan 'ceramah' mereka sahaja. Pengkaji tidak mengambil inisiatif untuk mengemukakan sebarang kemusykilan dalam agama itu yang sememangnya 'baru' kepada pengkaji. Tetapi, malangnya, setakat minat yang pengkaji miliki itu dan sikap sedemikian (yang dianggap dingin oleh penghuni-penghuni pusat), adalah tidak memadai. Inilah rasanya di antara penalti yang harus pengkaji tanggung dalam penyelidikan selanjutnya.

Pengkaji juga membiarkan penghuni-penghuni terutamanya, menyuarakan rintihan mereka samada sungutan mereka tentang pusat ini atau hal-hal yang lain. Sebenarnya pengkaji tidak cuba memaksa mereka menceritakan sesuatu yang dianggap sensitif. Kebanyakan masa pengkaji dihabiskan dengan berbual-bual dengan penghuni-penghuni samada secara orang-perseorangan atau dalam sekumpulan dua atau tiga orang. Perbualan itu tidak semestinya mengenai hal di PPDKS sahaja, tetapi juga tentang hal-ehwal semasa. Suatu kesulitan yang pengkaji hadapi ialah terdapatnya beberapa orang penghuni yang sentiasa mahu mendekati pengkaji sementara yang lainnya juga tidak kurang mesranya mereka dengan pengkaji. Hal-hal

seperti ini telah menimbulkan kesangsian (dan kecemasan) di pihak kakitangan pusat. Ini disebabkan mereka mungkin berpendapat pengkaji memperalatkan dua atau tiga orang itu untuk memperolehi maklumat yang penting yang tidak harus pengkaji dan juga masyarakat luar tahu.

Pihak pentadbir pusat juga menganggap bahawa kemesraan pengkaji dengan penghuni-penghuni akan membangkitkan perasaan emosi seseorang penghuni di situ. Mereka percaya bahawa seorang penagih dadah yang dalam program ini tidak boleh mengadakan hubungan sosial dengan seorang yang berlainan jantina, kecuali isteri-isteri mereka sahaja (itu pun selepas suatu jangkamasa yang singkat) kerana mereka takut ini akan "rekindle" perasaan itu sekali lagi. Sudah menjadi kelaziman bahawa seseorang yang semasa menjadi penagih dadah tidak akan mengutamakan dan menghiraukan tentang teman wanita ataupun keadaan fizikal diri mereka sendiri. Tetapi, apabila mereka berjaya meninggalkan dadah (walaupun masih dalam program pemulihan) aspek yang mereka utamakan ialah hubungan mereka dengan seseorang gadis. Jadi, perasaan inilah yang cuba dilakkan oleh pihak yang berkuasa di PPDKS.

Namun demikian, tidak dapat ditentukan dengan tepat samada sebelum kemunculan pengkaji di PPDKS itu memang ujud sungutan-sungutan dari penghuni-penghuni setiap hari ataupun segala itu telah bertimbun dan mencapai kemuncaknya selepas pengkaji memulakan penyelidikan di situ. Satu lagi kemungkinan ialah dengan kehadiran pengkaji, suasana di pusat

itu telah berubah sehingga terpaksa diambil tindakan yang cepat dan tegas oleh pihak yang berkuasa.

Dari kejadian-kejadian yang telah bertimbun-tambah samada secara langsung atau tidak, telah membawa kepada detik di mana pengkaji diberitahu untuk menamatkan penyelidikan dengan segera, iaitu sebelum tempoh yang telah dijanjikan terlebih dahulu. Pengkaji telah mendapati dua orang penghuni (mereka ini suka menghampiri diri pengkaji) telah juga dikeluarkan dari pusat itu.

Pengkaji telah diseret bersama-sama ke dalam peristiwa itu dan ini akan kelihatan seperti pengkaji yang harus atau turut dipersalahkan. Alasan yang digunakan oleh pihak pusat ini ialah pengkaji telah 'meminjamkan telinga' pengkaji kepada sungutan-sungutan penghuni-penghuni. Walau-pun akhirnya mereka mengakui pengkaji tidak patut dibawa masuk ke dalam peristiwa itu kerana punca kedua-dua orang penghuni itu dikeluarkan bukan atas kesalahan pengkaji, tetapi terletak pada diri mereka sendiri. Misalnya, pengkaji telah diberitahu bahawa salah seorang dari penghuni itu dipercayai selalu menghasut segala sungutan terhadap pihak berkuasa, begitu juga kedua-dua penghuni itu tidak dapat mengikuti ajaran-ajaran agama dengan baik, tidak menghindarkan peraturan dan nasihat dari pihak atas dan sebagainya.

Dengan berlakunya pengalaman ini pengkaji tidak dapat mengumpulkan data-data sepenuhnya dan masih timbul

beberapa kekeliruan di pihak pengkaji. Ini bukan sahaja menghadkan pengumpulan data pengkaji, tetapi pada hemat pengkaji sudah tentu menghadkan peluang-peluang penyelidikan di masa depan.

Di samping itu, sebagai sebuah pusat pemulihan yang didiami oleh orang lelaki sahaja, maka tidak terdapat kemudahan penginapan untuk seorang perempuan. Ini menyebabkan pengkaji tidak dapat menjalankan pemerhatian sendiri tentang program di sebelah malam dan awal pagi. Pengkaji memperolehi maklumat itu dari temubual pengkaji dengan penghuni dan juga pihak atasan di PPDKS. Hanya sekali sahaja pengkaji berada di pusat itu pada sebelah malam kerana kebetulan suatu program yang pengkaji ingin ikuti selama itu diadakan.

Tambahan pula, dalam jangkamasa  $1\frac{1}{2}$  bulan pengkaji rasa bukanlah suatu masa yang cukup untuk seseorang melihat dan meninjau perjalanan dan pentadbiran sebuah pusat seperti ini. Dalam tempoh ini berbagai-bagai masaalah boleh muncul, misalnya pihak berkuasa atau penghuni boleh memperlihatkan suatu "front" sahaja untuk menyakinkan pengkaji tentang 'kekesanan' dan kelincinan pusat itu.

Dari itu masaalah-masaalah yang dihadapi semasa kajian memang banyak. Walaupun semua yang pengkaji kemukakan di atas akan berbunyi seperti 'sungutan' atau "bias" pengkaji terhadap pusat ini (yang mengambil tindakan

menghentikan kajian ini), tetapi, pengkaji sebenarnya tidak mempunyai niat seperti itu. Kesemua itu, tidak dapat dinafikan, adalah pengalaman dan masaalah-masaalah yang dilalui oleh pengkaji sendiri di dalam penyelidikan sosial di sebuah pusat pemulihan dadah Kristian di Selangor.

- (2) ANDREW LAMBERT, "THE PROBLEMS OF DRUG ABUSE IN MALAYSIA", *Malaysian Journal of Sociology*, Vol. 1, No. 1, pp. 1-12, Jan. 1981.
- (3) ALICE AND ERNEST WILSON, *Abuse of Drugs*, 1981.
- (4) KARL H. KERSEY, *DRUGS AND SOCIETY*, 1981.
- (5) SATHAK APRAKASH BHAGAT, *Social and legal aspects of drug abuse in Malaysia*, Universiti Sains Malaysia, Skudai, Johor, 1976. (Malay) p. 77.
- (6) ALICE AND ERNEST WILSON, *ibid.* *Domestic*, 1982.
- (7) *Ibid.* 1982, pp. 314, half. 10.
- (8) *Ibid.* 1982, half. 30.
- (9) ALICE AND ERNEST WILSON, *ibid.* *Domestic*, 1982.
- (10) *Ibid.* 1982, pp. 314, — vol. 10, no. 1, 1982.

NOTA KAKI:

- (1) NAWI bin Jusoh, *Persepsi Penagih-penagih Dadah Tentang Sebab-sebab Mereka Menjadi Penagih Dadah*, Universiti Malaya (Thesis M.A.), Kuala Lumpur, 1978. hal. 2
- (2) ASP HASSAN Lambek, "DRUGS- Malaysia Country Report" dalam PENGAMAN, (Majalah Polis Diraja Malaysia) Jilid 33, Bil. 2, Julai/Sept., 1981. hal. 7.
- (3) Akhbar NEW STRAITS TIMES, 13hb. Oktober, 1981
- (4) PENGAMAN, op. cit. hal. 7.
- (5) ZAINAL ADZAM bin Abdul Ghani, *Social and Legal Aspects of Drug Abuse in Malaysia*, Universiti Malaya (Thesis M.A. Fakulti Undang-undang), Kuala Lumpur, 1976. hal.76 & 77.
- (6) Akbar NEW STRAITS TIMES, 6hb. Januari, 1982.
- (7) PENGAMAN, op. cit. hal. 10.
- (8) ibid. hal. 10.
- (9) Akbar NEW STRAITS TIMES, 6hb. Januari, 1982.
- (10) PENGAMAN, op. cit. hal. 10.

**BAB II: STRUKTUR DAN ORGANISASI PUSAT****2.1: LATAR BELAKANG PUSAT-PUSAT PEMULIHAN DADAH KRISTIAN DI BARAT.**

Agama telah muncul sebagai suatu teknik yang utama dalam proses pemulihan sejak "The Quakers" mengorganisasikan penjara yang pertama di Walnut Street Jail di Philadelphia pada tahun 1790 lagi. (1) Pada ketika itu, seorang paderi akan melawat setiap orang banduan untuk membina semangat kerohanian mereka.

Pendekatan agama kemudiannya digunakan oleh banyak organisasi sukarela yang lain. Dengan memperolehi jaminan dalam agama dipercayai dapat menyediakan sebilangan besar mereka yang dikatakan telah menyeleweng dari norma-norma sosial suatu kestabilan untuk mereka menyesuaikan diri mereka dengan berjayanya dalam masyarakat semula. Misalnya, "The Home Mission Board of the Southern Baptist Convention" telah menyediakan suatu rancangan dalam pemulihan golongan budak-budak nakal. "Youth for Christ" juga menggunakan pendekatan yang sama, yang termasuklah mengadakan sesi kaunseling, membaca kitab Injil, menyanyi dan berdoa beramai-ramai.(2)

Suatu persoalan yang menarik telah timbul iaitu mengapakah dengan tiba-tiba agama digunakan sebagai suatu pendekatan dalam rancangan pemulihan oleh pihak-pihak yang

tertentu?

Untuk mencari jawapan di sebalik persoalan ini maka W.S. Allan telah mengutarakan pendapat beliau, "..... because of the spiritual and social concern of human welfares .....". (3) Sementara itu, di kalangan mereka yang menganut agama Kristian, beliau menambah kata, "..... the Christian teachings of brotherhood, of charity, of the dignity of human life and man's essential worth together with the individual rights and freedom, the mutual dependence and trust of democratic practises, formed the roots of our mounting concern for the medical, social and economic welfare of our fellow men .....". (4)

Dengan itu jelaslah bahawa bagi penganut-penganut Kristian (dan mereka yang beragama Islam, Hindu atau Buddha juga), tidak akan ujud suatu pencapaian yang lebih memuaskan daripada, "..... the salvation of the individual, the restoration of his worth, his dignity, his sense of accomplishment in the eyes of his God." (5)

Kalau kita melihat kepada bidang pemulihan dadah ini khususnya, telah timbul beberapa faktor yang dipercayai mungkin dapat menghubungkan punca seseorang individu yang terjerumus dalam menyalahgunaan dadah dan di antaranya ialah kurangnya bimbingan kerohanian yang mereka terima daripada ibubapa mereka sendiri. Oleh yang demikian, mereka ini sangat mudah diresapi oleh keinginan untuk mencuba melakukan

perbuatan-perbuatan yang kurang bertanggungjawab, seperti penyalahgunaan dadah dan seterusnya menjadi penagih-penagih dadah. Di sinilah munculnya agama dengan memainkan peranan-nya yang penting.

Di barat, misalnya di Amerika Syarikat, sehingga tahun 1954, penagih-penagih dadah yang memerlukan bantuan boleh memperolehinya dari usaha-usaha orang perseorangan seperti paderi dan pekerja-pekerja sosial yang benar-benar mengambil berat tentang gejala itu. Pada tahun 1954, seorang paderi, Father Robert Jenks dari Saint Mark's Episcopal Church di Chicago telah mengasaskan sebuah klinik iaitu Saint Mark's Clinic untuk penagih-penagih dadah di kawasan setinggan (ghetto) di sekitar gereja kecilnya. (6)

Walaupun Saint Mark's Clinic telah ditutup pada tahun 1959, namun pengaruhnya tersibar ke New York di mana telah tertubuh Exodus House pada tahun 1958 oleh sekumpulan penganut-penganut Protestan. Kemudian bak cendawan tumbuh, "The Manhattan Christian Reformed Church" (Addicts Rehabilitation Centre) dan "The Lower East Side Service Centre" telah diasaskan. (7) Ketiga-tiga pusat itu telah dipelopori oleh ahli-ahli gereja yang dapat melihat bantuan yang amat diperlukan oleh penagih-penagih dadah.

Dalam tahun-tahun 1960an pula, beberapa kumpulan gereja yang bermazhab Pentecostal termasuk "Teen Challenge" dan "The Damascus Christian Centre" telah menggunakan agama

sebagai suatu pendekatan pemulihan juga. (8) Pendekatan yang terdapat di pusat "Teen Challenge" akan dijelaskan dengan lebih lanjut di bawah ini.

#### "TEEN CHALLENGE":

Pusat ini telah menolak berbagai-bagai disiplin profesional yang digunakan oleh beberapa buah pusat pemulihan. Teen Challenge lebih menekankan kepada aspek-aspek seperti "emotional conversion experience" dan penglibatan secara estetika seseorang itu dalam pengurniaan 'Roh Yang Suci' (*the gifts of the Holy Spirits*). (9) Ini termasuklah keupayaan seseorang itu untuk 'speaking-in-tongues' atau 'Glossolalia' dan penyembuhan kesakitan atau penyakit dengan berpegang kepada keimanan individu itu (*faith healing*). (10)

Mendekati penagihan sebagai suatu keperluan kerohanian, David Wilkerson, pengasas Teen Challenge dan rakan-rakannya telah menubuhkan serangkaian pusat seumpama itu di seluruh Amerika Syarikat, dengan tujuan membantu pemuda-pemudi yang menjadi penagih dadah. Beliau mendakwa bahawa kadar kejayaan setinggi 80% telah dicapai di Pusat Teen Challenge kepada mereka yang menerima pemulihan di situ.

Secara umumnya, Teen Challenge adalah sebuah pusat yang mempunyai affiliasi dengan sebuah gereja, ataupun dalam ertikata yang lain, ia ditubuhkan di bawah naungan gereja. Ia menyediakan program lanjutan untuk menunjukkan bahawa penagihan dadah adalah suatu masaalah kerohanian yang hanya

dapat diselesaikan oleh atau melalui kuasa Tuhan sahaja. Pusat ini tidak bertujuan hanya dalam memulihkan penagih-penagih dadah dari tabiat penagihan dadah mereka sahaja. Ia percaya bahawa seseorang penagih tidak akan pulih sepenuhnya selagi ia tidak dapat membina suatu kuasa dalam dirinya untuk membentras semua tabiatnya yang lain misalnya, merokok, minum minuman keras, dan penglibatan dengan perhubungan jenis. Seseorang itu juga tidak pulih seratus peratusnya sehingga ia dapat dimotivasikan untuk bekerja dan berdikari di mana jua ia berada dan dalam apa jua krisis yang dihadapi.

Program-program di Teen Challenge memegang kepada prinsip bahawa adalah tidak mencukupi untuk seseorang penagih mengenal atau memahami dirinya sahaja, tetapi, apa yang utama ialah kesanggupan individu itu untuk juga mengenal Tuhan. Pusat ini percaya bahawa dalam kebenarannya, kitab Injil tetap tidak berganjak dari kenyataan dan bukti-bukti yang dibentangkannya. Segala yang tersirat dalam kitab itu telah memperlihatkan kenyataannya kepada manusia.

Teen Challenge menggunakan pendekatan "cold turkey" (iaitu tidak menggunakan sebarang pengganti atau ubat untuk seseorang yang dalam ketagihannya) yang dianggap cara yang paling sesuai dan cepat untuk memulakan satu-satu rawatan dan pemulihan. Ia tidak percaya kepada cara mengurangkan pengambilan dadah seseorang dengan beransur-ansur atau menggunakan pendekatan "methadone-maintenance". Ini dianggap sebagai

satu kaedah untuk dijadikan umpan kepada seseorang penagih dadah yang tidak benar-benar ingin mengenal Tuhan atau Penyelamatnya.

Di antara rancangan-rancangan yang disediakan untuk penagih-penagih di Teen Challenge termasuklah therapi kerohanian, dan vokesyenal, pendidikan, latihan untuk pekerjaan, rawatan perubatan untuk sesuatu penyakit yang dialami, mendapatkan pekerjaan yang sesuai, mengikuti ceramah-ceramah agama di gereja dan sebagainya. (11)

## 2.2: PUSAT-PUSAT PEMULIHAN DADAH KRISTIAN DI MALAYSIA:

Pusat-pusat pemulihan dadah Kristian yang mula-mulanya muncul di barat, khususnya Amerika Syarikat, telah juga tersibar ke negara-negara di rantau ini. Umpamanya, ia telah bertapak di Singapura (tertubuhnya Teen Challenge juga), Filipina dan juga Malaysia.

Kekurangan sumber-sumber resmi menghalang usaha-usaha untuk menggalurkan sejarah perkembangan dan penubuhan pusat-pusat ini di negara ini. Mengikut sumber-sumber yang tidak resmi yang pengkaji perolehi dari kakitangan pusat pemulihan di mana kajian dijalankan, pusat pemulihan dadah Kristian yang pertama mungkin ditubuhkan pada awal atau pertengahan tahun 1970an. Namun demikian, nama pusat yang pertama itu tidak dapat ditentukan juga.

Setakat pengetahuan dan maklumat yang pengkaji dapati, ada duabelas buah pusat pemulihan dadah Kristian di Malaysia. Mereka termasuklah, seperti berikut:

(a) Kuala Lumpur:

Terdapatnya pusat-pusat seperti Turning Point dan Alpha Ministry.

(b) Petaling Jaya:

Terdapat pusat Joe's Corner.

(c) Kelang:

Terdapat 5 buah pusat iaitu, Christian Care Centre, Rumah Cahaya, Rumah Kepercayaan (untuk wanita sahaja), Disciple House, dan St. Barnabas Church.

(d) Bukit Mertajam:

Tertubuhnya pusat Grace House.

(e) Pulau Pinang:

Tertubuhnya Hiding Place.

(f) Perak:

Tertubuhnya Emmanuel House.

(g) Johor:

Pusat ini menggunakan nama yang sama juga iaitu, Emmanuel House.

Pengetahuan masyarakat umum tentang keujudan atau penubuhan pusat-pusat seperti ini samada di Malaysia ataupun di negara-negara lain pada pandangan pengkaji mungkin tidak begitu luas. Pengetahuan ini mungkin lebih tersibar di

kalangan ahli-ahli sesebuah gereja atau kenalan-kenalan penganut-penganut Kristian yang menyertai sesebuah gereja.

### 2.3: PUSAT PEMULIHAN DADAH KRISTIAN YANG DIKAJI:

#### (i) LATAR BELAKANG PUSAT:

Pusat yang pengkaji jalankan penyelidikan telah mengambil model Teen Challenge yang ditubuhkan di Amerika Syarikat itu. Pusat ini atau PPDKS ringkasnya, ditubuhkan di bawah naungan salah sebuah gereja di Selangor dan dengan itu, menerima sedikit sebanyak sumbangan dari gereja tersebut, samada dalam bentuk derma orang perseerangan atau dari ahli-ahli gereja ataupun derma yang diterima oleh pusat ini sendiri. Di samping itu PPDKS juga mengenakan sedikit bayaran ke atas penghuni-penghuni, tetapi pengecualian diberikan kepada mereka yang benar-benar tidak mampu.

Pusat ini ditubuhkan di negara ini lebih kurang dua tahun yang lampau. Ia merupakan pecahan dari salah sebuah pusat pemulihan dadah yang lain yang terdapat di Malaysia. Ini berlaku kerana telah timbul beberapa masalah yang tidak dapat dielakkan. PPDKS memulakan operasinya di sebuah tempat yang lain di Selangor sebelum berpindah ke tempatnya yang sekarang ini.

Ianya dicadangkan untuk memulihkan hanya di antara sepuluh hingga duabelas orang penagih sahaja untuk memudahkan penjagaan dan pengendalian yang lebih rapi. Tetapi, memandangkan permintaan yang begitu tinggi, ianya telah

mengambil satu jumlah yang maksima, iaitu 19 orang penghuni kesemuanya. Program pemulihan pusat ini bolehlah dikatakan berdasarkan kepada bimbingan kerohanian sepenuhnya, berlandaskan ajaran-ajaran dalam kitab suci Injil. Tidak terdapat sebarang bengkel untuk penghuni-penghuni menghabiskan masa lapang mereka. Mereka sentiasa digesa untuk mendalami ilmu dan pemahaman mereka dari kitab Injil. Walaupun begitu, permainan dan suratkhabar juga disediakan untuk mereka.

(ii) STRUKTUR FIZIKAL PUSAT:

Pusat ini terletak atas tapak yang seluas hampir seekar dengan sewaan bulanan. Lokasi pusat ini memang sesuai dan selesa untuk mengujudkan suasana pemulihan. Ini ialah kerana tidak terdapat banyak rumah kediaman di situ untuk menghalang sebarang aktiviti pusat dijalankan. Situasi seperti ini juga dapat mengawal penghuni-penghuni mengadakan hubungan sosial dengan masyarakat luar, terutamanya bagi mereka yang masih dalam peringkat awal pemulihan mereka. Tidak ada kemudahan-kemudahan sosial yang dapat menarik perhatian penghuni-penghuni yang pernah suatu masa dulu hidup sebatи dengan dunia mereka itu. Oleh itu, kediaman ini amatlah sunyi dan ini sesuai dengan matlamat utama PPDKS untuk mengasingkan penghuni-penghuni dari dunia sosial dan kebendaan dan jika mungkin buat selama-lamanya.

PPDKS merupakan sebuah rumah kediaman yang besar. Terdapat ruangan dan bilik yang mencukupi untuk menampung

aktiviti-aktiviti atau rancangan-rancangan dan penghuni-penghuninya. Umpamanya, ruangan rihat yang begitu luas dapat digunakan oleh penghuni-penghuni sebagai tempat mengadakan doa beramai-ramai, beristirehat atau permainan ping pong pada sebelah petangnya.

Terdapat empat buah bilik yang besar untuk semua penghuni termasuk seorang kaunselor pusat ini. Dua buah bilik masing-masing mempunyai bilik mandi mereka sendiri. Setiap bilik dapat menampung 5 atau 6 orang penghuni. Penghuni-penghuni ditempatkan di sesebuah bilik mengikut peringkat-peringkat program pemulihan mereka di sini. Dari situ, dua buah bilik telah dikhaskan untuk penghuni-penghuni peringkat pertama, sebuah didiami oleh mereka yang dalam peringkat kedua dan yang keempatnya adalah untuk penghuni-penghuni dalam peringkat ketiga dan kaunselor itu.

Sebuah bilik yang pada asalnya adalah tempat meletak kereta telah dijadikan bilik tamu untuk saudara-mara yang melawat penghuni-penghuni atau untuk menjalankan temuramah dengan seseorang penagih yang ingin menyertai program di sini. Bertentangan dengan bilik tamu ini ialah sebuah bilik kecil yang didiami oleh dua orang kakitangan pusat ini (Direktor Pusat dan kaunselor, Encik C) dan juga dijadikan pejabat pusat ini. Di sebelah bilik ini ialah sebuah bilik mandi untuk kegunaan kakitangan pusat ini.

Terdapat sebuah depur yang lengkap untuk penghuni-penghuni menyediakan makanan mereka sendiri. Ruang makan

dibahagikan dua untuk menampung penghuni-penghuni. Meja-meja makan ini juga digunakan oleh penghuni-penghuni membuat kerja-kerja bertulis atau membaca kitab suci mereka.

Untuk permainan, ada sebuah padang bola tampar, atau mereka boleh bermain karom, ping pong di dalam rumah ataupun memetik guitar dan beristirehat di bawah pohon-pohon yang rendang di sekeliling pusat ini.

**(iii) TUJUAN PUSAT:**

Seperti yang telah dinyatakan terlebih dahulu, bahawa tanpa suatu latar belakang keagamaan yang kukuh, seorang pemuda-pemudi boleh mendapati dirinya dalam kekosongan kerohanian. Oleh kerana itu, ia akan lebih mudah disalah-asuhkan. Rancangan pusat pemulihan ini memberi penekanan kepada pendidikan dan bimbingan kesagamaan. Rancangan-rancangan juga diarahkan kepada membolehkan penghuni-penghuni menyesuaikan diri mereka semula kepada kehidupan sehari-hari dan mengutamakan ketatatertiban semasa dan selepas meninggalkan pusat ini, selaras dengan matlamat penting dalam proses pemulihan.

Dengan berpegang teguh kepada matlamat-matlamat di atas, PPDKS bertujuan mengeluarkan individu-individu yang tidak bergantung kepada dadah samada dari segi jasmaniah atau psikologinya. Ini adalah memandangkan kadar penagihan ulangan atau "relapse" di negara ini adalah begitu tinggi.

Oleh yang demikian, melalui bimbingan atau ceramah-

ceramah agama yang disediakan oleh PPDKS ini, maka adalah menjadi harapan pusat ini untuk mengubah sikap positif penagih-penagih terhadap penyalahgunaan dadah, mengubah gaya hidup, tanggungjawab sosial dan hubungan-hubungan di antara satu dengan yang lain. Disiplin dan prasangka negatif dan positif adalah di antara alat-alat yang digunakan untuk mendorong perkembangan mental dan kematangan seseorang penghuni.

**(iv) STRUKTUR PENTADBIRAN PUSAT:**

Mengikut Erving Goffman, dalam sebuah institusi akan ujud suatu pemisahan di antara suatu kumpulan besar yang harus ditadbirkan yang dikenali sebagai penghuni-penghuni, dan suatu kumpulan kecil yang mentadbir mereka iaitu, kakitangan institusi itu. (12)

Begitu jugalah halnya di Pusat Pemulihan Dadah Kristian Selangor ini, di mana terdapat suatu golongan yang terdiri dari lima orang yang menjalankan pentadbiran pusat ini. Mereka ini terdiri dari seorang ketua Pusat yang juga seorang ketua gereja (Pastor) di salah sebuah gereja di Selangor ini. Beliau mengendalikan pusat ini dengan dibantu oleh empat orang yang lain. Secara amnya, masing-masing mempunyai tugas mereka yang tersendiri, tetapi perlu ditegaskan di sini bahawa PPDKS ini lebih merupakan sebuah "mini-organization" dan dengan itu kadang-kala tugas-tugas mereka adalah "overlapping". Ini tidak dapat dibandingkan dengan sebuah organisasi yang besar yang terdiri dari kakitangan-

kakitangan yang mempunyai tanggungjawab dan tugas yang khusus sahaja.

Seperti yang dinyatakan di atas, Ketua Pusat ini adalah juga seorang 'Pastor' di salah sebuah gereja. Beliau menerima pendidikan atau seluk-beluk tentang agama Kristian dan juga pengetahuan sebuah "ministry" dari sebuah institusi Kristian di ibukota ini. Beliau menyampaikan ceramah di gereja. Disebabkan beliau kerap kali sibuk dengan urusan-urusan di gereja, tanggungjawab pentadbiran dan pengendalian PPDKS diserahkan kepada seorang Direktor pusat ini (beliau ini juga dianggap sebagai salah seorang kaunselor di pusat ini). Walaupun begitu, Ketua Pusat masih mempunyai kata-pemutus dalam sesuatu hal atau keputusan yang harus dibuatnya, setelah menerima taklimat atau lapuran yang lengkap daripada pembantu-pembantu pusat ini. Misalnya, dalam hal penilaian mengenai kemajuan seseorang penghuni, tindakan-tindakan disiplin yang harus diambil dan penyelesaian sesuatu masaalah peribadi seseorang penghuni, masih dirujuk kepada Ketua ini terlebih dahulu.

Direktor pusat, yang akan dirujuk sebagai Encik B, memastikan kelincinan perjalanan pusat ini. Beliau memberikan arahan-arahan kepada kaunselor-kaunselor lain. Beliau bertanggungjawab dalam umpannya, memberikan 'cuti' kepada penghuni-penghuni terutamanya mereka yang dalam peringkat kedua yang ingin kembali ke rumah mereka masing-masing dan juga menyampaikan ceramah agama seminggu sekali di PPDKS

untuk penghuni-penghuni.

Terdapat tiga orang kaunselor lain yang turut membantu perjalanan pusat ini dan mereka diberikan tugas-tugas yang khas. Contohnya, seorang kaunselor iaitu Encik C ditugaskan dalam seal-seal kewangan PPDKS dan juga perbelanjaan harian, penerimaan yuran/bayaran bulanan penghuni-penghuni, ataupun sumbangan dan derma dari gereja atau orang perseorangan kepada pusat ini. Beliau juga bertugas dalam memberikan ceramah agama seminggu sekali kepada para penghuni di situ.

Encik D ialah seorang kaunselor yang bertanggung-jawab dalam hal-hal penerimaan atau kemasukan penghuni-penghuni baru. Beliau juga menjalankan temuramah yang mendalam samada dengan seorang penagih dadah yang ingin menyertai program ini ataupun dengan sanak-saudara yang mengiringi penagih itu. Beliau juga ditugaskan dalam memberikan kebenaran kepada lawatan-lawatan saudara-mara penghuni-penghuni dan kadang-kala menemani seseorang penghuni baru pulang ke rumahnya atas sesuatu sebab. Satu lagi tugas beliau ialah dalam memeriksa barang-barang seperti makanan yang dibawa oleh saudara-mara penghuni untuk mereka. Ini adalah untuk memastikan bahawa benda-benda yang tidak diingini seperti rekrek, dadah atau wang tidak jatuh ke tangan penghuni yang berkenaan. Kesemua kewajipan beliau harus dilapurkan kepada Ketua pusat dan juga Direktor PPDKS ini, terutamanya dalam soal menemuramah seseorang penagih.

Disebabkan Encik D baru menjadi seorang kaunselor, beliau tidak diberikan tugas untuk menyampaikan ceramah-ceramah agama di pusat itu.

Sementara itu, seorang kaunselor yang lain atau Encik E adalah seorang yang bekerja separuhmasa sahaja di pusat ini. Beliau adalah seorang penolong gereja, jadi tenaga dan masanya lebih ditumpukan kepada organisasi gereja itu. Beliau menyampaikan ceramah-ceramah agama di gereja, khasnya kepada penghuni-penghuni PPDKS atau ahli-ahli gereja yang boleh bertutur dalam bahasa Mandarin atau dialek Cina sahaja. Ini bermakna beliau mempunyai semua penghuni yang berpendidikan Cina di bawah seliaannya, iaitu sebanyak lima orang penghuni.

Kaunselor-kaunselor lain juga mempunyai empat atau lima orang penghuni di bawah seliaan mereka. Mereka itu mengambil berat tentang kemajuan samada dari segi fizikal atau kerohanian penghuni-penghuni, mengadakan kelas-kelas untuk mengajar mereka tentang ajaran-ajaran dari kitab, memberikan kerja-kerja bertulis kepada mereka atau berkehendakkan mereka menghafal ungkapan-ungkapan (verses) dari kitab. Mereka juga memberikan kaunseling kepada penghuni-penghuni yang memerlukannya. Lazimnya, seseorang penghuni akan merasa lebih selesa sekiranya ia dapat berbincang dan mengemukakan sebarang kemusykilannya kepada 'kaunselor'nya sendiri.

Kaunselor-kaunselor telah ditugaskan untuk bersedia menginterpretasikan kepada penghuni-penghuni


pengalaman-pengalaman yang mereka perolehi di pusat ini agar kesemua itu dapat diaplikasikan dengan aktiviti-aktiviti di luar dari pusat ini kemudian kelak. Mereka juga telah diberi arahan oleh Ketua Pusat untuk mengadakan interaksi yang lebih dengan semua penghuni supaya boleh melahirkan suatu suasana untuk merapatkan jurang yang dipercayai ujud di antara golongan yang mentadbir dengan mereka yang ditadbir. Walau-pun begitu, setiap kaunselor juga cuba melahirkan kordinasi di antara mereka sendiri untuk bekerjasama dalam berbagai perkhidmatan yang diberikan dan membantu penghuni-penghuni memahami dan menggunakan semua perkhidmatan yang disediakan di PPDKS ini.

Kaunselor-kaunselor juga menerima gaji bulanan mereka, tetapi kebanyakannya daripada mereka menderma sebahagian-nya kembali kepada gereja.

Dengan itu, kaunselor-kaunselor di PPDKS adalah terlibat dengan pentadbiran pusat dan juga rancangan-rancangan pemulihan di pusat ini. Mereka adalah juga bekas penagih-penagih dadah. Oleh itu dipercayai bahawa mereka akan dapat memahami semua penghuni dengan lebih baik, samada dari segi perlakuan, sikap ataupun psikologi mereka.

Struktur Pentadbiran Pusat ini dapat di lihat dengan lebih jelas dalam gambarajah di bawah ini.

STRUKTUR PENTADBIRAN PPDKS:



(yang mempunyai tugas-tugas mereka masing-masing dalam pentadbiran dan program pemulihan).

(v) PROGRAM/RANCANGAN PEMULIHAN:

Segala program yang disediakan adalah berdasarkan kepada pendekatan agama Kristian sebagai alat pemulihan pusat ini. Di antaranya adalah diutamakan aspek-aspek keimanan individu, dan beramai-ramai — di pusat ataupun di gereja — ceramah-ceramah dan bimbingan agama Kristian yang diberikan oleh kaunselor-kaunselor pusat atau dua orang paderi dari gereja lain yang melawat PPDKS pada hari-hari yang telah ditetapkan, atau di gereja ceramah yang disampai-

kan oleh Ketua gereja (yang juga Ketua Pusat) atau paderi-paderi jemputan, dan pemahaman dan taksiran yang tepat dari kitab Injil. Para penghuni digalakkan untuk berpegang kepada rangkaikata seperti "LIGHT" atau yang bermaksud "Living In Group, Harmony and Truth."

Perkataan atau rangkaikata ini membawa dua pengertian. Yang pertamanya, kalau melihat kepada rangkaikata itu, maka penghuni-penghuni yang hidup di dalam sebuah komuniti (pusat ini) haruslah hidup berharmoni sesama mereka. Penghuni-penghuni juga haruslah menghadapi kenyataan dunia ini dan bukan lagi 'dunia dadah' mereka yang dipenuhi dengan kebendaan, keseronokan dan dosa atau maksiat. Sementara itu, perkataan 'Truth' bermakna juga mereka harus berterus terang dalam semua aspek kehidupan ini, bukan sahaja kepada penghuni-penghuni lain dan kakitangan pusat ini, tetapi yang lebih penting ialah kepada diri mereka sendiri. Pengertian keduanya, perkataan atau ringkasan "LIGHT" itu dalam pengertian Bahasa Inggeris bermaksud cahaya, iaitu suatu cahaya pemberian Tuhan, menyuluh hidup mereka yang ingin diselamatkan dan kemudiannya berjaya diselamatkan juga.

Untuk membina keimanan, para penghuni digesa untuk 'berpuasa' atau 'fast'. Di sini, berpuasa merujuk bukan kepada cara berpuasa umat Islam. Ianya membolehkan penganut-penganut Kristian mendekati diri mereka dengan Tuhan apabila mereka tidak mengambil sesuatu hidangan (meal). Akan tetapi,

mereka dibenarkan untuk minum. Seseorang juga boleh "fast half meal" atau hanya mengambil setengah daripada hidangan yang diberikan kepadanya. Di PPDKS, para penghuni dan kakitangan berpuasa pada tiap-tiap hari Jumaat, untuk hidangan makan malam.

Penghuni-penghuni juga diberikan tugas-tugas harian mereka seperti, menyusu kawasan pusat, memasak, mencuci bilik mandi atau bilik-bilik penghuni, dan lantai pusat ini. Walaupun tugas-tugas ini kelihatan sebagai yang remeh-temeh sahaja, tetapi ia juga boleh dijadikan asas untuk melatih mereka menjadi orang-orang yang lebih bertanggung-jawab di masa depan.

Pusat ini mengenakan beberapa peraturan yang asas yang harus dipatuhi oleh semua penghuni. Di antara peraturan-peraturan itu adalah seperti berikut:

- (a) Semua penghuni mestilah menyertai keseluruhan program yang dijalankan di Pusat. Tidak ada penghuni yang dibenarkan menamatkan program mereka tanpa kebenaran dari Direktor Pusat.
- (b) Tidak ada penghuni yang dibenarkan menyimpan wang.
- (c) Tidak ada penghuni yang boleh meninggalkan kawasan pusat tanpa kebenaran dan ditemani oleh kaunselor-kaunselor mereka.
- (d) Tindakan akan diambil terhadap mana-mana penghuni yang didapati tidak mematuhi peraturan dan arahan pusat ini.

(a) METODE PEMULIHAN:

Maka, sudah jelaslah bahawa PPDKS menekankan aspek kerohanian seseorang penghuni untuk dipulihkan. Metode "cold turkey" digunakan apabila seseorang penghuni menahan ketagihannya.

Pengkaji merasa bertuah kerana sempat melihat dengan sendiri bagaimana seseorang penagih dadah menahan ketagihan atau 'gian'nya. Ini dapat menambah pengetahuan pengkaji mengenai cara yang digunakan untuk memulihkan seseorang penagih dadah. Pengalaman ini dilanjutkan dalam Bab IV.

(b) STRUKTUR PROGRAM PEMULIHAN:

Struktur program pemulihan di pusat ini pada dasarnya mengambil masa 1½ tahun sebelum seseorang itu menamatkan jangkamasa hidupnya di situ.

Terdapat tiga peringkat dan setiap peringkat dikatakan terdiri dari enam bulan tetapi tidak semestinya seseorang penghuni berjaya menamatkan programnya dalam jangkamasa yang ditetapkan itu. Pergerakan penghuni-penghuni dari satu peringkat ke peringkat yang lain bergantung kepada beberapa kriteria yang tertentu.

Peringkat pertama dikenali sebagai 'confinement period' atau peringkat di mana penghuni-penghuni tidak dibenarkan mengadakan sebarang interaksi sosial dengan masyarakat luar.

Dalam peringkat kedua, penghuni-penghuni dikatakan

sudah agak bersedia untuk menghadapi cabaran luar, atau dari masyarakat. Kini di samping bimbingan agama, penghuni-penghuni lebih didedahkan kepada unsur-unsur sosial untuk menguji keimanan mereka. Mereka sepatutnya mula bekerja untuk sekurang-kurangnya dua atau tiga hari seminggu. Ini bertujuan menyediakan mereka kepada integrasi semula ke dalam komuniti yang dikatakan 'normal' itu. Tetapi, disebabkan kesulitan memperolehi pekerjaan untuk mereka dalam jangkamasa tersebut, maka program telah diubah untuk membolehkan mereka keluar dari pusat untuk menjalankan 'witnessing' atau menyampaikan ceramah agama Kristian dari rumah ke rumah di tempat-tempat yang berhampiran dengan pusat ini. Dalam peringkat ini juga penghuni-penghuni yang berasal dari sekitar ibukota dibenarkan pulang melawat keluarga dan sanak-saudara mereka pada hari-hari yang tertentu, selalunya pada hari Sabtu.

Peringkat ketiga adalah di mana seorang penghuni sudah melangkah keluar dari pusat untuk bekerja, tetapi masih kembali kepada PPDKS selepas waktu pekerjaan mereka. Mereka juga dikehendaki mengikuti peraturan atau program yang telah disediakan bersama-sama dengan penghuni-penghuni yang lain.

Seseorang penghuni yang merupakan penagih ulangan diterima semula setelah diteliti dengan baik oleh kakitangan pusat. Sekiranya ia pernah menamatkan program peringkat pertama dan sebahagian dari program dalam peringkat kedua, ia

akan dibenarkan memulakan programnya dalam peringkat kedua.

Mengikut pusat ini, terdapat dua cara bagaimana seseorang boleh menamatkan programnya di pusat ini. Ini terdiri daripada:

- (1) ia berjaya menamatkan programnya dalam ketiga-tiga peringkat dan mendapat persetujuan dari pihak berkenaan bahawa ia benar-benar boleh berdikari, maka pusat ini akan mengumumkan dalam suatu perhimpunan gereja bahawa individu itu akan kembali ke pangkuhan keluarga dan masyarakatnya semula, atau
- (2) seseorang itu terpaksa 'dikeluarkan' dari pusat ini, apabila didapati ia masih menunjukkan response yang negatif dan sikap-sikap lamanya agak sukar diubah. Pihak pusat juga akan mengumumkan dalam perhimpunan gereja, tetapi dalam hal ini, penghuni itu adalah di "excommunicated"kan dari gereja itu.

Dengan itu, terdapat suatu sistem 'graduation' secara resmi dan tidak resmi atau yang dikatakan tidak direkod oleh Tuhan tetapi tindakan tegas terpaksa diambil oleh pihak berkenaan.

#### **(vi) HUBUNGAN DI ANTARA KAKITANGAN PROGRAM PEMULIHAN DAN PENGHUNI-PENGHUNI:**

Di antara golongan yang mentadbir dengan golongan yang ditadbir selalunya timbul "stereotypes" terhadap satu

dengan yang lain.

Kaunselor-kaunselor yang juga bekas penagih-penagih dadah diperayai akan dapat memahami penghuni-penghuni dengan lebih baik melalui pengalaman mereka sendiri. Mereka mungkin menganggap penghuni-penghuni sebagai golongan yang manipulatif, suka berbohong, hidup dalam dunia fantasi, tidak boleh dipercayai atau hanya perlu diberikan belas kasihan yang sewajarnya sahaja dan lain-lain lagi. Sementara itu, penghuni-penghuni pula mungkin menganggap kaunselor-kaunselor mereka sebagai manusia-manusia hipokrit, hanya gilaikan kekuasaan, tidak berperikemanusiaan, angkuh, menunjukkan superioriti mereka, menjalankan tugas mereka dengan menurut peraturan yang terlalu 'rigid' atau menganggap penghuni-penghuni itu sebagai 'kanak-kanak' yang perlu dikawal dengan peraturan. Inilah yang menimbulkan ketegangan di antara kedua-dua golongan yang mempunyai persepsi yang berlainan, masing-masing ingin mengejar matlamat yang berlainan.

Justeru itu, akan timbul suatu persoalan dalam pemikiran kita bahawa mengapa penghuni-penghuni tidak keluar atau meninggalkan program pemulihan mengikut keinginan mereka masing-masing pada hal dikatakan sudah ujud ketegangan di antara pihak kaunselor dan penghuni-penghuni itu?

Dalam mempertikaikan persoalan di atas, alasan yang mungkin dapat diberikan di sini ialah perasaan takut

yang ujud dalam sanubari setiap penghuni bahawa mereka sudah pasti akan jatuh ke lembah penagihan semula sekiranya mereka meninggalkan pusat ini tanpa kerelaan atau restu Tuhan. Inilah senjata yang selalunya digunakan oleh kaunselor-kaunselor yang seolah-olah 'memaksa' penghuni-penghuni yang sebenarnya tidak begitu bersungguh-sungguh ingin mengikuti program di situ lagi setelah sekian masanya mereka menetap di situ.

Kaunselor-kaunselor mungkin secara tidak langsung menegaskan bahawa tindakan yang mereka ambil itu tidak boleh atau tidak perlu dipersoalkan oleh penghuni-penghuni. Penghuni-penghuni pula dalam keadaan-keadaan tertentu, merasakan diri mereka ditindas, lemah, rendah, bersalah dan sentiasa dipersalahkan.

Dalam banyak hal, persetujuan untuk memenuhi sesuatu ideologi yang ujud di antara seseorang penghuni dan kaunselor pusat mungkin merupakan suatu kepuraan atau persetujuan yang diada-adakan sahaja. Penghuni-penghuni cuba memenuhi jangkaan kaunselor mungkin kerana ingin memenuhi suatu keperluan serta-merta pada ketika itu. Cara ini dikenali sebagai manipulasi di mana penghuni-penghuni berpura-pura menunjukkan motivasi yang ikhlas mereka dalam rancangan pemulihian dan cuba menipu kaunselor-kaunselor. Ataupun satu lagi kemungkinan ialah perasaan takut yang memang muncul dalam diri penghuni-penghuni itu yang telah disaran-kan terlebih dahulu.

Kesemua di atas dapat menerangkan hubungan yang mungkin ujud di antara kakitangan sesebuah pusat dengan penghuni-penghuni. Hubungan di antara kakitangan pusat dengan penghuni-penghuni, pada keseluruhannya, pengkaji dapati tidaklah seerat sepertimana yang dijangkakan. Pengkaji dapati bahawa hanya seorang atau dua sahaja di antara mereka yang cuba bergurau atau bercakap-cakap dengan mereka. Manakala yang lainnya lebih suka sekiranya mereka dapat menjauhkan diri mereka dari pihak atasan. Mereka yang kelebihan lemah mesra dengan kakitangan pusat adalah mereka yang mungkin telah berada agak lama di pusat ini untuk mengenal mereka. Mereka yang tidak suka berinteraksi dengan kaunselor-kaunselor adalah mereka yang mungkin tidak berapa setuju dengan sikap kaunselor-kaunselor yang dianggap angkuh itu. Akan tetapi, mereka tetap menghormati tugas mulia kakitangan PPDKS itu.

Para penghuni mendakwa bahawa kakitangan pusat tidak gemar mendengar mereka berbual-bual kosong sahaja. Dalam ketiadaan kaunselor-kaunselor pusat ini, penghuni-penghuni merasa bebas untuk bergurau senda di kalangan mereka sendiri. Tindakan kakitangan untuk mempersoalkan setiap tingkah-laku penghuni atau menegur tindak-tanduk mereka, tidak disukai oleh penghuni-penghuni langsung. Mereka menganggap diri mereka selalu diperkecil-kecilkan oleh kaunselor-kaunselor.

Tindakan setengah-tengah kaum selor untuk tidak

makan selalu dengan penghuni tetapi hanya turut serta apabila hidangan itu sedap, dianggap mungkin merenggangkan juga keadaan ini. Walaupun dikatakan bahawa sukan dapat menjalinkan tali kemesraan dan merapatkan jurang yang ujud di antara sesebuah kumpulan dengan yang lain, tetapi pada pandangan pengkaji ini tidak berjaya sepenuhnya. Umpamanya, mungkin secara tidak langsung seorang kakitangan itu menegur cara permainan si-penghuni, tetapi penghuni berkenaan hanya berdiam diri sahaja, tanpa menghiraukannya.

Di samping itu, Ketua Pusat yang jarang-jarang berada di PPDKS, mungkin dipandang lebih sebagai seorang 'superbodinate' oleh penghuni-penghuni. Beliau juga kelebihan berbual-bual mesra dengan penghuni-penghuni tetapi, lebih banyak menghabiskan masanya dengan menerima lapuran dari pembantu-pembantu beliau sahaja.

Dengan itu, jarak sosial atau "social distance" di antara kedua-dua strata ini, iaitu kakitangan pusat dan penghuni-penghuni, adalah jauh dan interaksi sosial berlaku dalam situasi-situasi yang formal sahaja. Pemisahan di antara dua golongan ini mempamirkan satu implikasi yang utama dalam pengurusan birokratik sesuatu kumpulan manusia yang hidup berkomuniti seperti pusat ini.

#### **(vii) HUBUNGAN DI ANTARA PENGHUNI-PENGHUNI:**

Secara luarannya, hidup berkomuniti ini mungkin akan kelihatan seolah-olah interaksi sosial berlaku di

antara semua penghuni di PPDKS ini. Tetapi, kalaular di-teliti dengan lebih lanjut lagi, dasar ini tidak ujud.

Pusat ini tidak menggalakkan sebarang "clique" ujud kerana, pada hakikatnya, sebagai penganut-penganut Kristian, mereka seharusnya menjalinkan rasa kemesraan dan persaudaraan di antara satu dengan yang lain. Perasaan dendam-mendendami, benci-membenci di antara satu dengan yang lain, atau perasaan angkuh dan 'superior' tidak se-patutnya timbul dalam suasana sedemikian kerana semua adalah sama di mata Tuhan.

Kamun demikian, pengkaji dapati bahawa apa yang di-kenali sebagai "clique" memang ujud di pusat ini. Lazimnya, penghuni-penghuni sesuatu peringkat akan lebih terasing di antara sesama mereka. Apa yang lebih ketara pengkaji dapati ialah yang ujud di kalangan penghuni-penghuni peringkat ke-dua. Kemungkinan pertama ialah mereka lebih lama berada di pusat ini, maka merska mesra di antara satu dengan yang lain, ataupun kemungkinan kedua ialah penghuni-penghuni peringkat kedua ini mendapati penghuni-penghuni baru itu masih 'tidak mengenal kehidupan' di PPDKS ini, misalnya, mereka tidak dapat bergurau senda dengan yang telah lama di situ. Ini menyebabkan penghuni-penghuni baru itu merasakan diri mereka tersisih sekiranya mereka turut serta dalam perbualan penghuni-penghuni yang lama itu. Kemungkinan ketiga yang pengkaji anggap lebih penting ialah cara pihak berkuasa

pusat menempatkan penghuni-penghuni dalam bilik mengikut peringkat-peringkat rancangan mereka masing-masing. Ini mungkin secara tidak langsung mengeratkan lagi tali kemesraan di kalangan mereka yang tidur atau mendiami bilik yang sama.

'Polarisasi' ini ujud apabila tumpuan diberikan kepada penghuni-penghuni yang berpendidikan Cina dan yang berpendidikan Inggeris. Mereka yang berpendidikan Cina lebih banyak bergaul di antara mereka sendiri, walaupun bilangan mereka adalah kecil di pusat ini. Malah pengkaji telah memperhatikan bahawa terdapat penghuni-penghuni yang seolah-olah tidak bercakap di antara satu dengan yang lain. Mereka ini memberi alasan bahawa masing-masing mempunyai sikap atau perangai yang berbeza, jadi agak sukar untuk mereka bergurau atau berbual-bual. Ada di antara penghuni yang lebih suka mengasingkan diri mereka sahaja daripada yang lain.

Dua orang penghuni peringkat ketiga yang telah keluar bekerja juga tidak begitu berinteraksi dengan yang lain. Pada hari Ahad misalnya, mereka dibenarkan keluar dari pusat ini dan dengan itu mereka tidak menggunakan peluang itu untuk berinteraksi dengan penghuni-penghuni lain. Mungkin juga masa mereka di pusat ini selepas waktu pekerjaan tidak begitu lama.

Perbualan penghuni-penghuni terutamanya mereka

yang dari peringkat kedua berkisar di sekitar pengalaman lampau mereka. Mereka seakan-akan dengan perasaan bangga menceritakan kepada yang lain dan sesuatu yang lucu dijadikan bahan ketawa oleh yang lain. Ini selalunya berlaku semasa semua penghuni sedang menunggu koceng makan tengahari dibunyikan atau selepas makan tengahari di mana mereka akan berihat-rihat.

Apabila dibayangkan bahawa polarisasi ini ujud di antara satu kelompok dengan kelompok yang lain, kita akan memikirkan bahawa tidak mungkin timbul perselisihan faham di dalam satu-satu kelompok itu. Tetapi, persepsi ini mungkin tidak dapat diterima sepenuhnya, kerana semasa kajian dijalankan pengkaji pernah menyaksikan beberapa peristiwa yang membawa kepada pertelingkahan kecil di antara penghuni-penghuni, misalnya, pernah berlaku di antara dua orang penghuni yang berpendidikan Cina. Dalam kes-kes seperti ini, penyelesaian akan cuba diadakan di antara kedua-dua pihak yang terlibat, tetapi, sekiranya ia telah melarat, maka akan dirujukkan kepada kaunselor-kaunselor pula. Biasanya, selepas suatu perselisihan-faham itu, penghuni-penghuni berkenaan akan cuba mengelakkan diri antara satu sama lain.

Walau bagaimanapun, kesemua perselisihan faham itu adalah suatu yang lumrah dalam kehidupan ini, terutamanya di dalam suatu kumpulan atau yang hidup berkomuniti. Bak kata pepatah, sedangkan lidah boleh tergigit oleh gigi, apatah lagi di antara manusia yang berbagai-bagai ragam, citarasa

dan latar belakang dan sikap yang berbeza-beza itu.

- (3) Dengan itu, selagi seseorang tidak menjelak lingkungan "privacy" seseorang maka, hubungan yang lebih kordial sahaja yang akan berlaku, samada di antara seorang penghuni dengan penghuni yang lain atau seorang penghuni dengan sekelompok penghuni yang lain.<sup>6</sup>, New York, 1958, hal.4

- (4) Ibid. hal. 3

- (5) Ibid. hal. 5

- (6) HALINSON, David, Social Mobility Among Drug Addicts, Crisis and Social Disadvantage, University of London Press, London, 1974, hal. 68

- (7) Ibid. hal. 58

- (8) Ibid. hal. 77

- (9) Ibid. hal. 78

- (10) GLOSSEOLALIA Secara umum, ini merupakan suatu karya karismatik dari Tuhan (Jesus) untuk seorang pengikutnya seorang Pentecostal. Iini membahalkan individu itu untuk beratur dalam suatu bahasa yang mungkin tidak dapat difahami oleh seorang bincang. Seorang pengikut banyak boleh "speak-in-tongues" selepas menerima "baptism" dari "the Holy Spirit".

- The New Encyclopedia Britannica  
Encyclopaedia, Jilid 14, hal. 34

NOTA-KAKI:

- (1) FOX, Vernon, Introduction to Correction, Prentice-Hall, New Jersey, 1977. hal. 384
- (2) ibid. hal. 219
- (3) ALLAN, W. Scott, Rehabilitation: A Community Challenge, John Wiley and Sons, New York, 1958. hal. 4
- (4) ibid. hal. 3
- (5) ibid. hal. 5
- (6) MALIKIN, David, Social Disability; Alcoholism, Drug Addiction, Crime and Social Disadvantage, University of London Press, London, 1974. hal. 68
- (7) ibid. hal. 68
- (8) ibid. hal. 70
- (9) ibid. hal. 70
- (10) GLOSSOLALIA : Secara amnya, ini merupakan suatu kurnia karismatik dari Tuhan (Jesus) untuk seorang penganut mazhab Pentecostal. Ini membolehkan individu itu untuk bertutur dalam satu bahasa yang mungkin tidak dapat difahami oleh seorang biasa. Seorang penganut hanya boleh "speak-in-tongues" selepas menerima "baptism" dari "the Holy Spirit".  
The New Encyclopedia Britannica Macropaedia, Jilid 14. hal. 34

- (11) MCLEAN, Gordon R., BOWEN, Haskell, High on the Campus,  
Tyndale House Publishers, Illinois,  
1970. hal. 118-120.
- (12) GOFFMAN, Erving, Asylums: Essays on the Social  
Situation of Mental Patients and Other  
Inmates, Double-day and Co.,  
New York, 1961. hal. 7

DATA	PERSEN (%)
Alasan	76,6
Bentuk	23,4
Jumlah	100,0

Anggapan dan pemahaman mengenai peringatan atas orang-orang dengan jauhnya berada dalam kriteria yang ditetapkan oleh kriteria-kriteria yang tidak jelas sebagaimana peringatan dari para peringatan ke peringatan yang benar. Dalam itu, penganggupan mengakibatkan kurangnya pertimbangan dalam catatan-tujuan peringatan itu dapat dihindari. Sebalik penganggupan yang banyak peringatan-peringatan penerapan punya akibat yang

BAB III: LATAR BELAKANG PENAGIH DADAH/PENGHUNI-PENGHUNI:

Di dalam kajian ini, pengkaji sempat menemuramah tujuh belas (17) orang penghuni. Mereka ini terdiri daripada 12 orang yang berbangsa Cina dan 5 orang berbangsa India. Memandangkan pusat ini merupakan sebuah pusat pemulihan Kristian, maka sejauhnya tidak akan terdapat penagih-penagih dadah atau penghuni-penghuni Melayu.

JADUAL 1 : KOMPOSISI BANGSA PENGHUNI-PENGHUNI PUSAT YANG BERJAYA DITEMURAMAH:

BANGSA	JUMLAH	PERATUS (%)
Cina	12	70.6
India	5	29.4
JUMLAH BESAR	17	100.0

Penghuni-penghuni di PPDKS adalah dibahagikan kepada tiga peringkat dalam program pemulihan mengikut jangkamasa mereka menetap di situ, dan juga kriteria-kriteria yang lain yang membolehkan pergerakan dari satu peringkat ke peringkat yang lain. Oleh itu, pengkaji telah memastikan bahawa penghuni-penghuni dalam ketiga-tiga peringkat itu dapat ditemuramah. Jumlah penghuni-penghuni mengikut peringkat-peringkat pemulihan pusat ini (yang

ditemuramah) adalah seperti dalam Jadual 2:

JADUAL 2: JUMLAH PENGHUNI-PENGHUNI PUSAT PADA BULAN MAC, 1982:

PERINGKAT PROGRAM PEMULIHAN	JUMLAH	PERATUS (%)
PERINGKAT PERTAMA	8	47.1
PERINGKAT KEDUA	6	35.3
PERINGKAT KETIGA	3	17.6
JUMLAH BESAR	17	100.0

3.1 : UMUR, PENDIDIKAN, NEGERI ASAL DAN TARAF PERKAWINAN:

(i) UMUR:

Jika diteliti, bolehlah dikatakan bahawa kebanyakkan penagih-penagih dadah adalah terdiri dari golongan belia, iaitu di dalam lingkungan umur 15 tahun hingga 25 tahun.

Di pusat pemulihan itu, pengkaji mendapati umur purata penghuni-penghuni (jumlahnya 17 orang) ialah 27 tahun. Kenyataan ini mempunyai beberapa taksiran. Di antaranya ialah pada permulaannya, penagihan dadah itu memang dianggap sebagai suatu cara hidup yang penuh bermakna kepada kebanyakkan penagih iaitu dapat memenuhi banyak daripada

keperluan psikologi mereka, juga dapat memberikan mereka suatu perasaan bahawa mereka telah berjaya memperolehi sesuatu dalam kehidupan mereka.

Penagih-penagih dadah tidak akan memperseolkan gaya hidup mereka selagi tidak timbul sebarang tekanan atau kecemasan yang mengodai mereka. Sebaik sahaja unsur-unsur 'bukan realiti' sudah dapat mereka rasakan, maka segala keseronokan dan kebebasan cara hidup mereka itu mulai menjadi jadi kesangsian mereka. Ini selalunya tidak akan berlaku sehingga seseorang penagih itu sudah sekurang-kurangnya 5 tahun terjebak dengan dadah. Mereka sudah jemu dengan cara hidup mereka dan mulalah mereka ingin mendapatkan rawatan atau pemulihan untuk menangkis tabiat mereka itu. Jadi, kemungkinan mereka mendapatkan pemulihan di pusat ini dalam umur yang agak lewat adalah akibat dari percubaan-percubaan lain yang pernah mereka lakukan.

Di dalam kajian ini, pengkaji mendapati dua orang penghuni yang paling muda yang sedang menerima pemulihan adalah berumur 21 tahun, dan yang paling tua berumur 34 tahun. Umur penghuni-penghuni di PPDKS ini dapat dilihat di dalam Jadual 3.

JADUAL 3 : UMUR PENGHUNI-PENGHUNI DI PUSAT:

UMUR	JUMLAH	PERATUS (%)
21-23	2	11.8
24-26	5	29.4
27-29	7	41.2
30-32	2	11.8
33-35	1	5.9
JUMLAH BESAR	17	100.0

Dari jadual di atas, peratus yang paling tinggi iaitu 41.2% ialah pada peringkat umur 27-29 tahun, diikuti oleh 29.4% pada peringkat umur 24-26 tahun. Inilah agaknya peringkat umur yang dikatakan penagih-penagih dadah mulai insaf dan menyedari kehidupan liar mereka itu. Peratus paling kecil ialah 5.9%, iaitu bagi umur 33-35 tahun, manakala peringkat umur 30-32 tahun ialah sebanyak 11.8%.

Bagi peringkat-peringkat umur ini pengkaji tidak dapat membuat satu generalisasi yang tepat, tetapi pada fikiran pengkaji kebanyakan penagih yang telah sampai ke peringkat umur tersebut iaitu umur di antara 30-32 tahun dan 33-35 tahun, sudahpun mempunyai tanggungjawab masing-masing yang lebih berat, misalnya, soal rumahtangga, dengan itu mungkin tidak lagi sanggup menerima rawatan dan pemulihan. Perlu ditegaskan di sini bahawa kesemua penghuni yang dikaji

ini, terutamanya dalam golongan umur 30-32 tahun dan 33-35 tahun itu masih lagi belum berumahtangga. Tetapi, sejauh-mana kedudukan ini dapat diapplikasikan kepada pusat-pusat pemulihian yang lain tidak dapat ditentukan.

Mengenai umur mereka mula mengambil dadah mungkin boleh dikatakan bahawa umur yang selalunya menimbulkan perasaan ingin tahu (curiosity) atau ingin cuba seseorang belia ialah di antara lingkungan umur 15-17 tahun. Belia-belia dalam peringkat umur ini mula mendapat kebebasan dari kongkongan ibubapa dan mereka selalunya tidak mempunyai tanggungjawab yang harus mereka risaukan. Malah dua orang penghuni di PPDKS telah mula mencuba dadah dan seterusnya menjadi penagih dadah ketika berumur 13 tahun lagi. Walau-pun begitu, ini tidak bermakna bahawa tidak ada belia-belia yang mula mengambil dadah selepas peringkat umur ini.

Keterangan ini dapat dilihat di dalam jadual di bawah ini:

JADUAL 4 : UMUR PENGHUNI-PENGHUNI MULA MENGAMBIL DADAH:

UMUR	JUMLAH	PERATUS (%)
14 dan bawah	2	11.8
15 - 17	6	35.3
18 - 20	4	23.5
21 - 23	3	17.6
24 dan atas	2	11.8
JUMLAH BESAR	17	100.0

(ii) PENDIDIKAN:

Dari segi taraf pendidikan pula, pengkaji mendapati kedudukannya seperti di dalam Jadual 5, iaitu mengikut aliran pendidikan (samada Bahasa Inggeris atau Bahasa Cina) yang diperolehi oleh penghuni di sekolah.

JADUAL 5: PERINGKAT PENDIDIKAN YANG DICAPAI OLEH PENGHUNI-PENGHUNI MENGIKUT ALIRAN BAHASA PENGHANTAR:

Peringkat Pendidikan Yang Di- capai Semasa Mening- galkan Bangku Sekolah	Aliran Pendidikan				Jum./% bagi Ke- dua-dua Aliran	
	Bah. Ingg.	Bah. Cina				
	Jum.	%	Jum.	%	Jum.	%
Darj. 1 - Darj. 3	-	-	1	25	1	5.9
Ting. 1 - Ting. 3	4	30.8	3	75	7	41.2
Ting. 4 - Ting. 5	8	61.5	-	-	8	47.1
Ting. 6 Bawah	1	7.7	-	-	1	5.9
JUMLAH BESAR	13	100.0	4	100.0	17	100.0

Jadual itu menunjukkan bahawa kedudukan atau taraf pendidikan yang paling tinggi 47.1% iaitu bagi tingkatan 4-5. Ini merujuk kepada penghuni-penghuni yang berpendidikan Inggeris sahaja. Tidak ada seorang penghuni dari aliran Bahasa Cina yang sampai ke peringkat ini.

Kemudiannya ini diikuti dengan 41.2% iaitu bagi peringkat tingkatan 1-3. Hanya seorang sahaja dari aliran Bahasa Inggeris dan Bahasa Cina yang tidak menamatkan tingkatan 1 mereka. Kesemuanya terkandas dalam Sijil Rendah Pelajaran mereka. 5.9% atau seorang sahaja penghuni yang di peringkat bawah dari darjah 6, iaitu setakat darjah 3 sahaja, manakala seorang lagi tidak menamatkan tingkatan 6 bawahnya di salah sebuah sekolah swasta kerana berjaya mendapat pekerjaan yang baru.

Penghuni-penghuni yang telah sampai ke tingkatan 5 mendakwa mereka bukannya lemah dalam pelajaran sekolah mereka. Mereka sebenarnya telah bergaul dengan golongan yang tidak 'sihat' dan ini mempengaruhi prestasi mereka di sekolah.

Jadi, di sini dapat dikatakan fenomena penyalahgunaan dadah ini agak menyeluruh, di mana terdapatnya penghuni-penghuni yang menamatkan peringkat pendidikan rendah hingga ke golongan yang berpendidikan tinggi.

### (iii) NEGERI ASAL PENGHUNI:

Menurut pandangan umum, lebih banyak penagih dadah berkeliaran di bandar-bandar atau kota-kota daripada di kawasan-kawasan luar bandar. Ini adalah berdasarkan beberapa faktor. Di antaranya, ialah faktor tarikan atau alam persekitaran yang termasuk misalnya, penghijrahan belia-belia ke bandar, tempat-tempat hiburan yang begitu banyak,

mudah mendapatkan dadah dan sebagainya.

Dalam kajian ini, pengkaji dapati bahawa kebanyak-an penghuni adalah berasal dari bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Ipoh dan Pulau Pinang, yang mana kadar penagihan dipercayai adalah lebih tinggi.

Ini dapat ditunjukkan dalam Jadual 6:

JADUAL 6 : NEGERI ASAL PENGHUNI-PENGHUNI :

NEGERI	JUMLAH	PERATUS (%)
Pulau Pinang	2	11.8
Perak	2	11.8
Wilayah Persekutuan	5	29.4
Selangor	7	41.2
Negeri Sembilan	1	5.9
JUMLAH BESAR	17	100.0

++ Wilayah Persekutuan merujuk kepada Kuala Lumpur sahaja, sementara negeri Selangor merangkumi bandar-bandar seperti Petaling Jaya, Kelang dan Tanjung Karang.

Dari itu, jadual di atas menunjukkan bahawa 41.2% adalah berasal dari negeri Selangor, manakala 29.4% berasal dari Kuala Lumpur. Namun demikian, pengkaji ingin menegaskan di sini bahawa satu generalisasi untuk meliputi gambaran di negara ini tidak mungkin dapat dibuat. Ini ia-

lah kerana mungkin secara tidak langsung pusat itu telah menerima lebih ramai penghuni yang berasal dari bandar-bandar tersebut, kalau dibandingkan dengan pusat-pusat pemulihian lain di Malaysia ini.

**(iv) TARAF PERKAHWINAN:**

Dalam aspek taraf perkahwinan hanya dua orang sahaja (11.8%) daripada penghuni-penghuni di PPDKS yang telah berkahwin. Kedua-dua ini belum mempunyai anak. Salah seorang dari penghuni ini yang berumur 26 tahun baru sahaja mendaftarkan perkahwinannya. Ini bermakna ia masih belum merasakan atau memikul tanggungjawab rumahtangganya lagi. Manakala seorang lagi yang berumur 29 tahun, mempunyai pendapatan yang tetap, hampir \$1,000.00 sebulan sebelum menyertai program di pusat itu. Dengan itu ia tidak bergantung kepada ibubapanya untuk mendapatkan sumber kewangan.

**3.2 : LATAR BELAKANG KELUARCA:**

Dalam meninjau aspek ini, akan dibincangkan beberapa kriteria yang dianggap penting dalam mempengaruhi kehidupan seseorang sejak dari kecil lagi. Ini termasuklah seperti sosialisasi yang diberikan oleh keluarga, perhubungan di dalam keluarga, bimbingan kerohanian atau kealiman sebuah keluarga dan kedudukan ekonomi.

Sosialisasi yang seseorang perolehi dari keluarganya memainkan peranan yang penting dalam kehidupannya. Umpamanya, Ganger dan Stugart berpendapat bahawa terdapat penagih-penagih yang terlalu dilindungi semasa peringkat

kanak-kanak mereka. Unsur ini dipercayai berubah kepada kecenderungan sikap yang agresif dan keinginan seks apabila usaha-usaha seseorang itu untuk mencapai sesuatu telah dihalang oleh ibubapanya, terutama sekali ibunya. Ibu-ibu secara tidak disedari inginkan anak-anak mereka kekal menjadi "helpless and unexpressive", ingin melihat anak-anak itu memiliki perlakuan yang dapat memuaskan keperluan mereka sendiri sebagai ibu dan seolah-olah tidak menghiraukan kepentingan anak-anak mereka. (1)

Sementara itu di pihak seorang bapa pula, perlindungan yang berlainan atau disiplin yang terlalu ketat boleh mendorong anak-anak itu mencari "outlet" sebaik sahaja mereka mendapat peluang tersebut. Keadaan ini dihadapi oleh 47.1% (3 orang) daripada penghuni-penghuni pusat yang menganggap bapa mereka terlalu menyekat kebebasan mereka. "Outlet" yang mereka perolehi, seperti yang berlaku kepada 2 orang penghuni, ialah apabila bapa mereka meninggal dunia mereka merasakan diri mereka bebas dari sebarang kongkongan. Ibu dan ahli-ahli keluarga yang lain tidak dapat mengawal mereka lagi.

Di samping itu, Moffett dan Jones yang mengkaji tentang penagih-penagih dadah berkulit hitam mendapati bahawa sebenarnya bukan perlindungan yang berlebihan tetapi kurangnya perlindungan ibubapa yang mengakibatkan keadaan sedemikian. Umpamanya, mereka yang datang dari keluarga yang tidak stabil dan menerima pengaruh keluarga yang minima. Dalam ertikata lain, mereka diberi kebebasan hingga memungkin-

kan mereka menjadi terlalu bebas. (2)

Kedua-dua situasi itu boleh dikaitkan dengan perhubungan seseorang anak dengan ibubapa atau ahli-ahli keluarganya, terutamanya perhubungan di antara seorang anak lelaki dengan bapanya. 35.3% (6 orang) daripada penghuni-penghuni mendakwa mereka tidak dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan bapa mereka. Perlindungan yang berlebihan atau yang kurang ke atas anak-anak dipercayai memainkan peranan yang penting dan merupakan punca dalam penyalahgunaan dadah. Ini adalah kerana kedua-dua bentuk perlindungan itu boleh membendung atau memusnahkan proses-proses perkembangan dan memberikan kesan ke atas kematangan seseorang itu.

Di pusat kajian, keadaan seperti berikut boleh dilihat:

JADUAL 7 : PERHUBUNGAN DI ANTARA PENGHUNI-PENGHUNI DENGAN KELUARGA (IBUBAPA) MEREKA.

BENTUK-BENTUK PERHUBUNGAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Perlindungan Yang Berlebihan	8	47.1
Perlindungan Yang Kurang (Mendapat Kebebasan Yang Berlebihan)	9	52.9
JUMLAH BESAR	17	100.0

Jadual di atas menunjukkan bahawa 52.9% daripada penghuni-penghuni mendapat kebebasan yang berlebihan dari keluarga mereka. Mereka menganggap ibubapa mereka sebagai amat 'liberal' dan terserah kepada mereka untuk memilih cara kehidupan mereka sendiri.

Dalam melihat latar belakang keluarga ini, tidak dapat dielakkan daripada menyentuh tentang bimbingan agama atau kealiman sesebuah keluarga. Menurut David Moberg, "the need that a person feels for religion, as well as the kind of religion he 'needs' is closely related to the extent and nature of religious influences in his upbringing." (3)

Ini disokong oleh Bruce Johnson dalam satu kajian yang telah dijalankan untuk mencari hubungan di antara penggunaan dadah dengan kealiman seseorang belia. Di kalangan penuntut-penuntut sebuah maktab yang mengatakan mereka tidak pernah mengunjungi gereja, Johnson mendapati bahawa hanya 26% sahaja yang tidak menggunakan dadah langsung. Lebih kerap seseorang itu mengunjungi gereja, maka kuranglah kecenderungannya untuk mengambil dadah. Di kalangan penuntut-penuntut yang mengunjungi gereja seminggu sekali atau lebih, terdapat 77% daripada mereka tidak pernah menggunakan dadah. 31% daripada mereka tidak pernah mengunjungi gereja dan 4% daripada mereka atau pengunjung mingguan gereja kerapkali menggunakan dadah. Di sini terdapatnya suatu hubungan yang positif di antara pengasuhan kerohanian seseorang dalam

keluarganya dengan penyalahgunaan dadah. (4)

Tetapi, pendapat ini telah disangkal oleh Erich Goode. Beliau menyarankan bahawa sesuatu agama ("organised religion") tidak semestinya menjadi satu bentuk pelindung yang mutlak kepada penglibatan seseorang dengan dadah, tetapi sebenarnya, mereka yang alim sahaja yang tidak mungkin tertarik dengan penyalahgunaan dadah. (5) Jadi, beliau mempercayai bahawa ujud suatu perhubungan negatif di antara penganut-penganut yang betul-betul alim dengan penggunaan dadah.

Saranan Erich Goode ini, pada pandangan pengkaji dapat diaplikasikan kepada keadaan yang muncul di PPDKS. Terdapat 17.6% (3 orang) penghuni yang berasal dari keluarga Katholik. Menurut penghuni-penghuni ini ibubapa mereka memang kuat beribadat dan mereka turut serta semasa mereka kanak-kanak sahaja. Apabila mereka semakin dewasa, mereka mulai menyisihkan diri dari agama itu dan juga mula mempersoalkan tentang keujudan Tuhan di alam nyata ini. Di sini memperlihatkan kenyataan bahawa penganut sesuatu agama itu tidak harus dititikberatkan sahaja, sebaliknya kealiman seorang itu dan bimbingan yang ia terima dari keluarganya yang patut diutamakan. Penghuni-penghuni lain, samada yang pada hakikatnya merupakan penganut-penganut agama Hindu, Buddha atau agama Cina, menganggap keluarga mereka memang mementingkan agama, tetapi mereka tidak menerima sebarang bimbingan kerohanian daripada mereka. Ada juga yang meng-

anggap ibubapa mereka sebagai "atheist" dan dengan itu, agama tidak ujud dalam hidup mereka.

Dari segi kedudukan kewangan atau ekonomi sesebuah keluarga juga boleh menyumbangkan peranannya dalam mempengaruhi gaya dan cara hidup seseorang. Sesebuah keluarga samada mewah/berada, sederhana atau kurang mewah dipercayai memberi tekanan-tekanan yang berbeza-beza terhadap seseorang anak itu. Selalunya dalam keluarga yang mewah, anak-anak terlalu dimanja-manjakan dan ini membawa akibat yang buruk akhirnya. Dalam keluarga yang kurang mewahlah seseorang itu menghadapi cabaran yang lebih ketara. Segala-galanya kurang dan ini menjadikan mereka keciwa. Kekeciwaan yang dihadapi oleh seseorang dari keluarga yang mewah adalah amat berbeza daripada kekeciwaan yang dihadapi oleh seseorang yang berasal dari keluarga yang kurang mewah. Dalam kes pertama, seseorang itu mendapat segala yang ia inginkan tanpa mengeluarkan titik peluhnya. Ia mungkin merasa terlalu "contented" sehingga ia merasa keciwa juga. Keluarga-keluarga yang sederhana kedudukan ekonomi merekalah yang kebanyakannya ujud di kalangan keluarga penghuni-penghuni pusat ini. Mereka ini tidak mungkin selalu merasakan tekanan dari segi kewangan ke atas diri mereka, tetapi, keadaan yang terdapat di dalam kes-kes yang awal tadi memang ujud juga.

Kedudukan ini memang dapat dilihat dalam Jadual 8 di bawah ini:

JADUAL 8 : KEDUDUKAN KEWANGAN ATAU EKONOMI KELUARGA PENGHUNI-PENGHUNI:

KEDUDUKAN KEWANGAN/ EKONOMI KELUARGA	JUMLAH	PERATUS (%)
Berada/Mewah	5	29.4
Sederhana	7	41.2
Kurang Mewah	5	29.4
JUMLAH BESAR	17	100.0

Sebagai kesimpulannya, bolehlah dikatakan latar belakang sesebuah keluarga mempunyai pengaruh yang besar dalam perkembangan dan kematangan seseorang itu.

3.3 : PEKERJAAN, PERBELANJAAN DAN SUMBER KEWANGAN:

(i) PEKERJAAN:

Pada keseluruhannya, seseorang penagih dadah jarang melakukan satu-satu jenis pekerjaan lebih daripada beberapa bulan. Ia selalunya meninggalkan pekerjaannya dengan tiba-tiba, dan apa yang nyata ialah ia telah kembali kepada dadah. Oleh itu, dalam pengalaman pekerjaan, seseorang penghuni di pusat itu pernah melalui masa-masanya sebagai penganggur, pengedar dadah, hingga kepadanya melakukan sebarang pekerjaan yang tidak tetap atau yang sambilan sahaja. Kebanyakan penghuni juga pernah melakukan pekerjaan yang memberi masa

terluang yang banyak kepada mereka. Masa-masa terluang itu dapat digunakan untuk menghisap dadah. Ini bermakna pekerjaan yang mengikut waktu pejabat iaitu dari pukul 8 atau 9 pagi hingga 4 atau 5 petang tidak menjadi pilihan mereka. Begitu juga kebanyakan jenis pekerjaan itu selalunya memerlukan kelayakan akademik yang agak tinggi. Hanya seorang penghuni sahaja yang berkelulusan Sijil Pelajaran Malaysia pernah berkhidmat dengan kerajaan semasa ia menjadi penagih dadah. Tetapi, ia telah berhenti dengan suka-relanya apabila tabiatnya itu semakin melarat.

Umpamanya, 29.4% (5 orang) daripada penghuni-penghuni pada suatu ketika dulu pernah bekerja sebagai juru jual. Pekerjaan ini bukan sahaja mendatangkan pendapatan yang agak lumayan sekiranya mereka dapat memperkenalkan komoditi-komoditi mereka itu, tetapi juga mempunyai masa 'lapang' yang banyak. Ini juga boleh dikatakan sejenis pekerjaan yang sesuai kepada mereka disebabkan kebolehan mereka berkomunikasi dengan pelanggan-pelanggan mereka.

Di antara penghuni-penghuni di PPDKS itu 29.4% (5 orang) pernah bekerja sebagai pemain-pemain muzik samada di kelab-kelab malam atau dengan rombongan/pancaragam mereka. Profession inilah dipercayai paling senang mendekatkan seseorang kepada penyalahgunaan dadah. Muzik dianggap sesuatu yang boleh menghayalkan si-pendengar itu. Untuk memperolehi darjah khayalan yang lebih tinggi, maka pemain-pemain muzik

selalunya berpaling kepada dadah. Ada juga di antara mereka ini yang mengatakan mereka memerlukan kekuatan atau keyakinan, samada dari segi fizikal atau mental apabila mereka mengadakan persempahan di khalayak ramai.

Hanya 17.6% (3 orang) daripada penghuni-penghuni yang mendakwa mereka pernah mempunyai pekerjaan yang lebih tetap, iaitu untuk selama lebih dari 5 tahun. Misalnya, salah seorang daripada mereka mengatakan ia pernah menjadi pengurus di salah sebuah firma di ibukota ini, sebelum ia terjebak dengan dadah. Ia memegang jawatan itu lebih dari tiga tahun. Sementara itu, seorang lagi penghuni memberitahu bahawa sebelum ia memasuki pusat ini, ia adalah seorang kerani akaun untuk selama 10 tahun di sebuah firma swasta, juga di ibukota, walaupun ketika itu ia sudah menjadi seorang penagih dadah.

Tidak ada penghuni yang berani mengatakan mereka tidak pernah bekerja sebagai seorang pengedar dadah. Walau-pun ini boleh dianggap sebagai suatu kegiatan untuk menampung perbelanjaan mereka sahaja, tetapi ada di antara mereka yang sebenarnya bertugas sepenuh masa.

Menganggur ketika seseorang itu menjadi penagih dadah memang tidak dapat dielakkan. Kesemua penghuni pernah menganggur. Tetapi, ada yang menganggur secara 'terhormat', maksudnya keperluan kewangannya diberikan oleh keluarganya.

Oleh itu, pekerjaan-pekerjaan yang pernah dilaku-

kan oleh penghuni-penghuni adalah pelbagai dan tidak mungkin dapat pengkaji perturunkan kesemuanya di sini. Apa yang perlu diperhatikan ialah kekerapan penghuni-penghuni itu melompat dari satu pekerjaan kepada pekerjaan yang lain.

**(ii) PERBELANJAAN:**

Perbelanjaan seseorang penagih dadah tidak dapat ditentukan, ianya berubah-ubah setiap kali/hari. Ini bergantung kepada sumber kewangan mereka, sekiranya mereka mempunyai wang yang banyak, mereka sanggup menghabiskan kesemuanya untuk dadah, samada bersama-sama dengan penagih-penagih lain atau secara tersendirian. Seorang penghuni mengatakan ia pernah menghabiskan hampir \$100.00 sehari, tetapi lazimnya menurut penghuni-penghuni lain, perbelanjaan mereka ialah di antara \$20.00 hingga \$40.00 sehari.

Selalunya perbelanjaan ke atas dadah bertambah dari ketika seseorang itu mula-mula menjadi penagih kalau dibandingkan dengan keadaannya selepas setahun menggunakanannya. Begitu juga perbelanjaan itu adalah mengikut harga yang diperolehi mereka. Kalaulah dibandingkan di antara harga dan kuantiti serta kualiti dadah yang boleh didapati pada dekad yang lalu, adalah berbeza dengan yang boleh didapati pada tahun-tahun 1980an ini. Dulunya, dadah dipercayai lebih murah, dan juga kualitinya lebih baik. Sekiranya, kualiti dadah itu adalah tinggi, seseorang penagih akan mendapat "kicks" yang lebih dan oleh itu, ia tidak perlu memperolehi kuantiti yang lebih untuk memuaskan ketagihannya. Dalam hal ini, penghuni-

penghuni percaya bahawa dadah yang terdapat di 'pasaran gelap' itu lebih banyak dicampurkan dengan bahan-bahan yang lain.

Oleh kerana itu, tidak dapat ditentukan perbelanjaan harian atau bulanan seseorang penagih. Ini bergantung kepada faktor-faktor atau keadaan-keadaan yang ujud pada masa itu.

(iii) SUMBER KEWANGAN:

Wang adalah penting dalam kehidupan penagih-penagih dadah. Walaupun dikatakan penagih-penagih dadah yang telah bekerja mampu menanggung tabiat mereka itu, tetapi buat sekian masa apabila pengambilan itu bertambah dari hari ke hari, maka sumber pendapatan bulanan mereka tidak mencukupi lagi. Dari situlah penagih-penagih mula berikhtiar untuk menyelami semua ceruk di dunia ini untuk mendapatkan wang bagi ketagihan mereka.

Biasanya, seseorang penagih yang kesempitan wang akan mula-mula mencuri barang-barang yang bernilai seperti barang-barang kemas ataupun wang dari rumahnya sendiri. Apabila perbuatannya itu telah dikesan oleh ahli-ahli keluarga, ia akan beralih kepada masyarakat luar pula. Ia akan melakukan apa sahaja, misalnya, mencuri barang-barang yang dapat dijual, meminta 'wang perlindungan' dari pekedai-pekedai, memeras, menipu sahabat handai atau bukan kenalannya terutamanya golongan tua, atau meminjam dari mereka, malah ada yang sanggup merompak atau cuba mencolek. Ini menyebab-

kan penagih-penagih dadah selalunya bertembong dengan undang-undang atau pihak polis. Dari kajian itu, pengkaji dapati bahawa 70.6% (12 orang) daripada penghuni-penghuni pernah ditahan oleh polis semasa mereka menjadi penagih dadah. Mereka ini ditahan kerana mereka adalah penagih dadah ataupun kerana terlibat dengan kesalahan dan jenayah yang lain. Tetapi, ini tidak bermakna mereka yang tidak pernah ditahan oleh polis tidak melakukan perbuatan-perbuatan itu. Mungkin, mereka ini lebih 'bernasib baik' untuk melepaskan diri dari pihak yang berkenaan.

JADUAL 9 : PENGALAMAN PENGHUNI DITAHAN OLEH POLIS:

PENGALAMAN DITAHAN OLEH PIHAK POLIS	JUMLAH	PERATUS (%)
Pernah	12	70.6
Tidak Pernah	5	29.4
JUMLAH BESAR	17	100.0

Dari jadual di atas, pengkaji dapati bahawa seorang penghuni dihantar ke penjara kerana beliau telah mlarikan diri dari sebuah pusat pemulihan dadah kerajaan sebelum tamat tempohnya.

Seperti yang telah dinyatakan, penagih-penagih dadah turut menjadi pengedar-pengedar dadah. Di samping itu ada yang bertindak sebagai "easy rider". (6) Ini merujuk

kepada perhubungan penagih-penagih dadah dengan seorang pelacur. Perhubungan seumpama ini boleh terjalin kerana hendak memenuhi keperluan-keperluan penting bagi kedua-dua pihak. Seseorang pelacur memerlukan perlindungan dan juga mungkin dadah untuk dirinya, sementara seorang penagih pula memerlukan sumber kewangan untuk dadahnya. 11.8% atau 2 orang penghuni dengan terus terang mengakui mereka pernah melakukan ini.

Sumber kewangan ini memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seseorang penagih, dan ianya diperolehi dari berbagai ikhtiar penagih-penagih.

#### 3.4 : SEBAB-SEBAB MENGGUNAKAN DADAH:

Sebab-sebab seseorang belia menggunakan dadah memang banyak. Tidak boleh dikatakan bahawa hanya satu faktor sahaja yang benar-benar bertanggungjawab dengan membawa seseorang itu terjerumus dalam gelombang penagihan. Kesemua ini berkumpul dari liku-liku hidup yang dilalui oleh seseorang dari masa ia kanak-kanak hingga ia menjadi dewasa. Tetapi, ramai pengkaji dan juga pengarang yang menfokaskan perhatian mereka kepada faktor-faktor seperti personaliti dan alam persekitaran ini. Misalnya dikatakan penggalak utama kepada seseorang adalah terletak dalam tekanan atau pengaruh rakan-rakan sebaya, ingin mencari keseronokan dalam hidup ini, kurangnya pengetahuan mereka tentang bahaya atau kesan dadah, perasaan ingin tahu (curiosity), dan sebagainya.

Walaupun begitu, pengkaji telah cuba menerokai faktor atau sebab yang utama yang dipercayai membawa penghuni-penghuni ke alam penagihan. Dari situ, pengkaji mendapat 4 angkubah yang kerap disebut-sebutkan oleh penghuni-penghuni sebagai yang utama yang menjadi pendorong itu. Ini ialah perasaan ingin tahu (curiosity), untuk mencari keseronokan, tekanan atau pengaruh rakan-rakan sebaya, dan untuk melarikan diri dari sesuatu masaalah atau kekeciwaan. Ini dapat ditunjukkan di dalam Jadual 10 di bawah ini:

JADUAL 10 : ALASAN-ALASAN PENGHUNI-PENGHUNI MENGGUNAKAN DADAH:

ALASAN-ALASAN UTAMA PENGHUNI	JUMLAH	PERATUS (%)
Perasaan ingin tahu (curiosity)	6	35.3
Tekanan/pengaruh rakan sebaya	6	35.3
Mengatasi masaalah & frustrasi	4	23.5
Untuk mencari keseronokan	1	5.9
JUMLAH BESAR	17	100.0

Faktor-faktor seperti perasaan ingin tahu (curiosity) dan tekanan atau pengaruh rakan-rakan sebaya dalam Jadual tadi boleh juga dikaitkan dengan Jadual 4 (UMUR PENGHUNI-

PENGHUNI MULA MENGAMBIL DADAH) yang telah diberikan itu, Pada masa keremajaan mereka inilah segala yang ada di dunia ini dianggap 'baru' oleh mereka. Misalnya, ini dapat disimpulkan dari kenyataan yang dibuat oleh McClean iaitu, "..... if they can't believe what they are hearing, or what they are hearing doesn't make particular sense to them, or they hear nothing, then of course, their curiosity is not satisfied at all. These are ones who most likely move on to experiment themselves." (7)

Kenyataan McClean itu jelas dari Jadual 10 yang diberikan. Faktor perasaan ingin tahu merupakan 35.3% (6 orang) daripada penghuni-penghuni yang terlibat. Kontek-kontek dengan penagih-penagih dadah yang lain adalah suatu cara yang penting untuk seseorang belia turut terpengaruhi. Ini dapat disamakan dengan sejenis penyakit yang berjangkit, merebak dari seorang kepada orang yang lain. Dalam hal ini, terdapat 35.3% (6 orang) daripada penghuni-penghuni yang kecundang disebabkan oleh tekanan dan pengaruh rakan-rakan sebaya mereka yang sudah menjadi penagih-penagih.

Suatu penemuan yang menarik telah dijumpai oleh Feldman di mana beliau telah mengkaji sikap-sikap golongan belia di kawasan-kawasan ghetto. Beliau mendapati belia-belia di situ mengambil dadah sebagai suatu saluran untuk mencapai 'status' dan "prestige" di dalam jaringan sosial mereka. Dalam kehadiran rakan-rakan sebaya mereka, menempoh

sesuatu aktiviti yang merbahaya digunakan untuk membuktikan kegagahan mereka. Ini menyebabkan seseorang itu pantang menerima cabaran atau tekanan dari rakan-rakannya yang lain.(8) Pengkaji dapati aspek ini juga terbenam dalam diri seorang penghuni apabila ia menceritakan bahawa ia 'tunduk' kepada pengaruh dadah kerana ia memang merasa pantang dicabar oleh rakan-rakannya. Ia telah menerima cabaran untuk mencuba dadah daripada mereka.

Dadah digunakan sebagai suatu saluran untuk mengatasi masaalah dan frustrasi seseorang belia itu. Mereka mendengar begitu banyak tentang 'kebaikan' atau nikmat dadah yang dapat menyenangkan kekusutan fikiran mereka. Salah satu contoh yang pengkaji perolehi ialah dari seorang penghuni yang merupakan bekas komunis. Ia beralih kepada dadah apabila ia merasa keciwa dengan hidupnya itu dan juga tekanan yang dikenakan oleh pihak berkuasa ke atas kegiatan subversifnya. Dengan itu, alasan ini meliputi 23.5% (4 orang) daripada penghuni-penghuni di PPDKS. Hanya seorang sahaja penghuni yang mengatakan ia ingin mencari keseronokan dalam hidupnya dan cara yang dipilih adalah melalui dadah.

Sepertimana yang pengkaji telah sebutkan terlebih dahulu, pekerjaan memainkan peranan yang penting dalam kehidupan seseorang. 29.4% atau 5 orang daripada penghuni-penghuni yang menjadi ahli-ahli pemain muzik mengambil dadah untuk menguatkan semangat dan keyakinan mereka ketika berada di atas pentas. Dunia hiburan ini dipercayai dicemari

dengan penggunaan dadah di kalangan belia-belia, terutamanya mereka yang amat suka mengunjungi parti-parti sosial atau kelab-kelab malam.

Alasan-alasan asas lain seperti latar belakang keluarga, yang telah dibincangkan, dan kurangnya bimbingan kerohanian yang mereka terima diakui sebagai sebab dan akibat mereka menggunakan dadah.

Namun demikian, faktor-faktor latar belakang tersebut tidak semestinya membawa kepada penagihan dadah secara langsung. Kesemua itu boleh membawa seseorang itu ke dalam kontek dengan orang-orang yang lain yang mengongsi beberapa "trait" atau ciri-ciri sosio-budaya yang serupa. Kontek itu selanjutnya membawa kepada penagihan dadah. Dengan itu, sebab dan akibat seseorang itu menyalahgunakan dadah mempunyai hubungan yang rapat.

### 3.5 : PENGALAMAN DI PUSAT PEMULIHAN DADAH YANG LAIN:

Ada di kalangan penghuni-penghuni PPDKS yang pernah menerima pemulihan di pusat-pusat pemulihan yang lain yang terdapat di negara ini, samada dari pihak swasta atau awam. Ini termasuklah pemulihan yang pernah mereka terima dari pusat-pusat pemulihan kerajaan, institusi-institusi sukarela seperti PEMADAM, Pusat Pertolongan di Batu Gajah, ataupun pusat-pusat pemulihan Kristian yang lain.

Dari kajian ini, pengkaji memperolehi maklumat bahawa terdapat 29.4% (5 orang) daripada penghuni-penghuni

yang pernah menyertai pusat pemulihan dadah kerajaan dalam percubaan mereka untuk menangkis tabiat itu. Daripada peratusan itu, 17.6% atau 3 orang penghuni yang pernah menerima pemulihan di pusat-pusat berkenaan lebih daripada sekali.

Ini ditunjukkan di dalam Jadual berikut:

JADUAL 11: PERCUBAAN PENGHUNI-PENGHUNI MEMULIHAKAN DIRI DI PUSAT-PUSAT PEMULIHAN KERAJAAN:

JUMLAH PERCUBAAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Sekali	2	11.8
Dua kali	3	17.6
Tidak pernah	12	70.6
JUMLAH BESAR	17	100.0

Dari jadual di atas sebanyak 70.6% atau 12 orang penghuni yang tidak pernah ke mana-mana pusat pemulihan kerajaan. Ini mungkin disebabkan oleh pengetahuan yang mereka perolehi dari rakan-rakan atau saudara-mara tentang keadaan di pusat-pusat tersebut ataupun ibubapa mereka tidak sanggup menghantar mereka ke situ kerana mereka mengetahui bahawa kadar yang berjaya dipulihkan cuma 10% sahaja. Ada yang percaya bahawa dadah masih diseludupkan ke pusat-pusat itu, dengan itu tidak akan berhasil usaha-usaha untuk menjalani pemulihan di pusat-pusat pemulihan kerajaan. Ibubapa selalu-

nya menggalakkan anak-anak mereka memulihkan diri di rumah sahaja.

Di kalangan penghuni-penghuni yang pernah merengkuk di penjara kerana sesuatu kesalahan atau jenayah memang mempunyai harapan juga untuk memulihkan diri mereka di situ. Tetapi, mereka tidak keluar sebagai seorang yang 'baru' dalam ertikata bebas dari dadah. Ini menurut mereka adalah disebabkan oleh pengedaran yang berlaku di penjara oleh pihak-pihak yang tertentu. Misalnya dalam bulan Jun, 1982 ini, pihak berkuasa di penjara berjaya membongkarkan satu 'sindiket' mengedar dadah oleh kakitangan penjara kepada banduan-banduan. (9)

Sementara itu, beberapa orang penghuni juga pernah menyertai pusat pemulihan sukarela seperti PEMADAM dan Pusat Pertolongan di Batu Gajah. Sekali lagi mereka tidak berjaya dipulihkan, malah sehari sebelum mereka keluar dari pusat-pusat itu, sudah dirancang dalam kepala mereka untuk mendapatkan dadah kembali.

Dari segi pemulihan di pusat-pusat yang dikendalikan oleh orang-orang Kristian, sebanyak 29.4% atau 5 orang penghuni pernah mengikuti program pemulihan di pusat-pusat pemulihan Kristian yang lain. Ini merujuk kepada mereka yang telah sujud kembali kepada dadah setelah menjalani sebahagian dari program di situ ataupun apabila mereka masih di dalam program pemulihan.

JADUAL 12 : JUMLAH PENGHUNI YANG PERNAH MEMASUKI PUSAT PEMULIHAN DADAH KRISTIAN YANG LAIN

PENGALAMAN DI PUSAT-PUSAT PEMULIHAN KRISTIAN YANG LAIN	JUMLAH	PERATUS (%)
Pernah	5	29.4
Tidak pernah	12	70.6
JUMLAH BESAR	17	100.0

Dengan merujuk kepada Jadual 12, daripada 5 orang yang pernah memasuki pusat-pusat pemulihan Kristian yang lain, pengkaji telah mengambil kira seorang penghuni yang pernah menyertai program pemulihan di sebuah pusat yang lain untuk beberapa ketika sahaja sebelum bertukar ke pusat ini. Ini bermakna ia tidak jatuh kepada dadah semula.

Di kalangan penagih ulangan itu, adalah terdiri daripada mereka yang telah mengambil dadah lebih dari 5 tahun, dan telah beberapa kali cuba memulihkan diri mereka. Bilangan yang besar tidak pernah menyertai pusat pemulihan Kristian yang lain mungkin disebabkan kurang tersibarnya pengetahuan tentang keujudan pusat-pusat sedemikian di negara ini.

Seorang penghuni yang dikenali sebagai Encik L merupakan seorang yang telah "menimba banyak pengalaman dan pengetahuan" dalam aspek pemulihan ini. Beliau berumur 34 tahun, pernah ke pusat pemulihan kerajaan di Kuala Kubu Bahru, Pusat Pertolongan di Batu Gajah, dan di salah sebuah pusat

pemulihian Kristian di Selangor, sebelum ke PPDKS ini. Di samping itu, memang tidak dapat dikira bilangan kali per-cubaan yang ia pernah lalui untuk memulihkan dirinya di rumah.

### 3.6 : KEJAYAAN ATAU KEGAGALAN MEMULIHKAN DIRI:

Melihat sekali imbas kepada pengalaman yang ada pada diri Encik L itu, maka akan tertanya-tanya dalam pemikiran kita bahawa adakah memang sukar seseorang penagih dadah itu mengikis tabiatnya itu. Tetapi, apabila merujuk kepada pengalaman itu sekali lagi tidak dapat dinafikan bahawa seseorang penagih memang cuba memulihkan dirinya. Namun, samada niat itu secara bersungguh-sungguh atau tidak, tidak dapat dipastikan.

Satu peratusan kecil di PPDKS mendakwa mereka pernah berjaya memulihkan diri mereka di rumah ataupun di tempat-tempat yang jauh dari kontek-kontek dengan penagih-penagih dadah. Mereka menggunakan berbagai-bagai cara. Ada yang menahan 'gian' itu melalui pengambilan candu, barbiturates atau ubat-ubat lain yang terdapat di kedai-kedai ubat. Di kalangan mereka ini, mereka mengatakan yang mereka berjaya menjauhkan diri dari dadah selama lebih dari 9 bulan. Tetapi, selepas dari jangkamasa itu, seseorang merasa begitu angkuh dan beranggapan bahawa ia benar-benar 'boleh hidup' tanpa dadah lagi. Ia mulalah menegur rakan-rakan lama, mungkin pertama kalinya ingin menanyakan khabar sahaja, ataupun mungkin ingin membuktikan kepada mereka bahawa ia telah bebas

dari cengkaman dadah. Satu lagi kemungkinan ialah ia tidak mempunyai rakan-rakan yang baru atau yang bukan penagih. Dalam pertemuan pertama ia masih lagi kuat pegangannya untuk mengawal nafsunya, tetapi, kalau pertemuan atau pergaulan itu berterusan, sekuatmanapun imannya ia akan termakan dengan pujuhan dan pengaruh rakan-rakannya juga. Oleh kerana memerlukan rakan-rakan dalam dunia ini, ia mungkin terpaksa mengikuti sosio-budaya kumpulan itu.

Walaupun begitu, suatu peratusan kecil penghuni-penghuni pula mendakwa mereka tidak dapat meninggalkan tabiat mereka kerana mereka tidak sanggup melalui dan menahan ketagihan itu apabila mereka cuba memulihkan diri mereka. Mereka hanya akan dapat menahan 'gian' itu pada hari pertama tetapi apabila keadaannya menjadi lebih serius, mereka terus keluar (atau melarikan diri) dari rumah untuk mendapatkan dadah.

### 3.7 : MOTIVASI DAN ASPIRASI PENGHUNI-PENGHUNI:

Setelah meninjau dan mendapati adanya penghuni-penghuni yang gagal dipulihkan di pusat-pusat pemulihian kerajaan atau sukarela dan juga percubaan-percubaan mereka memulihkan diri, mungkin ada faktor-faktor atau tekanan-tekanan tertentu yang membolehkan mereka menjalani pemulihian di pusat ini buat masa ini.

Punca-punca tekanan luar yang 'menahan' seseorang dalam program pemulihian mungkin datangnya dari keluarga, undang-undang, keadaan penagihan di luar ataupun memang

motivasi dalam diri mereka sendiri. Semakin kuat tekanan itu, semakin tinggilah kemungkinan seseorang itu dapat tinggal di pusat itu. Walaupun begitu, tidak mungkin cuma satu sahaja punca tekanan yang akan menjadi konsisten untuk suatu jangka-masa yang panjang. Di sini, tekanan-tekanan yang berkekalan yang datang dari berbagai-bagai punca yang berlainan adalah diperlukan.

Akan tetapi, dalam kajian ini, pengkaji telah meninjau motivasi penghuni-penghuni berdasarkan setakatmana mereka secara rela ingin memulihkan diri mereka. Walaupun secara dasarnya, penghuni-penghuni mengatakan motivasi diri-lah yang mendorong mereka mendapatkan pemulihan di sini, tetapi di sebalik ini, keadaan yang sebenarnya ialah tekanan-tekanan yang dikatakan datang dari luar itu. Kebanyakan penghuni akhirnya mengakui kenyataan ini. Pengkaji telah menggunakan 3 angkubah iaitu motivasi diri, tekanan keluarga atau tanggungjawab keluarga dan undang-undang, seperti di dalam Jadual 13.

JADUAL 13 : TEKANAN-TEKANAN YANG MENDESAK PENGHUNI MENERIMA PEMULIHAN DI PUSAT.

TEKANAN-TEKANAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Motivasi Diri	3	17.6
Keluarga/Tanggungjawab <i>Keluarga</i>	12	70.6
Undang-undang	2	11.8
JUMLAH BESAR	17	100.0

Mengikut pandangan pengkaji, untuk seseorang itu berjaya memulihkan dirinya mesti ujud suatu komitmen terlebih dahulu. Komitmen seperti itu tidak harus datang dari tekanan-tekanan luar yang seakan-akan memaksa seseorang itu menjalani pemulihan. Tetapi, mestilah komitmen itu lahir dengan semulajadinya dalam atau dari sanubari individu itu. Tanpa motivasi diri ini, seseorang tidak dapat melihat arah dan haluan dalam hidupnya. Ini dapat dilihat dalam Jadual 13, di mana hanya 17.6% atau 3 orang daripada penghuni-penghuni yang benar-benar mempunyai motivasi untuk pulih dan menjadi seorang yang 'baru'. Ini tidak bermakna bahawa penghuni-penghuni lain tidak memiliki motivasi diri itu, cuma motivasi mereka itu diambil alih oleh punca-punca lain yang menjadi keutamaan mereka pula.

Dalam aspek aspirasi penghuni-penghuni pula, bolehlah dikatakan hanya 17.6% atau 3 orang daripada penghuni-penghuni sahaja yang tahu apa yang mereka 'mahu' dalam hidup ini, terutamanya kehidupan mereka selepas tamat jangkamasa pemulihan mereka kelak. Yang lain tidak dapat menyuarakan dengan tepat apa yang mereka harapkan selepas ini, mereka memberi alasan bahawa mereka tidak ingin membina sebuah "mahligai" indah lagi, memandangkan mahligai itu pernah runtuh dan menghancurkan hidup mereka suatu masa dulu. Apa yang nyata ialah masing-masing ingin membina kehidupan yang baru tanpa bergantung kepada dadah lagi. Mereka hanya menyerahkan kepada takdir sahaja.

NOTA-KAKI:

- (1) GANGER, R., and STTUGART, G., "The Heroin Addicts' Pseudoassertive Behaviour and Family Dynamics," Social Casework, December, 1966
- (2) MOFFETT, A., and JONES, JUDITH, "Demographic Factors Associated with Negro Opiate Addiction," The International Journal of Addictions, Volume 3., No.2, Fall.1968. hal. 329-342
- (3) MOBERG, DAVID O., The Church As a Social Institution: The Sociology of American Religion, Prentice-Hall, New Jersey, 1962. hal.131.
- (4) JOHNSON, Bruce, Social Determinants of the Use of Dangerous Drugs by College Students, Wiley, New York, 1962.
- (5) GOODE, ERICH, Drugs in American Society, Alfred A. Knopf, New York, 1972. hal. 38.
- (6) MALIKIN, David, Social Disability : Alcoholism, Drug Addiction, Crime and Social Disadvantage, University of London Press, London, 1974. hal. 112.
- (7) McCLEAN, Gordon R., Bowen, Haskell, High on the Campus, Tyndale House Publishers, Illinois, 1970 hal. 18.

- (8) FELDMAN, Jarvey, "Ideological Supports to Becoming and Remaining a Heroin Addict," dalam MCGRATH, John H., SCARPATTI, Frank E., (eds), Youth and Drugs, Perspectives on a Social Problem, Scott, Foresman, Illinois, 1970. hal. 88-95.

- (9) AKHBAR - THE MALAY MAIL, 16hb. JUN, 1982 hal. 1-2.

Program-program disabilitas di pasar itu adalah berbahaya bagi anak-anak dan juga memberi pengaruh negatif pada perkembangan mereka. Dalam program "Pengembangan Kecerdasan" misalnya, seiring bertambahnya usia, seorang anak mungkin akan mengalami perubahan yang tidak selalu positif. Misalnya, dia mungkin akan mengalami perubahan dalam pengetahuan dan keterampilan yang dimilikinya. Ini lebih sering kali terjadi ketika anak yang masih belum diperlakukan dengan baik. Sebaliknya, jika dia mendapat pengalaman yang baik, dia akan tumbuh dengan baik dan sehat. Namun, jika dia mendapat pengalaman yang buruk, dia akan tumbuh dengan buruk pula. Hal ini berlaku untuk semua orang, termasuk anak-anak.

Program-program disabilitas di pasar itu adalah berbahaya bagi anak-anak dan juga memberi pengaruh negatif pada perkembangan mereka. Dalam program "Pengembangan Kecerdasan" misalnya, seiring bertambahnya usia, seorang anak mungkin akan mengalami perubahan yang tidak selalu positif. Misalnya, dia mungkin akan mengalami perubahan dalam pengetahuan dan keterampilan yang dimilikinya. Ini lebih sering kali terjadi ketika anak yang masih belum diperlakukan dengan baik. Sebaliknya, jika dia mendapat pengalaman yang baik, dia akan tumbuh dengan baik dan sehat. Namun, jika dia mendapat pengalaman yang buruk, dia akan tumbuh dengan buruk pula. Hal ini berlaku untuk semua orang, termasuk anak-anak.

**BAB IV: STRUKTUR PROGRAM PEMULIHAN DI PUSAT:****4.1 : PROGRAM PEMULIHAN:**

Pendekatan keagamaan yang digunakan di PPDKS memegang kepada prinsip bahawa kekosongan kerohanian atau "Godlessness" dalam jiwa seseorang merupakan faktor asas penagihan dadah, dan agama dianggap senjata atau rawatan yang paling sesuai. Untuk golongan muda terutamanya, tidak ada sebab mengapa pengaruh kerohanian boleh ditinggalkan. Ancaman kurungan, malah kaunseling yang baik selalunya tidak berupaya mencapai matlamat yang ingin dituju. Ini ialah kerana ujud suatu kekosongan yang masih belum dipenuhi dalam hidup golongan tersebut. Jawapan yang dicari-cari oleh seseorang itu terletak pada kehidupan kerohaniannya.

Program-program yang disediakan di pusat itu adalah bertujuan menyemai dalam jiwa seseorang penghuni suatu perasaan bahawa ia masih boleh menerima bantuan "superhuman" sekiranya ia mahu, ataupun ia masih boleh diterima oleh masyarakatnya walaupun mungkin bukan oleh masyarakat umum dengan mendadak pada permulaannya, tetapi sekurang-kurangnya ia tetap diterima oleh kelompok kecil yang senasib dengannya yang hidup di bawah suatu "perlindungan" yang sama juga. Dari itu seseorang itu akan mengetahui bagaimana ia boleh mengatasi masaalah-masaalah yang melanda dirinya tanpa berpaling kepada dadah semula, agar ia dapat membina hidupnya yang baru berlandaskan falsafah hidup yang lebih bermakna.

Dalam ertikata lain, seseorang itu diberi bimbingan agama supaya ia boleh berdikari pada masa-masa akan datang.

Pusat itu menganggap pemulihan yang dilalui oleh seseorang penghuni sebagai suatu "spiritual awakening" atau kesedaran kerohanian yang berlaku dalam diri individu itu. Namun demikian, sesuatu perasaan itu mestilah lahir secara semulajadi dari dan dalam sanubari seseorang penghuni itu sendiri. Ianya tidak dapat diada-adakan atau dipaksakan oleh orang lain. Pihak pusat percaya bahawa seseorang yang telah "bertemu" Tuhannya dalam pengalaman yang semulajadi dan telah didedahkan kepada suatu pola baru dalam hidup dan interaksi sosialnya, akan keluar dari hidup lamanya dan berubah. Ini dalam perkataan lain bermakna, "only a personal encounter with the Son of God (Jesus) can transform a life."

Oleh yang demikian, rancangan-rancangan di PPDKS ini bertujuan mencapai matlamat-matlamat di atas, semasa penghuni-penghuni berada di pusat itu dan juga apabila mereka telah meninggalkan pusat itu dengan "resminya". Kakitangan pusat ingin mempastikan bahawa penghuni-penghuni tidak hanya akan berkelakuan mengikut rancangan-rancangan di situ dan meninggalkannya sebaik sahaja mereka keluar dari pusat itu. Memang tidak dapat dinafikan bahawa suasana dan kehidupan di dalam pusat itu dengan masyarakat luarnya adalah berbeza, tetapi sekurang-kurangnya mereka (penghuni-penghuni) diharapkan dapat mengekalkan beberapa ciri kehidupan mereka berdasar lunas-lunas keagamaan yang mereka alami di pusat itu.

Tujuan utama pemulihan adalah untuk membolehkan integrasi semula penghuni-penghuni ke dalam masyarakat berlaku, iaitu untuk menyediakan mereka untuk kembali ke pangkuhan keluarga dan masyarakat dengan keyakinan diri bahawa mereka boleh menjadi salah seorang daripada anggota masyarakat itu. Seseorang yang pada masa kini sudah dapat mengatasi ketagihannya itu akan tidak mahu secara terus-menerus kenyataan itu berada dengannya seumur hidup. Oleh yang demikian, rancangan pemulihan ingin memberikan suatu hari yang penuh dengan "aktiviti-aktiviti" kerohanian yang dapat memberikan sedikit sekali kesempatan untuk mereka melarikan diri dari kenyataan hidup ini.

Di sini, pengkaji ingin perturunkan program pusat itu untuk sepanjang minggu:

Pada awal pagi bermulalah suatu hari bagi penghuni-penghuni. Pada jam 5:30 pagi hingga 7:30 pagi setiap hari, penghuni-penghuni mengadakan "morning prayers" atau doa pagi. Untuk menghilangkan rasa mengantuk mereka, mereka juga menyanyi lagu-lagu "gospel" beramai-ramai. Sarapan pagi yang disediakan oleh 3 orang penghuni yang bertugas secara bergilir-gilir setiap minggu, diambil pada pukul 7:45 pagi. Selepas itu, para penghuni harus menjalankan tugas-tugas harian mereka. Tugas-tugas itu termasuklah membersihkan sekitar kawasan pusat, bilik atau bilik mandi dan ruang rihat, memasak, atau menyiram pokok-pokok bunga. Pihak pusat menganggap tugas-

tugas itu sebagai persediaan kepada tanggungjawab yang lebih berat dan besar dalam hidup mereka selanjutnya. Kalaulah mereka mempunyai sikap yang negatif dan dingin terhadap tugas-tugas yang ditetapkan itu, maka mungkin agak sukar untuk mereka membina kesanggupan seperti itu di masa-masa hadapan.

Di antara jam 9:15 pagi hingga kadang-kadang 12 tengahari, kecuali pada hari-hari Isnin, Sabtu dan Ahad, penghuni-penghuni akan mendengar ceramah agama dan bimbingan agama di pusat itu. Ceramah-ceramah itu disampaikan oleh 2 orang kaunselor pusat dan 2 orang paderi dari gereja yang lain pada hari-hari yang telah ditetapkan. Sesi itu dimulakan dengan bacaan doa dan diselangselikan dengan lagu-lagu "gospel" yang diiringi oleh petikan guitar. Penghuni-penghuni menyanyikan lagu-lagu itu dengan penuh perasaan. Begitu juga-lah masing-masing berdoa kepada Tuhan. Pada ketika itu, PPDKS berada dalam keadaan yang amat bising sekali, ada yang menjerit-jerit meminta keampunan Yang Maha Berkuaasa dengan menadah tangan mereka. Sementara itu, ada juga di antara penghuni-penghuni yang mula "speaking-in-tongues" dalam suatu bahasa yang tidak mungkin difahami oleh manusia biasa. Ini ialah kerana individu itu telah menerima "The Holy Spirit" atau roh suci yang memberikan kurniaan itu. Sebelum kaunselor-kaunselor atau paderi-paderi meneruskan ceramah mereka, kadang-kala terdapat beberapa orang penghuni yang membuat pengakuan atau "confession" tentang pengalaman-pengalaman mereka setelah "menemui" Tuhan atau Penyelamat mereka untuk

dijadikan bahan renungan yang lain.

Kalau ceramah-ceramah itu tamat sebelum pukul 12:00 tengahari, kaunselor-kaunselor akan mengadakan "kelas-kelas" dengan penghuni-penghuni yang di bawah penyeliaan mereka. Dalam kelas-kelas itu, kaunselor-kaunselor memberikan tafsiran-tafsiran dari kitab Injil. Penghuni-penghuni juga digalakkan untuk mengemukakan sebarang kemosyikilan yang mereka hadapi dalam memahami sesuatu pengertian dalam kitab itu. Ada kalanya mereka juga diberikan "kerjarumah" untuk mengetahui sejauhmana pemahaman mereka terhadap agama Kristian.

Pada pagi hari-hari Isnin dan Sabtu, penghuni-penghuni peringkat kedua terutamanya dikehendaki membersihkan kawasan gereja dan juga gereja yang mereka kunjungi itu. Bagi penghuni-penghuni yang tidak terlibat, mereka akan menatap kitab suci mereka atau melakukan kerja-kerja yang bermanfaat.

Hari Ahad dianggap sebagai hari yang paling suci kepada penganut-penganut Kristian. Pada hari itu di antara pukul 9:00 pagi hingga 1:30 tengahari semua penghuni berpakaian kemas untuk ke gereja. Di gereja itu, semua penghuni kecuali penghuni-penghuni peringkat ketiga ditempatkan di suatu tempat yang berasingan dengan pengunjung-pengunjung gereja yang lain. Ini, menurut peraturan PPDKS, adalah untuk mengawal sebarang interaksi sosial (yang ditakutkan mungkin membawa kepada terjalinnya hubungan yang lebih rapat terutamanya di antara seseorang penghuni dengan seseorang yang berlainan jantina) di antara mereka yang sedang dalam program

pemulihan dengan masyarakat yang dikatakan "normal" itu. Penghuni-penghuni peringkat ketiga dikecualikan kerana mereka sudahpun melangkah masuk ke dalam masyarakat umum dan oleh itu mereka harus dibenarkan untuk berinteraksi sebagai satu persediaan. Seperti biasa, di gereja, doa, nyanyian dan ceramah agama diadakan. Ceramah-ceramah disampaikan oleh Ketua gereja (yang juga Ketua PPDKS), atau kadangkala dijemput paderi-paderi dari gereja-gereja lain, malah dari negara-negara jiran seperti Singapura juga.

Makanan tengahari dihidangkan pada pukul 12:30 tengahari, kecuali pada hari Ahad. Mulai pada pukul 1:00 tengahari hingga 2:30 petang adalah masa-masa rihat para penghuni. Mereka boleh membaca suratkhabar-suratkhabar yang disediakan atau beredar ke bilik masing-masing. Kebanyakan daripada penghuni-penghuni lebih suka tidur sahaja.

Selepas pukul 3.00 petang penghuni-penghuni tidak dibenarkan membaca suratkhabar lagi, kerana masa itu dikhaskan untuk mereka membaca kitab Injil, atau menyiapkan kursus-kursus "International Correspondence Institute" atau membuat "kerjarumah" yang diberikan oleh kaunselor-kaunselor. Kursus-kursus itu bertujuan menguji pemahaman seseorang penghuni mengenai agama Kristian, yang kemudian akan diposkan oleh pihak pusat ke ibu pejabatnya di Petaling Jaya. Minuman teh diberikan pada masa itu.

Untuk penghuni-penghuni dalam peringkat kedua yang dianggap sebagai berada dalam "launching stage" ke dunia

luar dikehendaki membuat "witnessing and tractting" di estet perumahan yang berhampiran dengan pusat itu. Mereka akan menyampaikan mesej Tuhan, dari rumah ke rumah dan serentak dengan itu cuba memberitahu masyarakat luar bahawa mereka yang pernah dianggap sebagai "sampah masyarakat" suatu masa dulu, dapat diselamatkan oleh Yang Maha Esa. Ini bertujuan membina keyakinan diri mereka walaupun mereka pasti akan menerima berbagai-bagai reaksi sosial apabila mereka menghampiri sesiapapun.

Satu-satunya bentuk rekreasi yang disediakan di pusat itu bermula pada pukul 4:00 petang hingga pukul 5:30 petang setiap hari. Pada masa ini, permainan-permainan diadakan. Penghuni-penghuni boleh bermain bola tampar, ping-pong, karom, atau kalau mereka tidak berminat dalam arina sukan itu, mereka boleh menyanyi dan memetik guitar atau membaca surat-khabar di bawah pokok-pokok di sekeliling pusat itu.

Makanan malam dihidangkan pada pukul 6:30 petang kecuali pada hari Jumaat apabila semua penghuni termasuk kakitangan pusat "berpuasa". Terdapat juga program-program yang berasingan pada sebelah malamnya.

Melainkan pada hari Isnin, penghuni-penghuni mempunyai program mereka di gereja. Umpamanya, pada hari-hari Selasa, Khamis, dan Ahad dari pukul 7:00 malam hingga 9:00 malam, penghuni-penghuni, terutamanya mereka yang dari aliran Cina akan mengikuti ceramah agama di gereja. Mereka yang tidak pergi ke gereja pada hari-hari tersebut akan membuat

kerja-kerja mereka sendiri iaitu yang sudah tentu berkaitan dengan kerohanian, ataupun kaunselor-kaunselor akan mengadakan kelas-kelas untuk mereka sekiranya tidak sempat dilangsungkan pada pagi hari-hari itu. Penghuni-penghuni yang berpendidikan Inggeris pula akan mengunjungi gereja pada hari Rabu. Pada hari Jumaat suatu "prayer meeting" atau doa bersama-sama ramai-ramai diadakan di gereja yang disertai oleh penganut-penganut Kristian yang lain. Penghuni-penghuni turut hadir. Pada hari Sabtu program di gereja dikhaskan untuk kaum belia sahaja, penghuni-penghuni PPDKS juga dijemput. Bacaan doa, nyanyian dan ceramah agama akan diadakan. Kadangkala diadakan lakunan pentas dan tayangan gambar yang mengisahkan riwayat hidup Esa.

Sekembalinya mereka dari gereja, minuman teh akan diberikan. Masa itu harus digunakan oleh para penghuni untuk menulis diari atau catitan harian mereka. Mereka menulis tentang kehidupan kerohanian mereka pada hari tersebut atau tentang pengalaman yang ditempoh ketika menjalankan "witnessing". Bacaan doa malam atau "night devotion" diadakan di antara pukul 9:15 malam hingga 10:00 malam, pada hari-hari Isnin dan Ahad. Ataupun pada hari Selasa, suatu perjumpaan yang dikenali sebagai "LIGHT Group" akan dilangsungkan. Namun demikian, perjumpaan itu adalah secara "ad hoc" sahaja, iaitu dipanggil sekiranya pihak pusat merasakan timbul suatu keperluan.

Dalam perjumpaan itu, (LIGHT bermaksud "Living In

Group, Harmony and Truth" seperti yang disarankan dalam Bab II) penghuni-penghuni bermula dengan bacaan doa dan nyanyian yang dikendalikan oleh Direktor Pusat atau seorang kaunselor, iaitu Encik "C". Tujuan utama perjumpaan sedemikian adalah untuk para penghuni membentangkan sebarang perasaan tidak puashati tentang pengendalian atau program pusat ataupun terhadap kelakuan dan sikap penghuni-penghuni lain yang dirasakan perlu diberikan teguran secara terbuka. Perkara-perkara begini yang mungkin dianggap kecil sahaja boleh melarat menjadi suatu masaalah yang besar pula. Perjumpaan itu dijangkakan untuk berjalan dalam suasana yang harmoni dan berterus-terang untuk memelihara ikatan dan perasaan persaudaraan di antara sesama penghuni.

Sekiranya didapati seorang penghuni telah diadu oleh penghuni-penghuni kerana melakukan sesuatu yang dianggap tidak baik dari segi agama, ia akan dinasihati. Tetapi, kalau perkara yang lebih serius berlaku seperti merokok, seorang penghuni akan "didenda" atau "dihukum". Hukuman yang diterima mungkin bercorak jangka panjang iaitu ditahan lebih lama dalam satu-satu peringkat programnya, atau yang berbentuk "berpuasa" untuk suatu jangkamasa semata-mata ingin menguatkan keimannya itu. Ia juga boleh dikehendaki menghafal ungkapan-ungkapan (verses) dari kitab suci yang harus dianggap sebagai suatu pengajaran. Walaupun begitu, telah menjadi kebiasaan di PPDKS di mana penghuni-penghuni yang

agak lama menetap di situ, selalunya tidak berapa suka membuat pengaduan semasa perjumpaan itu. Ini ialah kerana mereka takut dijadikan orang yang tidak dipercayai oleh kakitangan pusat. Inilah yang menyebabkan ramai di antara penghuni-penghuni yang lebih suka berdiam diri sahaja semata-mata tidak ingin memasuki "rekod hitam" pihak berkuasa di situ.

Persiapan untuk tidur bermula pada pukul 10:30 malam kalau perjumpaan "LIGHT Group" tidak berlangsung. Sebelum mereka tidur, mereka telah diingatkan untuk membaca doa dengan senyapnya di bilik-bilik masing-masing. Pada pukul 11:00 malam semua lampu mesti dipadamkan dan tidak harus kedengaran perbualan penghuni-penghuni lagi. Maka, berakhirlah suatu hari untuk penghuni-penghuni Pusat Pemulihan Dadah Kristian Selangor itu.

Dari rancangan-rancangan pemulihan yang terdapat di PPDKS itu seperti yang dibentangkan di atas, maka memang tidak dapat dinafikan lagi bahawa pusat itu mengadakan program yang boleh dikatakan seratus peratus bertunaskan pendekatan kerohanian. Ini telah diperakui oleh kaunselor-kaunselor yang mempercayai aspek kerohanian yang harus dititikberatkan. Setiap hari para penghuni "dikehendaki" menatap kitab Injil ataupun karya-karya lain yang dapat menambah dan mendalami pengetahuan dan pemahaman agama Kristian itu. Tidak ada sebarang bengkel untuk mereka melapangkan fikiran mereka setelah sekian lama membaca kitab suci mereka. Inilah yang telah menimbulkan perasaan bosan dan sungutan-sungutan di

kalangan kebanyakan penghuni. Ada di antara mereka mengakui bahawa mereka meletakkan kitab itu di hadapan tempat duduk mereka atau memegangnya kerana ingin menunjukkan kepada kaki-tangan pusat bahawa mereka sedang membacanya, pada hal fikiran mereka melayang entah ke mana. Mereka berbuat demikian untuk menjaga prestasi mereka di pusat itu dan akan melakukan sesuatu seperti yang dikehendaki oleh program di situ.

Di sebalik segala sungutan dan pengakuan yang dibuat oleh para penghuni di 'belakang' kaunselor-kaunselor haruslah dijadikan satu renungan. Mestilah diingati bahawa perasaan bosan adalah penghalang segala kejayaan, baik yang rohani maupun jasmani.

#### **4.2: STRUKTUR PROGRAM:**

Sebelum seseorang penagih dadah ingin menyertai program pusat itu, ibubapa dan juga individu itu sendiri akan ditemuramah dengan intensifnya oleh seorang kaunselor di pusat itu. Malah, kadangkala mereka dikehendaki datang untuk beberapa kali temuramah. Ini bertujuan mempastikan penagih dadah itu benar-benar inginkan rawatan dan pemulihan dengan menguji kesabaran dan kesungguhannya. Latar belakang keluarga dan dirinya dicatitkan oleh kaunselor.

Apabila seseorang penagih dadah diterima masuk, pihak pusat menjalankan beberapa peraturan lagi. Di antaranya, kad pengenalan dan wangnya akan disimpan oleh Direktor Pusat. Setiap barang kepunyaannya akan diselidiki kerana

khuatirkan benda-benda yang tidak diingini seperti dadah, rokok atau bahan-bahan tatapan yang lucu diseludupkan ke dalam pusat itu. Begitu juga, tidak semua pakaian yang dibawanya dibenarkan disimpan di biliknya. Kakitangan pusat itu hanya membenarkan mereka menggunakan 4 helai baju dan 2 helai seluar pendek untuk dipakai setiap hari di pusat dan 3 helai kemeja dan 2 helai seluar panjang untuk dipakai di luar dari pusat itu, misalnya ke gereja. Peraturan ini adalah untuk memelihara perasaan persamaan itu ujud. Ini ialah kerana tidak semua penghuni akan mempunyai pakaian yang sama banyak. Mereka yang tidak begitu bernasib baik, akan merasa malu dan rendah diri melihat yang lain sering bertukar-tukar pakaian mereka. Oleh itu ramai di antara penghuni-penghuni yang telah pinjam-meminjam sesama mereka.

Pada dasarnya, jangkamasa yang seseorang penghuni boleh menamatkan program pemulihannya di PPDKS adalah  $1\frac{1}{2}$  tahun. Dibahagikan kepada 3 peringkat iaitu peringkat pertama, kedua, dan ketiga, setiap peringkat dikatakan mengambil masa 6 bulan. Namun demikian, ini tidak bererti seseorang itu dapat menghabiskan program itu dalam tempoh yang disebutkan tadi kerana pihak berkuasa pusat itu menggunakan "grading system". Beberapa kriteria telah digunakan untuk menentukan pergerakan seseorang dari satu peringkat ke peringkat yang lain.

Kriteria-kriteria yang dipentingkan oleh PPDKS

dalam hubungan ini termasuklah, pertamanya dan yang menjadi teras segala kemajuan seseorang itu ialah kehidupan kerohanian atau "spiritual life" seseorang itu. Telah dikatakan apabila segala tindak-tanduk atau sikap yang dibawa oleh seseorang itu merupakan 'hasil' (fruits) bahawa ia sebenarnya telah menyerap ajaran-ajaran dari agama itu. Juga, seseorang penghuni dinilai dari kesungguhannya semasa membuat doa samada di pusat itu atau di gereja. Mata-mata kaunselor-kaunselor akan sibuk memerhati setiap orang penghuni. Pada lazimnya, kehidupan kerohanian seseorang akan terganggu sekiranya ia dilanda masaalah, misalnya masaalah peribadi atau keluarga. Ini akan dimanifestasikan dalam tindak-tanduk dan gerakgeri individu itu walaupun tanpa kesedarannya. Para kaunselor yang agak berpengalaman bukan sahaja dalam hal pemulihan tetapi disebabkan mereka juga pernah melalui pengalaman pemulihan akan berusaha menyelesaikan masaalah itu bersama-sama dengan penghuni yang berkenaan sebelum ianya mlarat lagi.

Disiplin adalah ditegaskan di pusat itu. Amalan ikhlas dan jujur juga dititikberatkan. Seseorang penghuni yang telah menunjukkan "response" yang dingin dan negatif terhadap program pemulihan yang diterimanya itu akan dikehendaki membuat pengakuan secara ikhlas dan jujur kepada Ketua Pusat atau kaunselor-kaunselor supaya ia boleh menerima bantuan dan nasihat mereka. Tetapi, kalau ia masih tidak termakan nasihat itu, maka pusat itu tidak mempunyai kaedah

yang lain lagi selain daripada menyuruhnya keluar dari pusat itu.

Hubungan di antara penghuni-penghuni dan penghuni dengan kaunselor juga dijadikan salah satu kriteria. Seperti yang dinyatakan (dalam Bab II) tidak boleh lahir sebarang "cliques" di kalangan penghuni-penghuni. Pergaulan mestilah mesra, terjalin dalam suasana yang harmonis. Hubungan penghuni-penghuni dengan kaunselor-kaunselor dilihat dari segi 'penghormatan' atau "respect" yang mereka berikan kepada kakitangan itu. Ini tidak bermakna bahawa mereka harus menganggap kaunselor-kaunselor sebagai orang-orang yang mesti ditakuti untuk menghampiri mereka apabila timbul suatu masaalah. Di sini apa yang diingini ialah percakapan dengan kaunselor-kaunselor dan juga tindakan mereka kalau mereka ditegur oleh pihak berkuasa itu.

Akhirnya, kriteria yang tidak kurang pentingnya ialah penelitian dan penilaian ke atas kemajuan 'akademik' para penghuni. Ini merujuk kepada penyertaan seseorang dalam kelas-kelas perbincangan yang diadakan, pencapaian mereka dalam ujian menghafal ungkapan-ungkapan dari kitab suci, atau tafsiran-tafsiran mereka tentang sesuatu pedoman agama itu. Juga ditegaskan kesungguhan penghuni-penghuni dalam menjalankan tugas-tugas harian mereka.

Para penghuni diperhatikan dan dinilai prestasi mereka berdasarkan kemajuan mereka sepanjang minggu itu. Sekiranya kaunselor-kaunselor mendapati seseorang penghuni telah

memenuhi semua kriteria yang ditetapkan, ia memperolehi satu markah untuk minggu itu. Ini bermakna kalau kemajuan-nya baik setiap minggu, ia akan mendapat empat (4) markah sebulan. Oleh itu, seseorang penghuni memerlukan 24 markah untuk menamatkan peringkat pertamanya, 48 markah untuk peringkat kedua dan 72 markah untuk menamatkan programnya di pusat itu. Ini secara tiorinya sahaja kerana jarang ter-dapat penghuni-penghuni yang begitu maju untuk memenuhi semua kriteria dan penilaian para kaunselor. Kalau penghuni itu tidak berkelakuan seperti mana yang diharapkan ia tidak akan diberi sebarang markah, malah kadangkala markahnya di-potong pula. Ini menyebabkan seseorang penghuni menghabis-kan masa yang lebih lama dalam satu-satu peringkat program itu.

Terdapat tiga peringkat dalam struktur program di PFDKS. Peringkat pertama dikenali sebagai "confinement period" atau peringkat 'kurungan'. Dalam peringkat ini sese-orang penghuni tidak dibenarkan mengadakan interaksi sosial dengan masyarakat luar. Malah buat tiga bulan yang pertama dalam peringkat ini, penghuni-penghuni yang sudah berkahwin tidak dibenarkan bersua muka dengan isteri-isteri mereka. Langkah ini adalah untuk mengawal pengaruh-pengaruh luar daripada meresapi diri seseorang penghuni. Tindakan ini boleh dianggap wajar memandangkan setiap penghuni yang baru menyertai program di situ akan mendapati jangkaan mereka tidak dapat dipenuhi misalnya, merasa bosan pada permulaan-

nya, atau rindukan keluarga dan ingin kembali kepada dunia keseronokan mereka itu. Sepanjang peringkat itu, program-program yang disediakan seperti diberikan dalam kelas-kelas yang dikendalikan oleh seseorang kaunselor adalah untuk mengenalkan pengajaran dan bimbingan kerohanian yang diperlukan oleh penghuni-penghuni. Seseorang yang menunjukkan "response" yang negatif atau pernah melanggar sesuatu peraturan boleh ditahan selama lebih-kurang 9 bulan, tetapi tidak lebih dari itu. Ini diapplikasikan kepada peringkat-peringkat lain juga.

Penghuni-penghuni yang melangkah masuk ke peringkat kedua diberikan pendedahan yang lebih dari segi interaksi sosial dengan masyarakat. Andainya, pusat itu berjaya mendapatkan pekerjaan untuk mereka, mereka dibenarkan untuk bekerja 2 atau 3 hari seminggu, tetapi memandangkan ini agak sukar dilaksanakan, maka pusat itu merasgi memadailah kiranya mereka dapat menjalankan "witnessing and tracting" dari rumah ke rumah. Bagimereka yang tinggal di sekitar ibukota, mereka diberikan 'cuti' untuk pulang bersama-sama dengan keluarga mereka untuk sekerat hari, selalunya pada hari Sabtu. Bagi mereka yang berasal lebih jauh, dibenarkan pulang selama 3 atau 4 hari.

Adalah dipercayai bahawa peringkat kedua ini merupakan peringkat yang paling sesuai untuk proses integrasi semula berjalan secara beransur-ansur. Ini ialah kerana mereka itu harus keluar bekerja apabila mereka berada dalam

peringkat ketiga kelak. Penghuni-penghuni demikian juga diberikan tanggungjawab yang lebih, misalnya dalam mengawal atau menjaga seseorang penghuni yang baru yang sedang melalui ketagihannya atau dalam memberikan tafsiran ajaran-ajaran agama dari kitab. Dengan mempraktikkan pendekatan seumpama itu, pihak pusat ingin menilai dan menguji sejauh-mana program pemulihan di PPDKS telah memperlihatkan hasilnya dalam 'memulihkan' penghuni-penghuninya, terutamanya dari segi kejayaan kerohanian dan keimanan mereka.

Dalam peringkat ketiga, penghuni-penghuni boleh mula bekerja. Mereka telah dijangka sudah boleh berdikari misalnya, dari segi kewangan, mereka tidak seharusnya meminta dari keluarga mereka tetapi mesti memperolehnya dari titik peluh mereka sendiri. Pekerjaan mereka didapatkan oleh pihak pusat itu. Seboleh-bolehnya, pusat itu mahukan majikan untuk penghuni-penghuninya seorang Kristian juga. Mereka tidak dibenarkan bekerja di hotel kerana dipercayai pengaruh-pengaruh yang tidak sihat berleluasa dan tidak dapat bekerja di kilang kerana adanya "shifts" yang boleh menganggu program mereka selepas kerja. Tetapi, sesuatu pekerjaan yang ingin dipilih oleh pusat itu harus melihat kelayakan dan juga kemahiran yang ada pada diri penghuni-penghuni itu. Inilah yang selalunya menimbulkan masaalah untuk kakitangan di PPDKS.

Mereka yang telah bekerja dikehendaki menyumbangkan sedikit kepada pusat itu sebagai sewa bilik mereka di situ.

Makanan tidak lagi disediakan oleh pusat itu. Walaupun mereka dianggap sudah menyertai masyarakat semula, mereka adalah terikat dengan peraturan dan program di pusat itu sekembalinya mereka dari kerja. Mereka terpaksa menjalankan tugas-tugas harian mereka seperti penghuni-penghuni yang lain, cuma pada hari Ahad, mengikuti ceramah-ceramah di gereja pada hari-hari yang ditetapkan. Tidak ada keistimewaan yang diperuntukkan untuk mereka dari segi peraturan-peraturan pusat itu. Hanya yang jelasnya mereka boleh keluar bersiar-siar pada hari Ahad selepas perhimpunan gereja pada pagi itu.

Akan tetapi, terdapat suatu hal yang menyentuh peribadi seseorang penghuni juga ingin dikawal oleh pusat itu, ditujukan terutamanya kepada mereka yang berada dalam peringkat ketiga. Ini ialah kebebasan mempunyai teman wanita adalah disekat oleh pusat itu. Yang tetap menjadi pegangan dan pendirian pihak berkuasa di situ ialah kepercayaan bahawa wanita dapat menodai dan menghalang kejayaan seseorang lelaki. Samada ini dapat diterima atau tidak oleh masyarakat umum tidak dapat dibuat suatu garis pemisah yang nyata. Apa yang disarankan oleh pusat itu mungkin mempunyai kebenarannya dilihat dari kacamata dan tafsirannya sendiri.

Terdapat beberapa orang penghuni yang merupakan penagih ulangan iaitu mereka belum sempat menamatkan program pemulihan mereka. Sebelum seseorang itu diterima oleh PPDKS

semula, temuramah yang panjang lebar diadakan. Kaunselor-kaunselor inginkan kepastian dari individu itu sendiri. Individu itu akan diterima masuk bagi memulakan peringkat keduanya semula kalau ia pernah menamatkan peringkat pertamanya. Untuk penghuni yang telah tercicir dalam peringkat pertama ia diletakkan dalam peringkat itu semula, malah ada yang didenda 3 bulan sebagai tamtahan. Tindakan begini diambil oleh kaunselor-kaunselor mungkin untuk menguji samada seseorang itu masih rela melalui pemulihan dalam suatu jangkamasa yang kelihatan begitu lama. Tetapi, jangkamasa itu mungkin disingkatkan kalau para kaunselor berpuashati dengan kemajuan dan prestasi penghuni itu.

#### CARA-CARA MENAMATKAN PROGRAM DI PUSAT:

Para kaunselor di PPDKS selalu menegaskan bahawa terdapat 2 cara seseorang penghuni boleh menamatkan programnya di pusat itu.

Yang pertama adalah secara resmi dengan menamatkan ketiga-tiga peringkat dalam program itu dan juga telah memenuhi harapan pihak berkuasa bahawa ia benar-benar sudah berjaya dipulihkan. Ini dapat dilihat pada kaunselor-kaunselor itu sendiri yang dijadikan tauladan untuk penghuni-penghuni.

Cara yang kedua ialah yang dianggap tidak direndai oleh Tuhan iaitu terpaksa keluar dari situ sebelum menamatkan programnya. Pihak berkuasa menggunakan cara ini untuk menakut-nakutkan para penghuni dengan alasan bahawa mereka

yang keluar dari PPDKS tanpa restu Tuhan SUDAH PASTI akan kecundang semula. Menurut mereka kenyataan itu memang tidak dapat ditolak lagi. Taktik ini tidak dapat dinafikan didapati begitu kuat bersemai dalam diri penghuni-penghuni terutamanya mereka yang berada dalam peringkat pertama. Mereka begitu risau sekali sekiranya mereka melakukan sesuatu kesalahan. Mereka takut 'ditendang' keluar dan menghadapi akibatnya kelak. Ini seakan-akan menanamkan semangat atau ketakutan dalam diri mereka untuk menamatkan program mereka di situ. Dengan ini, boleh juga dikatakan memudahkan pengendalian dan penyeliaan para kaunselor kerana penghuni-penghuni demikian tidak mungkin melanggar atau mempersoalkan peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Ketua Pusat dan juga pembantu-pembantunya. Ini tidak bererti bahawa penghuni-penghuni yang tidak tergolong dalam kumpulan ini tidak merasa takut dengan akibat yang mereka harus harungi, tetapi sudah lahir suatu perasaan yang baru pula, iaitu untuk membuktikan 'kenyataan' kaunselor-kaunselor sekiranya mereka terpaksa menghadapinya kelak.

#### 4.3: METODE-METODE PEMULIHAN:

Seperti yang ditegaskan berulang-ulang kali, PPDKS mengutamakan pendekatan kerohanian sepenuhnya untuk memulihkan seseorang penagih dadah. Boleh juga dikatakan bahawa rancangan pemulihan untuk seseorang telahpun bermula sebaik sahaja ia ditemuramah oleh kaunselor pusat itu.

'Perang psikologi' yang diamalkan oleh pusat itu adalah dengan memberitahu individu tersebut mengenai pendekatan "cold turkey" yang digunakan di situ. Sekali lagi, ini bermaksud untuk menguji kesanggupan dan kesungguhan seseorang membuang tabiat lamanya. Jadi, ia sudah agak bersedia untuk menerima dan menghadapi rintangan itu.

Untuk suatu gambaran yang lebih jelas, pengkaji akan cuba mengalurkan pengalaman yang selalunya dilalui oleh seseorang penagih dadah dan seterusnya mengetahui 'rawatan' yang digunakan dalam proses pemulihan itu.

Pada 26hb. Mac, 1982, seorang penghuni baru telah diterima oleh pusat itu. Ia berumur 29 tahun, sudah berumah-tangga dan berasal dari Petaling Jaya. Ini merupakan kali pertama ia memasuki sebuah pusat pemulihan di negara ini. Ia pernah memulihkan dirinya di rumah, tetapi dengan menggunakan "barbiturates" sebagai pengganti heroin, akhirnya ia berkesudahan dengan menjadi seorang kaki botol pula. Dengan itu, dalam usahanya untuk membuangkan hanya satu ketagihan ia terpaksa menghadapi 3 jenis ketagihan. Inilah yang membawanya ke pusat itu supaya ia tidak menambahkan lagi ketagihan-ketagihannya yang lain.

Pada hari ia sampai ke pusat itu, penghuni-penghuni harus ke gereja. Jadi, program pertama bagi dirinya adalah ke gereja. Ia diiringi atau dikawal oleh seorang penghuni peringkat kedua yang cuba menerangkan segala kemusykilananya itu misalnya, tentang agama yang baru baginya. Apabila

doa dan nyanyian diadakan, penghuni baru itu hanya tercengang sahaja.

Pada sebelah malamnya, ia telah ditemani oleh seorang penghuni peringkat kedua yang lain, terutamanya dalam membuatkan minuman panas untuknya. Ini ialah kerana tanda ketagihan yang pertama dijangkai akan menyerangnya pada waktu malam. Ia tidak mungkin dapat melelapkan matanya.

Pada siang harinya, pintu pusat itu telah mula dikunci kerana takutkan penghuni itu melarikan diri seperti mana yang pernah dialami oleh pusat itu pada masa-masa yang lalu. Ia mula tidak dapat makan apabila ia semakin 'gian' atau ketagihan, Ia merasakan badannya panas dan kadang-kala sejuk pula. Untuk menghilangkan bahang tubuh badannya ia sibuk mandi setiap hari sahaja.

Setakat itu kaunselor-kaunselor tidak menghirau-kannya. Segala permintaan penghuni itu ditujukan kepada penghuni yang bertugas di dapur pada minggu itu. Hanya ubat atau pil yang dikehendaki untuk menahan kesakitan perutnya dibenarkan oleh Direktor Pusat sahaja. Penghuni-penghuni lain turut bersimpati dan cuba melegakan sengal-sengal otot atau badannya dengan mengurutnya.

Walaupun dalam keadaannya yang begitu lemah dan letih lesu, ia mesti ke gereja juga. Ia dibenarkan berbaring di kerusi panjang di belakang sekali. Tetapi, semasa ceramah-ceramah di pusat itu sendiri, ia tidak mengambil bahagian. Ia dibenarkan berada dalam biliknya.

Keadaannya itu mlarat untuk seminggu sebelum ia merasa lebih selesa. Mulai dari situ, selera makannya telah pulih dan ia telah makan hampir 2 kali ganda dari kebiasaanya. Apabila ia telah semakin pulih, tugas-tugas yang ringan seperti menyapu lantai ruang rihat telah diberikan kepadanya oleh Direktor Pusat itu. Ia juga mula mengikuti ceramah-ceramah agama di PPDKS sendiri. Setakat pengetahuan pengkaji, tidak kedengaran sesiapapun, baik kaunselor-kaunselor atau penghuni-penghuni yang menyuruhnya untuk bersama-sama dengan mereka. Dari situ, ia mula memperhatikan dengan lebih teliti atau dekat lagi 'cara-cara' penghuni-penghuni lain membaca doa atau "worship" dan cuba mempelajarinya. Kebolehan untuk dirinya dapat "speaking-in-tongues" mungkin tidak boleh dipelajari kerana ini hanya boleh berlaku pada dirinya setelah ia di"baptised"kan oleh Roh Suci atau "Holy Spirit" mengikut jangkamasa yang tidak dapat ditentukan.

Maka, dapatlah disimpulkan bahawa 'rawatan' yang digunakan oleh pusat itu hanya kaedah "cold turkey" sahaja. Tidak ada pengganti untuk mengisi kekosongan yang ditinggalkan oleh heroin. Kekosongan itu hanya diisi oleh penerimaan Tuhan sebagai Penyelamatnya (Saviour) sahaja. (Walau-pun kes yang diperhatikan oleh pengkaji itu dianggap suatu yang tidak serius iaitu "mild", namun pengkaji merasakan bahawa sekurang-kurangnya ini dapat memberikan suatu gambaran yang amat jelas tentang bagaimana seseorang berjaya meninggalkan dadah. Ini adalah lebih baik daripada hanya

kisah-kisah yang diceritakan oleh para penghuni). Program penghuni itu seterusnya adalah mengikuti program yang biasa didapati di pusat itu. Suatu hal yang agak menarik ialah untuk mengetahui dan memahami agama Kristian tidak memerlukan suatu aturan yang tetap untuk seseorang itu mesti membaca bab pertama kitab Injil terlebih dahulu. Dalam kontek ini, seseorang itu boleh membuka mana-mana bahagian dalam kitab itu dan mendengar ceramah atau tafsirannya. Ini mungkin memudahkan program pemulihan di pusat itu berjalan dengan lancarnya, tanpa sebarang gangguan kerana telah menerima seseorang penghuni yang baru. Apa yang perlu ialah seseorang itu harus mendalami pemahamannya lagi dengan membaca kitab Injil sendiri.

Pengkaji tidak sempat mengikuti proses-proses yang dilalui oleh penghuni baru itu seterusnya kerana telah tamat tempoh penyelidikan di situ.

Untuk menilai sejauh mana kejayaan atau kegagalan yang dipaparkan di pusat itu seleksi kita mengukur kejayaan yang dicapai dengan berdasarkan kepada tilangan penghuni-penghuni yang telah 'dipulihkan' dan berjaya menuntaskan programnya di sini (secara keseluruhan)?

Kriteria 'dipulihkan' itu juga memiliki beberapa tandanya. Ikti ialah berdasarkan spesifikasi kriteria-kriteria yang dapat digunakan untuk menilai sejauh manakah penghuni telah yang telah menuntaskan penilaian dan program pemulihannya di sifir.

BAB V : KEKESANAN DAN KEJAYAAN PROGRAM PEMULIHAN DI  
PUSAT PEMULIHAN DADAH KRISTIAN SELANGOR.

KEKESANAN DAN KEJAYAAN PROGRAM PEMULIHAN DI PPDKS.

Matlamat setiap rancangan pemulihan adalah untuk merawat dan memulihkan individu-individu yang dikatakan telah menyeleweng dari norma-norma sosial bagi membolehkan mereka kembali ke dalam masyarakat dan hidup dalam aman damai.

Oleh itu, dalam bab ini, akan cuba digalurkan se-takar' mana PPDKS dapat memenuhi atau mencapai matlamat yang dituju itu. Dalam konteks ini, memanglah sukar untuk seseorang pengkaji hendak mengukur kekesanan dan juga kadar kejayaan yang telah dicapai oleh sesebuah pusat pemulihan. Telah timbul beberapa masaalah yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

Persoalan yang utama yang dapat kita kemukakan ialah alat pengukur yang bersesuaian yang boleh digunakan untuk menilai kadar kejayaan atau kegagalan yang dipaparkan di pusat itu. Bolehkah kita mengukur kejayaan yang dicapai dengan berdasarkan kepada bilangan penghuni-penghuni yang telah 'dipulihkan' dan berjaya menamatkan programnya di situ (secara resminya)?

Perkataan 'dipulihkan' itu juga menimbulkan beberapa tandatanya. Ini ialah kerana apakah kriteria-kriteria yang dapat digunakan untuk mendakwa seseorang penagih dadah yang telah menamatkan rawatan dan program pemulihannya di PPDKS

itu telah benar-benar pulih? Bolehkah kita memberikannya suatu jangkamasa yang tertentu, misalnya dua tahun, lima tahun, tujuh tahun, sepuluh tahun, atau lebih, untuk dijadikan bukti yang ia tidak sujud kepada dadah kembali dalam jangkamasa itu? Tetapi, kita harus ingat bahawa terdapat juga bekas-hekas penagih dadah yang telah mengambil dadah semula selepas lebih dari sepuluh tahun bebas darinya. Jadi, di mana letaknya kriteria yang harus kita amalkan?

Walau bagaimanapun, satu cara yang lazim digunakan untuk mengukur sejauhmana rancangan pemulihan berjaya meorientasikan pemagih-penagih dadah kepada nilai-nilai dan peraturan-peraturan masyarakatnya ialah melalui "recidivism" atau penagihan ulangan. Tetapi, suatu hal yang perlu ditegaskan di sini ialah pengkaji sebenarnya tidak memperolehi sebarang data statistik yang resmi dari pihak yang berkuasa di PPDKS mengenai peratusan atau bilangan penghuni di situ yang diketahui telah jatuh semula ke dadah setelah meninggalkan pusat itu. Ini ialah terutama sekali, pusat itu memulakan operasinya lebih kurang dua tahun yang lampau sahaja. Ini bererti kebanyakan penghuni-penghuni masih berada dalam rancangan pemulihan.

Namun begitu, seperti yang dibentangkan dalam Bab I (1.6: MASAALAH-MASAALAH SEMASA KAJIAN) pengkaji telah dikehendaki menamatkan penyelidikan di PPDKS sebelum tempoh yang telah dijanjikan. Dalam pada itu, dua orang penghuni juga telah disingkirkan pada hari tersebut (iaitu pada 12hb.

April, 1982). Kedua-kedua orang penghuni itu akan dikenali sebagai Encik L dan Encik R sahaja. Beberapa hari selepas pengkaji meninggalkan pusat itu, terdapat tiga orang penghuni yang lain turut keluar secara sukarela dari pusat itu, membawa jumlahnya kepada lima (5) orang. Maklumat ini pengkaji terima daripada 2 orang bekas penghuni PPDKS iaitu seorang yang boleh kenali sebagai Encik T dan Encik L sendiri. Mereka ditemui di ibukota ini pada hari-hari yang berlainan, iaitu pada 30hb. Mei, 1982 dan 1hb. Jun, 1982.

Untuk memberikan suatu gambaran yang lebih jelas pengkaji memperturunkan 2 jadual berlandaskan maklumat yang telah diterima itu:

JADUAL 14: BILANGAN PENGHUNI DI PPDKS SELEPAS 12HB. APRIL, 1982.

PENGHUNI-PENGHUNI	JUMLAH	PERATUS (%)
Penghuni-penghuni yang telah disingkirkan oleh PPDKS	2	10.5
Penghuni-penghuni yang telah keluar dari pusat secara sukarela (selepas tarikh tersebut)	3	15.8
Penghuni-penghuni yang masih dalam rancangan pemulihan mengikut maklumat 2 orang bekas penghuni (pada 30hb. Mei, 1982 dan 1hb. Jun, 1982)	14	73.7
JUMLAH BESAR	19	100.0

Peringatan:

Jumlah besar penghuni di PPDKS ialah 19 orang, tetapi hanya 17 orang sahaja yang sempat ditemuramah.

Penghuni-penghuni yang telah disingkirkan oleh PPDKS iaitu 2 orang atau 10.5% dan 3 orang atau 15.8% daripada penghuni-penghuni yang keluar daripada pusat itu atas kerelaan sendiri akan dirujuk sebagai penghuni-penghuni yang telah "tercicir" disebabkan mereka tidak menamatkan rancangan pemulihan di situ. Jumlah penghuni yang masih dalam rancangan itu ialah 14 orang atau 73.7%.

JADUAL 15: MAKLUMAT YANG DITERIMA DARIPADA 2 ORANG BEKAS PENGHUNI PPDKS TENTANG "NASIB-NASIB" BEKAS-BEKAS PENGHUNI YANG LAIN (TERMASUK DIRI MEREKA) PADA 30HB. MEI, 1982 DAN 1HB. JUN, 1982.

"NASIB-NASIB" BEKAS PENGHUNI	JUMLAH	PERATUS(%)
Penghuni yang telah jatuh semula kepada dadah setelah keluar dari PPDKS.	2	40
Penghuni yang telah mula menghisap rokok.	1	20
Penghuni yang masih tidak menghisap rokok atau mengambil dadah setelah keluar dari PPDKS pada tarikh-tarikh yang di atas.	1	20
Penghuni yang tidak diketahui "nasib"nya.	1	20
JUMLAH BESAR	5	100

Encik T merupakan seorang penghuni peringkat ketiga semasa di PPDKS. Akan tetapi, setelah lebih kurang sebulan pihak pusat tidak dapat mencari pekerjaan untuknya, ia mula merasa hampa dan bosan dengan hidupnya di situ. Tambahan pula, ia pernah memulakan programnya dalam peringkat kedua buat kali kedua apabila kaunselor-kaunselor mendapati kehidupan kerohanianya semakin merosot setelah ia mula bekerja. Ini menyebabkan dirinya terkandas dalam pusat itu lebih dari setahun, dan seterusnya mendorongnya keluar dari pusat itu. Ketika pengkaji bertemu dengannya pada 30hb. Mei, 1982 yang lalu, ia kelihatan sedang menuju ke sebuah gereja. Ia mengaku bahawa ia tidak menyentuh dadah ataupun merokok dan telahpun mula bekerja di salah sebuah syarikat swasta di Kuala Lumpur.

Sementara itu, bekas penghuni, Encik L, telah mula menghisap rokok beberapa hari sahaja selepas ia disingkirkan dari PPDKS itu. Ia memberikan pengakuan ini sendiri ketika bertembung dengan pengkaji pada 1hb. Jun, 1982. Ia juga mengakui ia tidak ke gereja lagi, malah telah meninggalkan kitab Injil sama sekali. Pada ketika itu, ia bekerja sebagai seorang pelayan di salah sebuah hotel di ibukota. Ia menyewa sebuah bilik bersama-sama dengan Encik T.

Kedua-dua Encik L dan Encik T menyampaikan maklumat-maklumat seterusnya kepada pengkaji: Terdapat 2 orang penghuni yang telah jatuh semula kepada penagihan dadah, dikenali

sebagai Encik P dan Encik R. Encik P, seorang penghuni dalam peringkat ketiga, mula mengambil dadah semasa di pusat itu lagi. Perbuatannya itu berjaya dikesan oleh kaunselor-kaunselor, tetapi sebelum mereka sempat mengambil tindakan seterusnya terhadapnya, ia telah melarikan diri dari situ. Pada masa itu ia telahpun bekerja dan ini mungkin menyebabkan ia mengambil dadah semula. Ia mempunyai wang dari pendapatan bulanan dan juga bebas bergaul dengan anggota-anggota masyarakat yang lain.

Encik R pula mengambil masa kurang daripada sebulan untuk menghisap rokok dan kemudiannya dadah semula. Ia merupakan seorang yang "baru" dalam program pemulihan dalam ertikata pemulihan yang dilalui di PPDKS adalah pengalaman pertamanya. Ia baru berumur 21 tahun dan telah dinaikkan ke dalam peringkat kedua beberapa minggu sebelum ia disingkirkan dari situ. Malah ia telah ditahan lebih daripada 3 bulan dalam peringkat pertama kerana terlibat dalam peristiwa menghisap rokok dengan 2 orang penghuni yang lain. Pada masa itu ia telah 3 bulan berada di pusat tersebut. Semasa maklumat ini diterima dari 2 sumber yang berlainan itu, ia masih menganggur.

Walaupun sumber-sumber yang diterima di atas merupakan sumber-sumber yang tidak resmi, diterima dari 2 orang bekas penghuni di PPDKS, tetapi pada pandangan pengkaji, ini sekurang-kurangnya dapat membantu pengkaji dalam memberi-

kan satu penilaian yang umum mengenai persoalan kekesanan dan kejayaan program pemulihan di situ. Kritikan-kritikan atau pandangan-pandangan selanjutnya memang terbuka kepada penilaian orang-orang lain.

Maka, berdasarkan "data" yang diberikan dalam Jadual 14 dan Jadual 15 itu, pengkaji berpendapat pusat itu sedang menghadapi beberapa masaalah yang awal (teething problems) dalam usaha mengemaskinikan rancangan-rancangan pemulihannya. Masaalah-masaalah memang tidak dapat dielakkan oleh mana-mana pertubuhan atau institusi yang baru sahaja diasaskan. Dalam aspek ini, masaalah-masaalah yang melanda PPDKS dan para kakitangan serta penghuni-penghuni-nya akan digalurkan berikutnya.

Pada pendapat pengkaji kekesanan dan kejayaan sebuah pusat pemulihan itu mungkin bergantung kepada 2 faktor:

- (i) sejauhmanakah rancangan tersebut dilaksanakan dengan sepenuhnya, dan
- (ii) sejauhmanakah pula sambutan penghuni-penghuni terhadap rancangan yang dijalankan.

Sekiranya kedua-dua faktor ini bersifat positif, maka kekesanan dan kejayaan rancangan pemulihan adalah juga positif. Sebaliknya, jika terdapat kecacatan atau kelemahan-kelemahan dalam mana-mana bahagian tertentu, maka sudah tentu kejayaan yang diharap-harapkan tidak akan dicapai sepenuhnya.

Menyentuh tentang faktor pertama di atas tadi, pengkaji fikir bahawa rancangan-rancangan pemulihan di pusat itu bolehlah dikatakan telah dilaksanakan sepenuhnya semestinya yang menjadi harapan pihak yang berkenaan. Cuma apa yang dapat dipertikaikan di sini ialah bahawa sesuatu rancangan itu sudah pasti tidak dapat memenuhi keperluan atau aspirasi dua pihak terutamanya dalam sebuah pusat yang terdapatnya golongan yang mengendalikan programnya dengan pihak yang melalui program yang telah disediakan itu. Di sinilah faktor kedua tentang sejauhmana sambutan para penghuni terhadap rancangan yang diadakan itu boleh diperdebatkan lagi.

Daripada 17 orang penghuni yang sempat ditemuramah, 9 orang atau 52.9% daripada mereka pernah menyuarakan perasaan bosan mereka mengenai rancangan pemulihan di situ. Ini berlaku secara pengakuan yang berterus-terang kepada pengkaji atau daripada perbualan-perbualan sesama penghuni yang didengari. Apabila perasaan bosan ini muncul, kemungkinan besar ianya boleh menghalang segala kejayaan yang ingin dicapai oleh seseorang, baik dari segi rohani ataupun jasmaninya. Tidak dapat disangkal lagi bahawa daripada 52.9% (9 orang) itu tadi, 4 orang atau 23.5% adalah terdiri daripada mereka yang "tercicir" itu. Ini menimbulkan satu pertanyaan yang penting, iaitu, apakah kelemahan-kelemahan atau kecacatan yang terdapat pada rancangan yang diadakan itu?

Salah satu daripada alasan-alasan yang diberikan

oleh penghuni-penghuni yang mengeluh bosan itu ialah mereka harus menatap atau membaca kitab Injil mereka setiap hari. Mereka tidak dibenarkan duduk dan berbual-bual kosong sahaja. Walaupun pihak berkuasa di situ telah cuba menyediakan suatu hari yang penuh dengan aktiviti-aktiviti kerohanian untuk memperkuatkan pendirian keimanan mereka, tetapi penghuni-penghuni mengakui mereka tidak terdaya mengikuti kehendak rancangan itu. Masa-masa itu kerap kali digunakan untuk melayan fikiran mereka untuk melayang kembali ke masa-masa keseronokan mereka, walaupun diletakkan kitab suci itu di depan mereka.

Oleh kerana itu tanpa suatu perasaan puashati yang lahir dari batin mereka sendiri, mereka tidak dapat mengikuti program-program di situ dengan sepenuhnya. Mereka melakukan sesuatu disebabkan ingin memuaskan kehendak pihak pusat, sedangkan kehendak mereka sendiri tidak berjaya dikabulkan oleh pusat itu. Kenyataan seperti ini ditujukan khas kepada mereka yang tercicir itu. Oleh yang demikian, pihak PPDKS mendapati ada di antara penghuni-penghuni seperti Encik L dan Encik R yang sudah menunjukkan response yang agak negatif terhadap program di situ. Mereka terpaksa mengambil tindakan untuk menyingkirkan kedua-dua orang penghuni itu. Tindakan atau langkah ini diambil kerana ingin mengekalkan operasi pusat itu selanjutnya. Para kaunselor dan juga Ketua Pusat merasa takut sekiranya perlakuan dua

orang penghuni tersebut mempengaruhi penghuni-penghuni yang lain.

Penghuni-penghuni yang lain walaupun telah melahirkan perasaan bosan itu tetapi tidak sanggup meninggalkan PPDKS dengan sukarela kerana mereka telah diyakinkan bahawa sekiranya mereka keluar dari pusat itu tanpa "restu" Tuhan, mereka PASTI jatuh kepada dadah semula. Secara psikologinya, senjata yang digunakan oleh pihak di situ mungkin menghantui pemikiran setiap orang yang tinggal di situ. Malah ini berlaku juga kepada mereka yang telah tercicir itu, secara tidak langsungnya. Ini terbukti dalam kes Encik R yang mula mengambil masa yang begitu singkat setelah keluar dari pusat itu, dan juga Encik L yang mula menghisap rokok. Kes-kes seperti ini jika sampai kepada pengetahuan Ketua Pusat dan kaunselor-kaunselor di pusat itu akan dijadikan satu "taktik" yang lebih menyakinkan dan lebih "real" kepada mereka yang masih berada di PPDKS yang mungkin sedang bercadang untuk keluar.

Seseorang penghuni berjaya bergerak dari satu peringkat kepada peringkat yang lain, akhirnya sampailah ia ke peringkat ketiga dalam rancangan itu. Ini berdasarkan kepada asas-asas bahawa ia telah memenuhi peraturan-peraturan dan kriteria-kriteria yang ditetapkan. Ia dianggap sudah berdisiplin, tidak bersungut atau memang berpuashati dengan segala tindakan yang diambil oleh pihak atasan ke atas dirinya, menghormati kaunselor-kaunselor, menjalankan atau menyempurna-

kan semua tugas yang diberikan kepadanya, dan sebagainya. Ini secara lahiriahnya membuktikan bahawa penghuni demikian patut dibenarkan mobiliti itu. Tetapi, dapatkah kita sebagai manusia biasa menduga perlakuan dan sikap di sebalik individu itu? Ia mungkin telah benar-benar berubah atau mungkin juga tidak. Dalam hal ini, secara dalamnya, sistem rawatan dan pemulihan atau kurungan itu mungkin tidak disentuh oleh segala ajaran dan bimbingan kerohanian yang diterimanya. Ia sebenarnya telah dijadikan seperti pelakun sandiwara yang baik, atau hipokrit yang pandai memanipulasi sesuatu. Sikap ini mungkin boleh dikaitkan dengan Encik P yang memang kelihatan menyambut baik rancangan di situ. Tambahan pula, menurut dua orang bekas penghuni itu, Encik P tidak pernah bersungut atau meluahkan perasaan bosannya di PPDKS. Apa yang telah dilakukannya kemudian itu telah meranjatkan semua pihak, terutamanya kaunselor-kaunselor yang menaruh harapan yang begitu tinggi ke atasnya.

Di samping itu, harus juga dilihat perhubungan kaunselor-kaunselor pusat dengan para penghuni. Sepertimana yang dinyatakan dalam Bab II, pada pemerhatian pengkaji sendiri, perhubungan di antara kedua-dua pihak yang berkenaan tidaklah semesra mana yang diingini oleh pihak kaunselor-kaunselor dan Ketua Pusat. Adalah dikatakan bahawa menggunakan bekas-bekas penagih dadah sebagai kaunselor dalam sebuah pusat pemulihan dadah itu mempunyai beberapa kelebihannya

dan dapat dijadikan model yang baik kepada golongan penghuni. Namun begitu penghuni-penghuni di situ akhirnya dapat merasionalisasikan juga bahawa keempat-empat orang kaunselor yang berkhidmat itu, sebenarnya terlindung di bawah tempurung pusat dan gereja.

Memang tidak dapat dinafikan bahawa setiap penagih yang telah menamatkan rancangannya untuk kembali kepada masyarakat akan menghadapi berbagai-bagai masaalah dalam menjalani hidup baru di sisi masyarakat. Mereka tidak dapat lari daripada dicap sebagai seorang jahat, sampah masyarakat dan orang yang merbahaya kepada masyarakat, khususnya generasi muda sekarang ini. Mereka sentiasa berhadapan dengan "stigma" sosial. Proses mengecap dan seterusnya "stigma" masyarakat tidak akan selesai begitu mudah. Mereka terpaksa menghadapi seribu satu masaalah personaliti.

Masaalah-masaalah personaliti mungkin tidak akan dirasai atau dihadapi oleh kaunselor-kaunselor yang merupakan bekas-bekas penagih dadah dan juga penghuni-penghuni yang dibenarkan keluar bekerja apabila berada dalam peringkat ketiga. Ini ialah kerana mereka telah dimasukkan ke dalam suatu suasana yang telah dikawal oleh pusat itu. Umpamanya, pekerjaan mereka dicari oleh Ketua Pusat dan majikan yang diutamakan adalah terdiri dari orang-orang Kristian, yang selalunya merupakan ahli kepada gereja yang dikendalikan oleh Ketua itu. Jadi, seseorang itu tidak mungkin menghadapi cabaran yang sebenarnya selagi ia masih di bawah

telunjuk orang-orang yang mengetahui dan memahami latar belakang dan sejarah kehidupannya. Tetapi, adakah individu itu akan bekerja di tempat itu sepanjang hidupnya? Tidakkah ia ingin mencari peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik, mungkin dari segi pendapatan atau mobiliti pekerjaan?

Dari itulah apabila ia memasuki masyarakat umum, setiap gerak-gerinya sentiasa diawasi dan dalam keadaan ini ia tidak dengan perhatian dan pertolongan masyarakat. Ia mungkin akan mula merasakan seolah-olah ia tidak lagi mendapat tempat di dalam masyarakatnya lantas dengan mudah kembali kepada penagihan sebagai satu jalan keluar yang paling mudah.

Oleh itu, akan kelihatan bahawa rancangan pemulihan di PPDKS belumlah begitu berkesan dan berjaya dalam usaha-usahanya untuk mengembalikan penagih-penagih dadah kepada sikap dan perlakuan yang diterima oleh masyarakat. Tetapi, kenyataan seperti ini tidak harus diletakkan kepada tanggungan pusat itu sahaja. Pengkaji berpendapat terdapat faktor-faktor lain yang perlu diteliti yang mana sebahagian besarnya turut menyerat bekas-bekas penagih-penagih dadah kembali kepada penagihan.

Di antaranya yang penting sekali adalah terletak pada diri seseorang individu yang sedang menerima rawatan dan pemulihan itu. Harus ujud motivasi diri dan komitmen yang benar-benar kuat supaya dapat memberikannya suatu sumber inspirasi dan aspirasi untuk melalui program di situ.

Penghuni-penghuni tidak sepatahnya melahirkan kebosanan mereka sahaja, tetapi mestilah menganggap program di situ sebagai satu-satunya jalan yang dapat membantu mereka keluar daripada kehidupan lama mereka. Ini mungkin boleh dilakukan dengan menyerahkan diri mereka kepada Tuhan atau mempunyai komitmen yang bukannya seolah-olah memaksa mereka ke pusat itu. Komitmen yang diabadikan kepada Tuhan tidak patut lahir semata-mata kerana perasaan takut akan dosa-dosa lampau dan ingin memperolehi keampunanNya. Yang mesti dipentingkan ialah komitmen dan penyerahan yang tulus ikhlas dan suci kepada yang Maha Esa.

Kemungkinan besar komitmen dan motivasi diri ini-lah yang tidak didapati pada diri beberapa orang penghuni di pusat itu. Mereka itu telah meletakkan tanggungjawab dan bebanan kurang berkesannya dan berjayanya program pemulihan di PPDKS ke dalam "gelanggang" pihak berkuasa di situ.

Pendek kata, dalam melaksanakan setiap tugas pemulihan, baik di pihak pusat atau penghuni-penghuni, terdapat masaalah-masaalah yang boleh menjelaskan pencapaian kejayaan setiap rancangan yang dijalankan. Segala masaalah dalam tugas pemulihan haruslah diatasi bagi menjamin setiap rancangan pemulihan yang dijalankan benar-benar berkesan dan berjaya mencapai matlamatnya.

BAB VI: PENUTUP6.1: KESIMPULAN:

Bolehlah dikatakan bahawa Pusat Pemulihan Dadah Kristian Selangor itu walaupun sedang bergelombang dengan masaalah-masaalahnya, tetapi telah berusaha memulihkan penagih-penagih dadah tanpa menggunakan pendekatan-pendekatan yang diamalkan di pusat-pusat pemulihan kerajaan di negara ini. PPEKS sebagai sebuah organisasi sukarela mendapati kaedah pemulihan yang dijalankan di pusat-pusat kerajaan itu kurang berkesan, dengan itu ia telah berpaling kepada agama sebagai suatu alat untuk mengintegrasikan golongan yang berkenaan ke dalam masyarakat asalnya semula.

"Therapy" keagamaan atau kerohanian yang diadakan di pusat itu dianggap dapat menggantikan kepuasan keagamaan seseorang yang pada asalnya telah diperolehi melalui dadah. Penagih-penagih dadah memerlukan suatu gantian untuk memenuhi kekosongan yang ujud dalam jiwa mereka yang telah ditinggalkan oleh dadah. Kekosongan itu hanya boleh diisi oleh agama atau sumber kerohanian sahaja, di mana keimanan seseorang itu terpaksa diperkuatkan dan dibina dari hari ke hari. Atas sebab itulah pusat itu tidak membentarkan "methadone" diberikan kepada penagih-penagih dadah yang sedang melalui peringkat ketagihan mereka. Kaunselor-

kaunselor di situ mempercayai bahawa "methadone" akan hanya dijadikan sebagai satu alat "escapism" untuk mereka menjalani pemulihan di situ. Ini ialah kerana terdapatnya ramai di antara penagih-penagih dadah yang tidak sanggup melalui kesengsaraan ketagihan atau "withdrawal" sedemikian. Ramai yang tidak berani kembali apabila diberitahu dalam temuduga oleh pihak pusat bahawa pendekatan "cold turkey" akan digunakan.

Tetapi, sekiranya pendekatan "cold turkey" digunakan pihak di PPDKS berpendapat bahawa seseorang penagih dadah yang sanggup menghadapinya bolehlah dikatakan sudah mulai menanamkan kepercayaan dan keimanannya kepada Yang Maha Esa. Dari situlah para kaunselor dapat menguji ketabahan dan keimanan awal seseorang penagih dadah. Walaupun begitu, ini tidak bererti bahawa seseorang itu sudah pasti dapat keluar dari pusat itu sebagai seorang yang sudah dipulihkan. Adalah tidak semudah itu seseorang penagih dadah dapat menamatkan peringkat-peringkat program pemulihannya. Kita sedia maklum bahawa kesemua penghuni di PPDKS bukan penganut-penganut Kristian. Kecualitiga orang penghuni yang berasal dari keluarga Roman Katholik, agama Kristian dan pedoman-pedoman yang terkandung dalamnya adalah sesuatu yang baru kepada mereka. Ada di antara mereka mungkin dapat menerima dan mengikuti tafsiran-tafsiran Tuhan, tetapi ada pula yang mungkin mendapati segala ajaran itu terlalu "rigid" yang seolah-olah mengkongkong hidup mereka. Di sinilah keimanan seseorang itu

akan terganggu. Mungkin juga ia akan mula mempersoalkan tentang agama dan bimbingan yang diberikan dalam kitab Injil.

Mengenai rancangan pemulihan di PPDKS, pada pandangan pengkaji ia lebih merupakan satu 'indoktrinasi' yang halus yang diamalkan tanpa disedari oleh penghuni-penghuninya. Sejauhmana pandangan pengkaji ini boleh diterima atau tidak oleh mana-mana pihak boleh dipertikaikan lagi. Tetapi, setakat pemerhatian pengkaji selama lebih kurang 1½ bulan di situ, sebaik sahaja seseorang penagih dadah bersetuju dan diambil menyertai program di pusat itu, maka mulalah ia didedahkan kepada 'udara' dan kehidupan ala Kristian. Setelah ia melalui ketagihannya, ia secara beransur-ansur mula menyerap pengajaran dan pedoman agama itu yang disogokkan kepada penghuni-penghuni setiap hari. Aktiviti-aktiviti kerohanian itu adalah bukan sahaja di PPDKS tetapi juga di gereja yang mereka kunjungi itu.

Penghuni-penghuni di situ telah dijadikan seolah-olah mereka amat memerlukan bantuan "superhuman" atau Tuhan dalam kehidupan mereka. Mereka sentiasa diingatkan bahawa kejayaan mereka dalam mengikis tabiat lama mereka sebenarnya adalah atas pertolongan Tuhan. Apa yang mungkin telah menyakinkan hati nurani setiap penghuni ialah bahawa Esa tetap menerima mereka kembali walaupun mereka pernah menjadi sampah masyarakat dan musuh negara suatu masa dulu. Yang Maha Esa telah berkorban untuk insan-insan di dunia ini, dengan itu segala dosa manusia telah disucikannya. Penghuni-penghuni

cuma perlu membuka pintu hati mereka dan beribadat dengan bersungguh-sungguh sebagai kesyukuran kepadaNya.

'Indoktrinasi' yang disebutkan di atas setakat yang tertentu berjaya memenangi hati penghuni-penghuni. Mereka begitu pasti mereka telah diselamatkan dari penagihan dadah. Tetapi, pada pendapat pengkaji, cabaran sebenar untuk membuktikan samada mereka itu berjaya diselamatkan atau tidak hanya bermula apabila mereka menyertai masyarakat ini kembali. Dalam kontek ini, ketabahan, keimaman dan kerohanian hidup mereka yang dikatakan sebagai berkat dari Tuhan itu dapat diuji seterusnya.

Penggunaan istilah 'indoktrinasi' ini mungkin dianggap tidak sesuai untuk ditujukan kepada pendekatan yang digunakan di pusat pemulihan dadah Kristian itu. Lazimnya, 'indoktrinasi' ini lebih dikaitkan dengan ideologi komunisma di mana seseorang tahanan telah diletakkan di dalam suasana dan keadaan yang akan memaksa dirinya untuk memberikan pengakuannya sendiri tentang pegangan ideologinya. Namun begitu, di pusat pemulihan seperti itu memang diakui tidak terdapat tindakan-tindakan yang memaksa seseorang penghuni ke arah penerimaan agama itu. Tetapi, harus kita ingat bahawa jika seseorang penagih dadah telah bersetuju untuk mengikuti rawatan dan pemulihan di situ, maka secara tidak langsung ia sudah bersetuju untuk menerima agama yang digunakan oleh pusat itu juga. Melalui agama itu sahajalah seseorang itu dikatakan dapat memulihkan dirinya. Tambahan pula, seseorang itu

sudah pun berada dalam suasana yang penuh dengan ajaran-ajaran Kristian. Sedikit sebanyak ajaran-ajaran itu dapat disemaiakan dalam dirinya juga. Jadi, inilah dianggap 'indoktrinasi' yang halus dan tidak langsung yang berlaku di PPDKS itu.

Walaupun penilaian pengkaji ke atas kekesanan dan kejayaan program pemulihan di PPDKS masih boleh diperdebatkan lagi, tetapi pengkaji berpendapat beberapa cadangan atau syor dapat diutarakan untuk kebaikan pusat ini pada masa-masa depannya.

#### **6.2: CADANGAN-CADANGAN:**

Di PPDKS, terdapat hubungan atau interaksi di antara kaunselor-kaunselor dengan penghuni-penghuni dan juga di antara penghuni-penghuni sendiri adalah tidak semesra mana, oleh itu,

- (i) suatu suasana yang lebih informal di mana penghuni-penghuni dan kaunselor-kaunselor dapat berinteraksi dengan lebih terbuka dan bebas adalah lebih sesuai. Pada hemat pengkaji, kaunseling secara individu patut diadakan dari masa ke semasa terutamanya untuk penghuni-penghuni yang berada dalam peringkat ketiga. Mereka pasti menghadapi masaalah-masaalah penyesuaian dalam masyarakat ini. Penghuni-penghuni tersebut seolah-olah tidak mempunyai hubungan langsung dengan para kaunselor kerana mereka hanya kembali ke pusat selepas hari senja. Tambahan pula, mereka terpaksa ikutserta ke gereja dan sebab itu, jarang berlaku kontek atau

kemesraan dengan kakitangan pusat, malah dengan penghuni-penghuni yang lain juga.

- (ii) Satu lagi sebab bagi ujudnya ketegangan sedemikian ialah bilangan penghuni yang di bawah penyeliaan seseorang kaunselor. Sepanjang penyelidikan ini, didapati seorang kaunselor terpaksa mempunyai 4 hingga 5 orang penghuni di bawah seliaannya. Ini adalah suatu bilangan yang agak besar memandangkan seseorang kaunselor tidak mungkin mempunyai hubungan yang rapat dengan setiap orang di situ. Apa yang disyorkan ialah kiranya dapat ditambah seorang atau dua orang kaunselor yang berpengalaman di PPDKS.
- (iii) Pengkaji mendapati penghuni-penghuni bersungut kerana terpaksa mengadap kitab Injil dan mengikuti ceramah-ceramah agama sepanjang minggu. Mereka sebenarnya memerlukan suatu "break" juga, terutamanya masa untuk melapangkan fikiran dan kehidupan kerohanian mereka yang mungkin telah kusut. Pusat itu boleh menyediakan bengkel-bengkel tertentu, misalnya untuk kerja-kerja kraftangan atau pertukangan untuk penghuni-penghuni menghabiskan masa mereka. Ini mungkin boleh diadakan sejam atau 2 jam seminggu atau sekurang-kurangnya 3 hari seminggu. Di samping dapat dianggap sebagai satu saluran untuk lipur diri, latihan yang diterima di situ mungkin dapat dijadikan bekalan penghuni-penghuni apabila keluar dari situ.

Mungkin pada permulaannya seorang kaunselor boleh mempelajari sesuatu bidang kerja atau latihan yang dianggap sesuai ataupun pihak pusat cuba mendapatkan bantuan dari mana-mana pertubuhan sukarela yang sudi menghabiskan beberapa jam seminggu mengajar para penghuni itu. Perlu dinyatakan bahawa pendekatan ke-rohanian yang sepenuhnya seperti yang terdapat di PPDKS pada ketika itu tidak dapat menjamin kejayaan yang diharap-harapkan.

- (iv) Rancangan seliaan lanjutan boleh juga diadakan. Suatu keuntungan yang penting kepada penagih-penagih yang sudah disembuhkan apabila ia dibebaskan daripada pusat pemulihan dadah ialah terdapatnya kemudahan-kemudahan seperti rumah perantaraan. Rumah-rumah ini menjadi sebagai jambatan bagi mereka yang memerlukan penyesuaian selanjutnya ke dalam masyarakatnya. Kita harus ingat bahawa pendedahan yang diterima ketika masih terikat dengan peraturan-peraturan di pusat dengan pendedahan selanjutnya secara berdikari merupakan "dua dunia" yang berbeza kepada seseorang penghuni. Akan tetapi, kemudahan-kemudahan yang sedemikian itu mestilah pada jangka waktu yang terbatas oleh kerana tujuan akhir adalah untuk membantunya agar dapat mengatasi dan melupakan hari dan tahun di mana ia bergantung kepada dadah. Bekas-bekas penagih dadah harus didorong untuk bergaul

dalam masyarakat dan tidak menjauhkan diri oleh kerana ketagihan mereka pada masa yang lampau itu. Dari situ, pihak pusat dapat juga mengikuti kemajuan kehidupan kerohanian itu dan cuba memperkuatkan pendirian keimannya sekiranya terdapat sebarang perasaan was-was yang timbul dalam dirinya.

- (v) Terdapat beberapa orang penghuni yang telah menjalankan program pemulihan mereka buat kali kedua. Dalam hal ini, apabila tiba masanya PPDKS dapat memberikan kesempatan pemulihan kepada penagih-penagih dadah kesempatan yang kedua kalinya untuk pemulihan, maka pusat pemulihan hendaklah melaksanakan modaliti-modaliti yang berbeza oleh kerana rawatan dan rancangan yang kedua mestilah tidak hanya mengulangi rancangan yang sama sahaja.

Begitulah di antara beberapa syor atau cadangan yang cuba dikemukakan untuk kemajuan Pusat Pemulihan Dadah Kristian Selangor itu.

BIBLIOGRAFI

1. ALLAN, W. Scott,  
Rehabilitation: A Community Challenge, John Wiley and Sons, New York, 1958.
2. ALPER, Benedict S.,  
Prisons Inside-out: Alternatives in Correctional Reform, Bahinger Publishing Co., Massachusetts, 1974.
3. BESCHNER, Georg M.,  
FRIEDMAN, Alfred S.(ed.),  
Youth Drug Abuse: Problems, Issues and Treatment, D.C. Heath & Co., United States of America, 1979.
4. CHONG, En Ngoh, Puan Sri, Deputy Director General of Social Welfare, Ministry of Welfare Services, Malaysia.  
"Rehabilitation of Drug Addicts", Persidangan Pendidikan Kebangsaan untuk Pemimpin-pemimpin Wanita Mengenai Pencegahan Salah-guna Dadah, Anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia di Kolej Kelima, Universiti Malaya (pada 26hb.-29hb.Mei), 1977.
5. CLINEBELL, Howard J.,  
Mental Health Through Christian Community, Abingdon Press, New York, 1965.

6. FINESTONE, Harold,  
"Reformation and Recidivism  
Among Italian and Polish  
Criminal Offenders",  
The American Journal of  
Sociology, Vol.72, No.6, 1967.
7. FORT, Joel,  
The Pleasure Seekers: The Drug  
Crisis, Youth and Society,  
The Dobbs-Merrill Co.,  
New York, 1969.
8. FOX, Vernon,  
Introduction to Correction,  
Prentice-Hall, New Jersey,  
1977.
9. GIRDANO, Daniel A.,  
GIRDANO, Dorothy Dusek,  
Drug Education, Content and  
Methods, Addison Wesley,  
Massachusetts, 1972.
10. GLASER, Daniel,  
Handbook of Criminology,  
Rand McNally College Publishing Co., Chicago, 1974.
11. GOFFMAN, Erving,  
Asylums: Essays on the Social  
Situation of Mental Patients  
and Other Inmates, Double-day  
and Co., New York, 1961.
12. GOODE, Erich,  
Drugs in American Society,  
Alfred A. Knopf, New York, 1972

13. HARDY, Richard E.,  
CULL, John G.,  
Introduction to Correctional  
Rehabilitation, Charles C.  
Thomas Publisher, New York,  
1973.
14. HASSAN Lambok,  
"Drugs - Malaysia Country  
Report" disampaikan di 20th  
Seminar on Prevention of  
Narcotic Offences, Tokyo,  
Japan, 17th Sept.-22nd Oct.,  
1981, Pengaman: Majallah  
Polis Di Raja Malaysia, Jld.33,  
Bil.2, Jul/Sept., 1981.
15. LIPTON, D., et.al.,  
The Effectiveness of  
Correction Treatment: A Survey  
of Treatment Evaluation  
Studies, Praeger Publishers,  
New York, 1975.
16. MALIKIN, David,  
Social Disability: Alcoholism,  
Drug Addiction, Crime and  
Social Disadvantage,  
University of London Press,  
London, 1974.
17. MCCOY, Alfred,  
The Politics of Heroin in  
South-east Asia, Harper and  
Row Publishers, New York, 1972

18. MCLEAN, Gordon R.,  
High on the Campus, Tyndale House Publishers, Illinois, 197
19. MOBERG, David O.,  
The Church As A Social Institution: The Sociology of American Religion, Prentice-Hall, New Jersey, 1962.
20. MOHD. JARJIS bin Hj. Ali,  
Pengarah Pusat Biro Narkotik Malaysia,  
"Masaalah Salahguna Dadah di Malaysia", Persidangan Pendidikan Kebangsaan Untuk Pemimpin-pemimpin Wanita Mengenai Pencegahan Salahguna Dadah, Anjuran Majlis Kebangsaan Pertubuhan-pertubuhan Wanita Malaysia di Kolej Kelima, Universiti Malaya, (pada 26hb-29hb Mei), 1977.
21. NAWI bin Jusoh,  
Persepsi Penagih-penagih Dadah Tentang Sebab-sebab Mereka Menjadi Penagih Dadah, (Thesis M.A.), Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1978.
22. NEW ENCYCLOPAEDIA BRITANNICA, Helen Hemingway Benton Publisher, Chicago, 1974.
23. ROBERT M., Goldenson (ed.),  
Disability and Rehabilitation Handbook, McGraw-Hill, New Jersey, 1978.

24. SOCIAL OF CONTEMPORARY  
AFFAIRS,  
Survey of the Drug Scene in  
the State of Penang, Penang,  
1973.
25. TREBACH, Arnold S., (ed.),  
Drugs, Crime and Politics,  
Praeger Publication,  
New York, 1978.
26. WEISSMAN, J.C.,  
Drug Abuse: The Law and  
Treatment Alternatives,  
Anderson Publishing Co.,  
New York, 1978.
27. WILMOT, Richard,  
"What is Rehabilitation?",  
International Journal of  
Offender Therapy and  
Comparative Criminology,  
Vol. 20, 1976.
28. ZAINAL ADZAM bin Abdul Ghani,  
Social and Legal Aspects of  
Drug Abuse in Malaysia,  
(Thesis M.A.), Fakulti Undang-  
undang, Universiti Malaya,  
Kuala Lumpur, 1976.
29. SURATKHABAR TEMPATAN,  
The Malay Mail,  
The New Straits Times.